

Bil. 3

**Selasa
23 Julai 2013**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

| | |
|--|--------------|
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 1) |
| USUL-USUL: | |
| Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop</i> | (Halaman 24) |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 34) |

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
5. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Senator
Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. " Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan*
8. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
9. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
10. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
11. " Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
12. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. " Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
16. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
18. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator
Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
19. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
20. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
21. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
22. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
23. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
24. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
25. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
26. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
27. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
28. " Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
29. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
30. " Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
31. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
32. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
33. " Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
34. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
35. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)

-
36. Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
 37. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
 38. “ Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
 39. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator
Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
 40. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
 41. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
 42. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
 43. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
 44. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
 45. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
 46. “ Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
 47. ” Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
 48. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
 49. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
 50. “ Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy – *Senator
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
 51. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
 52. “ To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah Md Nasir

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Selasa, 23 Julai 2013

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, bagaimana kementerian bersama dengan Kementerian Pendidikan dan semua pertubuhan belia dan sukan dapat berganding bahu untuk meningkatkan lagi keberkesanan peranan sukan dalam memupuk semangat patriotik dan perpaduan di kalangan belia pelbagai kaum di negara kita.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Saya ingin memohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus yang bertarikh 25 Julai 2013 kerana menyentuh isu yang sama iaitu peranan sukan dalam memupuk semangat patriotik dan perpaduan di kalangan belia pelbagai kaum. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin: Sememangnya sukan berperanan sebagai manhaj atau pendekatan perpaduan tanpa mengira ideologi serta dapat menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan pemain, penonton, penggiat sukan dan rakyat Malaysia keseluruhannya. Penyertaan dalam aktiviti sukan juga tidak terhad kepada kaum tertentu bahkan kerajaan telah membuka peluang seluas-luasnya bagi mereka yang berminat untuk terlibat dalam aktiviti sukan di semua peringkat.

Pelaksanaan program oleh pihak kementerian adalah berlandaskan Pelan Strategik KBS 2010-2015 di bawah teras strategik ketiga iaitu pembudayaan sukan untuk semua atau *sports for all*. Perancangan serta visi masa panjang dalam usaha melahirkan golongan belia dari negara bersukan ataupun *sporting nation*, adalah dengan menjadikan sukan sebagai salah satu platform ke arah pembangunan dan penyatuan masyarakat.

Oleh yang demikian, Kementerian Belia dan Sukan bukan sahaja menjalankan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bahkan agensi-agensi kerajaan lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta lain-lain kementerian dan agensi yang mempunyai hubung kait dengan pembangunan belia. Sebagai contoh, menerusi penganjuran sambutan Hari Belia yang dilaksanakan setiap tahun telah menyaksikan pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan secara bersama menerusi segmen-segmen seperti modal insan, keusahawanan belia, ekspo pendidikan, *Job Square*, sukarelawan, sukan rekreasi, *fit and active*, badan beruniform dan pelbagai lagi.

Selain daripada itu, kementerian juga telah bekerjasama dengan pihak KPM melalui Sekretariat Rakan Muda di institut pengajian tinggi dengan melaksanakan Program Karnival Rekreasi Rakan Muda IPT. Melalui karnival tersebut, pelbagai acara sukan berorientasikan semangat patriotik dan perpaduan antara kaum dilaksanakan bersama. Kementerian juga menjalankan kerjasama dengan NGO belia dan sukan dalam melaksanakan program-program yang berbentuk *sport based community building, sport based unity and sport based fitness*.

Ia bukan sahaja bertujuan bagi mewujudkan sebuah negara yang berbudaya sukan malah kelangsungan adalah untuk melahirkan masyarakat yang sihat, cergas, patriotik dan bersatu padu.

Antara program-program tumpuan yang melibatkan penyertaan ramai dan berbilang etnik termasuklah sukan larian, senamrobik, berbasikal dan sukan rakyat yang boleh menyumbang kerajaan ke arah mencapai matlamat tersebut,

Selain itu, usaha yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan memperkenalkan Dasar 1Murid, 1Sukan dilihat sebagai satu langkah jangka panjang untuk membentuk sahsiah, jati diri, disiplin, nilai murni dan juga memupuk perpaduan di antara kaum. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan dan tahniah atas pelantikan beliau sebagai Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri menumpukan kepada sukan untuk semua. Maka dalam perkara ini, bagaimanakah kita dapat mempopularkan sukan yang diminati lebih oleh satu kaum misalnya bola sepak, sepak takraw oleh kaum Melayu kepada kaum bukan Melayu dan juga di sebaliknya bola keranjang dan pingpong kepada Melayu. Itu satunya.

Kedua, mengenai sukan berprestasi tinggi pula, bagaimanakah kita dapat menggunakan, mempergunakan ikon dan idola juara atlet kita untuk menjadi satu *role model* kepada belia, dan dalam sukan, untuk mewujudkan pasukan *cheerleaders* yang berbilang kaum supaya apabila juara kita bertanding di arena antarabangsa misalnya, kita dapat memberikan sokongan secara bersepadu. Itulah soalan tambahan saya.

■1010

Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tadi. Pertama, soalan mengenai bagaimana kerajaan dapat mempopularkan sukan-sukan tertentu di kalangan peserta daripada kaum yang tidak minat atau tidak ramai minat kepada sukan berkenaan. Contoh yang diberi oleh yang terhormat Senator tadi adalah bola sepak dan sepak takraw adalah sinonim dengan kaum Melayu, bola keranjang dan mungkin pingpong dan mungkin sesetengah sukan akuatik sinonim dengan kaum Cina.

Sebenarnya Yang Berhormat Senator, kita mempunyai satu perancangan untuk membangunkan satu konsep yang dinamakan *sports for unity* di Kementerian Belia dan Sukan. Melalui kajian separuh penggal kita, kajian separuh penggal pelan strategik Kementerian Belia dan Sukan yang telah saya buat baru-baru ini, Kita akan melihat bagaimana kita dapat meningkatkan lagi penglibatan daripada kaum-kaum yang lain dalam sukan bersama dengan *players* ataupun pemain-pemain daripada kaum yang biasa main sukan tersebut.

Saya rasa Yang Berhormat pun memahami masalah ini. apabila kita cuba menggalakkan contohnya, pemain Melayu untuk bermain bola keranjang, ia akan mewujudkan kejohanan bola keranjang Melayu ataupun persatuan Kriket Melayu dan tidaknya buat secara bercampur tetapi dia mewujudkan satu lagi *silo* yang tidak sebenarnya membantu untuk kita memupuk semangat perpaduan.

Jadi, kita akan memastikan bahawa kejohanan ini dapat melihat campuran yang hebat dari segi pemain-pemain tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat Senator pun tahu bahawa *coercion* atau pun paksaan untuk kita mengadakan pertandingan yang berbilang kaum ini juga kadangkala tidak berjaya memandangkan amat susah untuk kita mendapatkan penyertaan yang berbilang kaum. Akan tetapi kita akan cuba dan kita sedang merangka beberapa strategi untuk memastikan bahawa sukan ini dapat dipopularkan. Antara contoh adalah untuk kita bawa kejohanan tersebut, contohnya kejohanan bola keranjang ke kawasan kampung Melayu supaya dapat penglibatan dan *exposure*, pendedahan kepada sukan tersebut. Dari segi *selection* Yang Berhormat Senator iaitu ada di kalangan beberapa sukan yang mengatakan bahawa *selection*, pemilihan pemain-pemain sekarang ini amat tidak berasaskan kepada merit tetapi berasaskan kepada pilih kasih dan sebagainya. Itu pun dalam perhatian Kementerian Belia dan sukan.

Mengenai soalan kedua Yang Berhormat Senator iaitu ikon prestasi tinggi. Sukacita saya maklumkan kepada Dewan ini bahawa kebetulan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, semalam dan juga kelmarin kita telah mencatat satu prestasi yang cukup baik di peringkat dunia.

Semalam kita telah mendengar berita iaitu pertamanya, atlet Paralimpik kita telah mendapat pingat emas di Kejohanan Dunia Paralimpik iaitu saudara Ziyad Zulkifli dalam bidang *Shortput World Champion* di Perancis dan lewat malam semalam, Pandalela dan Leong Mun Yie telah mendapat pingat gangsa di *World Aquatic Championship* Barcelona. Selain daripada itu pasukan *archery* kita telah mendapat pingat perak dua hari lepas dalam *World Cup Man Wicker Final* dalam bidang memanah. Jadi ini semua menggambarkan sukan dan kedudukan prestasi sukan kita tidak perlu bergantung kepada pasukan bola sepak kebangsaan yang sentiasa menghampakan kita.

Namun yang demikian, saya memahami apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi dan untuk *cheerleaders* ini, saya cadangkan mungkin selepas ini satu cadangan daripada soalan Yang Berhormat Senator bahawa kita boleh dan kita harus teruskan untuk menggunakan pelajar-pelajar kita yang berada di luar negara sebagai *natural pool of cheerleaders*, dengan izin yang ada dan mereka ini sudah pasti berbilang kaum. Saya pasti kalau Lee Chong Wei contohnya masuk ke perlawanan akhir *All England*, yang datang untuk menyokong di kalangan pelajar-pelajar kita di UK adalah Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Orang Asli dan lain-lain juga sebab kita tahu bahawa bila kita hendak sokong atlet kita yang berprestasi tinggi tidak ada batas kaum dan sebagainya. Saya menyambut baik apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Persoalan sekarang ialah untuk membangkitkan semangat patriotik melalui sukan di kalangan belia berbilang kaum. Jadi, saya ingin membuat pertanyaan tambahan kerana perkara ini adalah terlalu baik kalau ianya dapat dilaksanakan melalui bidang sukan. Sebagaimana yang kita ketahui bidang sukan, kita sebuah negara Asia, saiz orang kita Malaysia ini kalau hendak dibandingkan dengan orang Eropah dalam bidang sukan tertentu terutamanya tinju, bola sepak dan sebagainya dia tidak boleh pergi jauh.

Oleh sebab itu kita perlu memilih bidang yang menggunakan kepakaran. Sebagai contoh badminton, memanah, boling dan sebagainya yang tidak ada pertembungan fizikal. Jadi dalam hal ini cuba bayangkan kalau pasukan badminton kita regunya, pemainnya ialah orang Cina, orang Melayu, orang India, orang Siam, orang Kadazan dan sebagainya yang boleh memenangi di peringkat Olimpik dan sebagainya. Ataupun pasukan memanah kita, pasukan boling kita dan sebagainya. Jadi ini perlulah dirancang oleh kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan sukan supaya bakat-bakat ini dipilih daripada peringkat sekolah rendah dan mereka ini disektorkan dalam sekolah sukan di peringkat rendah lagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat, teruskan soalan.

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Jadi, adakah kerajaan tidak bercadang untuk membuat, mengadakan *plan* seperti yang saya sebutkan tadi untuk menghasilkan satu pasukan sukan yang berbilang kaum, yang boleh menjadi juara di peringkat dunia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Yang Berhormat. Bila kita cakap, bila kita melihat kepada soal sukan yang dapat memupuk perpaduan dan semangat patriotik dan juga dari segi prestasi kita di peringkat dunia. Ia adalah satu dua perkara berkait tetapi berbeza dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *related but different* disebabkan bila kita pilih pasukan kita, kita tidak pilih berdasarkan kepada kaum. Kita pilih yang terbaik untuk mewakili negara kita di peringkat antarabangsa. Jadi kita harus tidak ada masalah sekiranya juara badminton kita di peringkat dunia adalah seorang rakyat Malaysia yang berketurunan Cina atau pun juara kita dalam bidang memanah adalah yang berketurunan Melayu sebab mereka adalah rakyat Malaysia yang mewakili 1Malaysia.

Akan tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu tadi perkara yang penting iaitu kita memberi peluang yang sama kepada semua terutamanya di peringkat sekolah. Itu bukan hanya di peringkat cadangan tetapi sedang dilaksanakan oleh kerajaan kita melalui Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia. Kita ada program 1Murid 1Sukan.

Bukan hanya itu, kita ada satu program pengenalan bakat, *talent identification*, dengan izin, di mana tahun ini sahaja kita sudah mengenali atau pun kita sudah menguji lebih daripada 50,000 daripada anak-anak kita, pelajar-pelajar sekolah di peringkat sekolah rendah melalui kerjasama Institut Sukan Negara dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kita buat dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *a battery of test* untuk mengukur sejauh mana fleksibiliti mereka, kekuatan mereka, ketinggian mereka, dia punya berat badan, dia punya kebolehan dari segi fizikal mereka supaya kita dapat kenal pasti bakal atlet di kalangan pelajar-pelajar kita. Selepas itu mereka dimasukkan ke dalam program-program pembinaan bakat mengikut sukan-sukan teras kita. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator tadi kita memang sedar bahawa dari segi saiz fizikal kita di Malaysia ini kita tidak boleh bersaing dengan negara-negara lain dalam sukan-sukan tertentu.

We will never be.., dengan izin, *the World Champion in Rugby, sad to say*. Akan tetapi, kita boleh menjadi juara dunia seperti mana yang disebutkan tadi dalam memanah, sukan terjun, dalam sukan badminton dan sebagainya. Ini semua menjadi sukan teras, yang saya sebutkan tadi memanah, *diving* dan juga *shotput* dalam Paralimpik. Itu semua program yang telah menjadi sukan teras, sukan berprestasi tinggi dalam Majlis Sukan Negara dan akhirnya kita telah melihat hasil pada dua hari yang sudah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan, ada lagi soalan tambahan? Yang Berhormat Khairiah, silakan.

■1020

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga meminati sukan. Saya merujuk kepada seorang perempuan Islam yang bertudung dan menjaga aurat dan antara sukan yang disukai adalah tentu sekali renang. Akan tetapi hari ini yang membatasi aktiviti renang kepada Muslimat yang menjaga aurat adalah kemudahan-kemudahan yang sangat terhad, bahkan boleh dikatakan tidak ada. Jadi, adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan kemudahan-kemudahan sukan ataupun rekreasi, khususnya kolam-kolam renang yang boleh memberikan kemudahan kepada wanita-wanita yang bertudung, ataupun lebih khusus kepada mewujudkan kolam renang yang berasingan ataupun waktu yang berasingan kepada lelaki dan perempuan. Itu soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya anggap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebagai perkara yang penting untuk kita memberikan peluang kepada terutamanya Muslimat kita yang ingin terlibat dalam sukan contohnya yang menginginkan waktu dan *facility* yang berbeza.

Untuk makluman Yang Berhormat, sudah ada perancangan dan sudah dilaksanakan juga contohnya di gim rakyat kita di kemudahan-kemudahan sukan di bawah Kementerian Belia dan Sukan, *only woman's day*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Di mana kita hanya hadkan penyertaan dan juga hanya wanita sahaja boleh menggunakan *facility* sukan tertentu pada hari-hari yang tertentu dalam seminggu tersebut. Akan tetapi saya akan melihat semula kepada dasar tersebut dan kalau sekiranya ada permintaan terutamanya dalam sukan renang, kita akan memperluaskan polisi tersebut. Terima kasih.

2. Datuk Haji Saat bin Haji Abu minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, mengapa terdapat banyak AP-AP yang diperoleh syarikat bukan bumiputera beroperasi di seluruh negara, sedangkan AP-AP yang diluluskan oleh MITI hanya kepada syarikat bumiputera sahaja.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu.

Selaras dengan dasar ekonomi baru, objektif utama dasar pemberian lesen import AP ini yang terbuka, yang dikenalkan pada tahun 1970 adalah untuk menggalakkan

usahawan bumiputera dalam sektor automatif. Jadi pemberian AP terbuka adalah terhad hanya kepada peniaga kenderaan bumiputera sahaja yang mana syarikat utama kelulusan peruntukan AP terbuka adalah ekuiti, syarikat dan ahli lembaga pengarah hendaklah dipegang sepenuhnya oleh bumiputera.

Tentang isu AP yang diperoleh oleh syarikat-syarikat bukan bumiputera, saya hendak maklumkan di sini bahawa tiada AP diberikan kepada syarikat-syarikat bukan bumiputera. Walau bagaimanapun, kemungkinan AP tersebut diperoleh daripada syarikat-syarikat yang telah diluluskan AP terbuka di luar pengetahuan MITI. Walau bagaimanapun, MITI sentiasa mengambil tindakan untuk memastikan bahawa perkara tersebut tidak berlaku. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Datuk Haji Saat bin Haji Abu.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Yang Berhormat, soalan saya, adakah kemungkinan syarikat-syarikat bumiputera yang mungkin memajukan AP tersebut kepada syarikat-syarikat bukan bumiputera? Apakah pemantauan yang dibuat supaya syarikat bumiputera tidak memajukan AP-APnya kepada syarikat bukan bumiputera? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu yang bertanya pada soalan tambahan tadi tentang kemungkinan itu, kemungkinan ada. Walau bagaimanapun, MITI memandang serius akan isu penjualan AP dan antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan semua syarikat pemegang AP terbuka mematuhi syarat-syarat kelulusan AP adalah dengan melaksanakan audit ke atas semua syarikat pemegang AP terbuka. Pelaksanaan audit ini bertujuan untuk memperoleh maklumat mengenai kemampuan syarikat pemegang AP tersebut daripada segi kewangan dan pengurusan syarikat. Audit yang berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan pemegang-pemegang AP sentiasa mematuhi garis panduan seperti yang telah pun ditetapkan.

Selanjutnya pertimbangan ataupun keputusan untuk menggantung atau menarik balik peruntukan AP syarikat-syarikat boleh diambil sekiranya jelas dengan bukti yang kukuh tentang syarikat yang didapati melanggar peraturan. Sebagai buktinya, sejak dasar ini dilaksanakan, satu syarikat telah pun digantung, satu syarikat telah pun dibatalkan dan dua syarikat telah pun dikenakan tindakan tatatertib dengan mengurangkan kuota bilangan AP sebanyak 25 peratus. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan seterusnya, dipersilakan Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah adakah kerajaan bercadang untuk melanjutkan pemberian AP dari tahun 2015 sehingga tahun 2020 kepada pengimport bumiputera yang terbukti jujur, tidak menjual APnya kepada bukan bumiputera? Sekian.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya tadi. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak berhasrat untuk melanjutkan tempoh kelulusan AP tersebut selepas tahun 2015 bagi AP terbuka dan selepas tahun 2020 bagi AP francais. Sekian, terima kasih.

3. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta Menteri Kesihatan menyatakan, dalam situasi kesibukan kehidupan harian masalah seperti stres dan tekanan emosi kian meningkat. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk memberi kesedaran serta sokongan kepada rakyat.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator S. Bagiam.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkenaan dengan kesihatan mental, bukan penyakit mental. Jadi, definisi kesihatan mental ialah yang bermaksud keadaan yang mana seseorang itu menyedari potensi diri boleh berdaya tindak terhadap stres kehidupan sehari-hari dan boleh bekerja dengan produktif dan boleh menyumbang kepada masyarakat.

Jadi Kementerian Kesihatan telah pun mengambil langkah-langkah mempertingkatkan kesihatan mental masyarakat dengan memberikan kesedaran dan sokongan kepada rakyat bagi menangani stres dan tekanan emosi seperti yang berikut.

Satu, pelaksanaan mengikut persatuan aktiviti promosi kesihatan mental antaranya ialah kempen cara hidup sihat yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2000 yang memfokuskan kepada promosi kesihatan mental melalui skop pupuk minda sihat menangani stres. Aktiviti yang dilaksanakan antaranya ialah melalui sambutan Hari Kesihatan Mental setiap tahun. Hari Kesihatan Mental ini adalah pada 10 Oktober. Mengadakan kem-kem kesihatan, pameran, ceramah, dialog dan forum dan juga mengadakan risalah, poster yang berkaitan dengan *mental health* dan juga menyalurkan maklumat melalui media cetak dan media elektronik. Sekarang ini kita sudah ada satu portal iaitu www.myhealth.gov.my berkenaan dengan *mental health*.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga mengadakan program kesihatan mental komuniti melalui klinik-klinik kesihatan yang mana saringan-saringan dibuat untuk mengesan awal tahap stres, keresahan dan kemurungan peserta individu yang berisiko mengalami masalah kesihatan mental dalam kalangan masyarakat dan juga program menangani stres di tempat kerja bagi membantu warga pekerja untuk menangani stres. Kita juga mengadakan hubungan dengan Kementerian Pendidikan dengan mengadakan program minda sihat dalam kalangan murid. Sekarang ini sudah ada 151 buah sekolah menengah yang terlibat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Puan S. Bagiam. Silakan.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Terima kasih Yang Berhormat yang menjawab. Soalan tambahan saya, kita sedar bahawa faktor dan ciri-ciri serta tekanan emosi adalah satu penyakit yang tidak mudah dikenal pasti di peringkat awal lagi, peningkatan kadar tekanan juga dapat dilihat di semua negara membangun termasuk Malaysia.

■1030

Kita sedar kesan dan akibatnya jika tidak dibendung pada awalnya. Apakah kementerian sedia mewujudkan satu bahagian daripada klinik kerajaan untuk mengenal dan merawat tekanan disediakan sebagai salah satu produk penyampaian, perkhidmatan kesihatan di semua klinik sebagai satu unit kaunseling di seluruh pelosok negara? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang masalah. Kalau penyakit mental dia cuma ada 1 peratus sahaja di Malaysia ini yang menghidap penyakit mental. Akan tetapi yang masalah kesihatan mental sekarang ini telah meningkat kepada 20 peratus. Makna yang menghadapi masalah kemurungan, *depression* dan *anxiety* jenis itu ada lebih kurang 20 peratus masyarakat Malaysia yang terlibat. Memang kerajaan sedar perkara ini dan sebab itu pihak kementerian menyediakan kemudahan untuk saringan, hendak kenal pasti peringkat awal, ya.

Di Malaysia kita ada pakar psikiatri. Kita ada 224 orang di seluruh Malaysia dan ahli psikologi klinikal ada 100 orang. Bilangan klinik kesihatan yang menawarkan perkhidmatan kesihatan mental 806 buah semuanya di seluruh Malaysia. Kita ada 3,000 klinik, 806 buah adalah yang memberi perkhidmatan berkenaan dengan kesihatan mental. Hospital kerajaan lain juga mengadakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental, ada 40 buah. Hospital mental ada empat buah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lim Nget Yoon: Apakah pandangan Yang Berhormat tentang langkah-langkah dan *facilities* diadakan oleh kementerian memandangkan pelajar membunuh diri dan *child abuse*, dengan izin yang selalu berlaku? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan anak-anak sekolah memang ia berbagai-bagai faktorlah termasuk juga tekanan daripada ibu bapa. Kalau anak dapat 6A SPM tidak cukup lagi, dia hendak 8A. Jadi budak ini dia *under stress*. Jadi berbagai-bagailah. Memang berlakulah secara *behavior* Tuan Yang di-Pertua, di kalangan masyarakat khususnya anak-anak sekolah ya.

Kalau lihat statistik perangkaannya memang menakutkanlah. Ia ada *suicidal ideation*, idea untuk bunuh diri. Idea rancangan dan kemudian ada pula *suicidal plan* iaitu

rancangan untuk membunuh diri, *suicidal attempt* iaitu cubaan hendak bunuh diri. Ini semuanya yang terlibat dengan *mental health*lah.

Saya sebut tadi bahawa kita juga mengadakan program bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan dalam hal ini, melatih tetapi belum mencukupi lagi. Oleh kerana ini melibatkan seluruh negara dan yang setakat ini cuma 151 buah sekolah yang terlibat dan tahun ini kita akan tambah lagi 200 buah sekolah untuk program mengenal pasti anak-anak yang menghadapi stres yang begini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

4. Dato' Dr. Johari bin Mat minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah usaha yang telah dilakukan melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk merealisasikan transformasi pendidikan bagi meningkatkan kadar penyertaan di peringkat kanak-kanak dalam bidang pendidikan Islam awal kanak-kanak.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) adalah untuk meningkatkan kadar penyertaan kanak-kanak berumur empat dan lima tahun semasa untuk mendapatkan pendidikan awal sebelum mengikuti pendidikan wajib pada tahun satu. Untuk merealisasikan sasaran ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggalakkan semua pihak termasuk pihak swasta dan NGO untuk menyediakan pendidikan awal kepada semua kanak-kanak tanpa memberi penekanan kepada sesuatu bidang sahaja.

Oleh itu, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah digubal untuk digunakan oleh semua pihak yang melaksanakan pendidikan pra sekolah di mana salah satu tunjang utama KSPK adalah tunjang kerohanian, sikap dan nilai dalam komponen pendidikan Islam dan moral. Pendidikan di prasekolah juga meliputi dua jenis modul iaitu modul asas dan modul bertema. Setiap modul ini meliputi lebih kurang 35 peratus daripada masa pengajaran dan pembelajaran. Modul asas pendidikan Islam atau pendidikan moral diajar selama 120 minit seminggu. Manakala modul bertema juga merangkumi elemen pendidikan moral. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terima kasih banyak di atas jawapan Timbalan Menteri yang telah memberi penjelasan yang baik. Soalan tambahan saya ialah bagaimana kecenderungan kanak-kanak kita dengan program yang telah dibuat di peringkat prasekolah itu khasnya dalam bidang kerohanian dan juga moral tadi? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kecenderungan program untuk kanak-kanak tersebut di dapati amat efektif. Malah, sebagai maklumat tambahan kita di Kementerian telah pun menepati satu KPI untuk memastikan bidang pra sekolah ini dapat diterapkan secara terbaik. Malah kita telah pun menetapkan KPI sebanyak 88 peratus sekolah prasekolah ini dapat diwujudkan sebelum Oktober tahun ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kita memastikan semua ini berjalan lancar. Malah setakat Julai 2013 kita telah mencapai 70 peratus daripada KPI yang telah pun kita gariskan awal-awal lagi dengan izin, kita *on track* untuk memastikan pencapaian sebelum 88 peratus. Semua ini diambil kira dan kita juga membuat kajian dari semasa ke semasa dan mendekati operator-operator prasekolah ini untuk memastikan kanak-kanak meminati dan juga meneruskan pelajaran mereka di prasekolah. Ini menunjukkan bahawa kecenderungan itu memang ada dan kita sentiasa meneliti agar semua sekolah ataupun prasekolah ini melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sebaik boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ini agak terkeluar sedikit tetapi ada kaitannya.

Tadi, Yang Berhormat Menteri menyebut kurikulum prasekolah di sekolah-sekolah kebangsaan. Soalan saya ialah guru-guru yang mengajar peringkat prasekolah di sekolah

kebangsaan ini, adakah mereka ini mempunyai latihan yang khusus untuk mengajar di peringkat prasekolah ataupun diambil daripada guru biasa yang mengajar di sekolah rendah itu? Sejauh mana perkara ini telah dapat dilaksanakan untuk mencari guru-guru yang profesional dalam bidang mengajar di peringkat prasekolah? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian sentiasa memastikan bahawa kita memberikan yang terbaik kepada pelajar-pelajar prasekolah. Maka kita telah pun memastikan semua guru prasekolah juga memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh kementerian untuk melaksanakan tanggungjawab mereka. Kita tidak akan membiarkan mereka malah kita sentiasa memberi mereka latihan-latihan yang sewajarnya supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik.

Oleh yang demikian, aspek latihan dan keperluan mereka memang diperhatikan dan kita akan memastikan dan semua guru yang mengajar di prasekolah juga mempunyai kelayakan yang baik. Malah ada di antara guru-guru di prasekolah mempunyai ijazah pertama dan ini memastikan mereka memenuhi syarat-syarat pelantikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1040

5. Dato' Lim Nget Yoon minta Menteri Pertahanan menyatakan, mengenai calon-calon perempuan di Pusat Latihan Khidmat Negara yang melahirkan anak dalam masa menjalani latihan. Adakah calon-calon PLKN menjalani pemeriksaan doktor sebelum diterima untuk latihan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sejak Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dilaksanakan pada tahun 2004 sehingga kini terdapat enam kes pelatih melahirkan bayi semasa menjalankan latihan PLKN. Berkaitan dengan cadangan mewajibkan semua bakal pelatih PLKN agar menjalani ujian saringan kesihatan termasuk ujian kehamilan, sehingga kini pihak kementerian masih mengkaji dan mengutip pandangan daripada pelbagai agensi dan kementerian sebelum mewajibkan cadangan berkenaan.

Ini kerana setiap pelatih yang dipilih telah diwajibkan untuk membuat perakuan kesihatan menggunakan borang perakuan kesihatan. Sekiranya pelatih mempunyai sebarang masalah kesihatan termasuk kehamilan, maka mereka boleh merujuk kes kesihatan mereka ke pegawai perubatan kerajaan bagi tujuan status kesihatan mereka. Seterusnya, tindakan penangguhan atau pengecualian dalam menjalani PLKN akan dikeluarkan selaras dengan syarat yang telah ditetapkan dalam Akta Latihan Khidmat Negara 2003 [Akta 628].

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya telah terdapat di dalam borang perakuan kesihatan wanita, perakuan mengenai tarikh haid terakhir. Sekiranya pelatih wanita berkenaan memperakui sebagai tidak pasti atau tarikh haid yang lepas adalah terlalu lama, maka pelatih wanita berkenaan akan dirujuk kepada pegawai perubatan kerajaan bagi tujuan pengesahan status kesihatan mereka. Pelatih wanita yang disahkan hamil tersebut berhak diberikan penangguhan dari menjalani latihan selaras dengan Akta 628 yang saya telah jelaskan tadi. Walau bagaimanapun adalah dimaklumkan ketepatan maklumat yang diperolehi dalam borang perakuan kesihatan adalah bergantung kepada kejujuran pelatih itu sendiri di dalam membuat pengakuan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pelatih hamil ini ianya telah pun dibentangkan kepada Mesyuarat Kabinet pada 23 Jun 2011 untuk mendapatkan keputusan dasar. Kabinet telah bersetuju untuk mendapatkan pandangan dan kajian daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan. Pihak JLKN masih lagi menunggu keputusan konkrit berkaitan dengan isu tersebut daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Dato' Lim Nget Yoon.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada jawapan daripada Yang Berhormat. Soalan tambahan saya begini, memandangkan kes tersebut dan juga kes kematian pelatih

yang menjejaskan imej kementerian serta ibu bapa akan hilang kepercayaan kepada kementerian. Jadi, apakah langkah-langkah yang boleh memastikan kes-kes ini tidak berlaku? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Beberapa isu Yang Berhormat bangkitkan khususnya berkaitan dengan kes-kes yang telah dibangkitkan tadi iaitu kes kematian. Untuk makluman Yang Berhormat, berkaitan dengan kes kematian ini, kebanyakan kes ini adalah sebenarnya berkait dengan masalah kesihatan pesakit itu sendiri. Sebahagian besar daripada kes-kes kematian tersebut adalah tidak berkait dengan modul-modul latihan ataupun latihan-latihan yang dilakukan semasa mereka menjalani latihan PLKN.

Berkaitan dengan kes kehamilan ini seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa memang kerajaan mengambil serius tentang perkara ini. Perkara ini telah pun dirujuk kepada pihak Kabinet. Kabinet telah pun mendapatkan pandangan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Mereka telah pun membuat kajian dan setakat ini 94 peratus bersetuju bahawa perlunya satu ujian kehamilan dilakukan. Ianya telah dimaklumkan kepada Kabinet dan kita akan mengambil langkah-langkah selanjutnya untuk mendapatkan arahan daripada Kabinet berkaitan dengan keperluan untuk mengadakan ujian kehamilan ini.

Berkaitan dengan isu-isu yang lain seperti mana yang ingin saya jelaskan di sini, sememangnya kerajaan sentiasa memastikan bahawa pelatih-pelatih PLKN yang datang menjalani latihan di pusat-pusat khidmat latihan adalah mendapat perlindungan yang sewajarnya di dalam soal keselamatan dan kesihatan mereka. Oleh sebab itu beberapa langkah-langkah yang telah diambil, misalnya dalam soal keselamatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya setiap pusat-pusat latihan tersebut telah pun ditugaskan seorang polis secara sepenuh masa di kem-kem PLKN dan penugasan pegawai keselamatan daripada pengusaha kem, minimum enam orang. Ini untuk langkah-langkah keselamatan. Beberapa langkah-langkah yang lain, misalnya rondaan oleh unit PDRM bagi dua kali sehari semasa pelatih dan juga beberapa langkah yang konkrit dilakukan.

Berkaitan dengan isu kesihatan ini kita juga telah mengambil langkah-langkah, misalnya menempatkan tim paramedik untuk setiap kem. Begitu juga penempatan seorang kaunselor untuk memberikan khidmat kaunseling pada setiap pelatih bermasalah. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, Latihan Khidmat Negara ini adalah merupakan satu latihan yang diwujudkan untuk memberikan peluang kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan *national service*. Mereka diajar dalam beberapa modul-modul di situ berkaitan dengan kenegaraan dan juga mewujudkan integrasi di kalangan mereka untuk melahirkan rakyat Malaysia yang benar-benar bersatu padu.

Oleh sebab itu kerajaan mengambil berat terhadap apa juga cadangan-cadangan yang dikemukakan untuk memastikan bahawa latihan-latihan ini benar-benar memberikan faedah dan ia dapat memberikan kebaikan kepada mereka-mereka yang terlibat dalam latihan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Bakar.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk tambahkan lagi bilangan pusat-pusat latihan dan juga pelajarnya? Kedua, apakah kerajaan bercadang untuk mengambil semua belia dan tidak lagi berdasarkan peratus, contoh 10 peratus. Itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Senator di atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya kerajaan dari semasa ke semasa mengkaji untuk menambah bilangan yang terlibat dalam Latihan Khidmat Negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun hadapan iaitu tahun 2014, kita telah memilih seramai 150,000 orang pelatih berbanding dengan 140,000 pada tahun ini iaitu peningkatan sebanyak 10,000. Ianya adalah merupakan 28.5 peratus daripada 526,000 kelahiran yang dikira pada tahun 1996. Menjadi hasrat kita supaya lebih ramai yang akan terlibat.

Kita juga akan melihat, mengkaji dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa lebih banyak pusat-pusat yang akan diwujudkan sekiranya perlu. Ia untuk memberikan lebih

banyak ruang kepada rakyat Malaysia terlibat dalam Program Latihan Khidmat Negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

6. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, tentang impak penurunan harga kereta baru di Malaysia ke atas sektor perniagaan kenderaan terpakai dan bagaimanakah kementerian merencanakan langkah strategik bagi menangani impak dan kesan penurunan harga baru agar tidak ada golongan peniaga yang terkesan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Tentang soalan tersebut, sukacita saya maklumkan bahawa penurunan harga kereta sekiranya dilakukan secara mendadak, bukan sahaja memberi impak kepada pendapatan negara, malah kita sedar ia turut memberi impak kepada sektor perdagangan kereta terpakai.

■1050

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dengan izin, *booked value* bagi kereta yang mempunyai tempoh pembayaran yang panjang akan turut terjejas. Ini termasuklah bagi kereta yang mempunyai tempoh pembayaran selama tujuh tahun sekiranya penurunan-penurunan harga kereta dilakukan secara mendadak. Oleh yang demikian, langkah strategik yang diambil oleh pihak-pihak kerajaan ialah dengan melakukan, dengan izin, *soft landing*, ataupun melaksanakan penurunan harga kereta secara berperingkat berlandaskan kepada keperluan pasaran bagi mengurangkan impaknya kepada semua pihak berkepentingan termasuklah kereta perniagaan terpakai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah jaminan walaupun ada *soft lending*, memberi jaminan terhadap *survival* industri pembuat atau pengilang komponen dan pemasangan kereta barangan ganti dan juga kepada sektor pekerja-pekerja di industri ini dan pengguna juga dapat dilindungi daripada kerugian yang lebih besar sama ada satu mekanisme penurunan harga yang terancang dan berhemah melalui Pelan Dasar Automotif yang lebih dinamik.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Dasar Automotif Nasional yang baru, yang terkini sedang dibincangkan. Salah satu daripada komponen ataupun elemen yang dibincangkan akan dimasukkan ke dalam dasar tersebut ialah untuk melindungi semua yang terlibat dalam industri automotif termasuklah industri kereta terpakai, juga komponen-komponen ataupun alat-alat ganti tersebut. Jadi Tuan Yang di-Pertua, maka dengan sebab itulah kerajaan mengenakan ataupun memikirkan tentang dasar automotif tersebut supaya semua pihak tidak terjejas.

Pada masa yang sama, kerajaan juga menggalakkan kereta-kereta yang berjenama di luar negara dipasang ataupun dibangunkan dalam negara Malaysia. Kerajaan memberikan seberapa banyak insentif kepada syarikat-syarikat yang boleh bekerjasama, malahan syarikat-syarikat luar yang boleh membangunkan kenderaan ataupun automotif tersebut daripada luar negara ke dalam negara seperti jenama *Honda* dan sebagainya. Ini kerana kerajaan sedar bahawa sehingga ini, pekerja yang terlibat dalam industri kereta terpakai adalah 250,000. Pekerja yang terlibat dengan industri pembinaan kereta ialah 300,000. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Dato' Boon Som.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon pandangan daripada kementerian mengenai rundingan baru iaitu Rundingan Perdagangan Bebas Perkongsian Trans-Pasifik yang dirundingkan Malaysia dengan 11 negara.

Adakah rundingan ini banyak yang kebimbangan pelbagai pihak mengenai perjanjian baru ini termasuklah mantan Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamed

yang menyatakan bahawa banyak *loopholes* yang akan menyebabkan industri, termasuk industri automotif negara akan menghadapi impak negatif terhadap perjanjian ini. Apakah pandangan kementerian? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya tadi. Tentang TPP yang saya fikir ada kaitan dengan industri automotif, sudah tentulah diambil kira di dalam setiap perbincangan dalam TPPA tersebut. Sebagaimana yang kerap disebut oleh Yang Berhormat Menteri MITI bahawa setakat sehingga ini, masih lagi dalam perbincangan. Belum ada pun satu perjanjian yang telah pun ditandatangani walaupun jangkaan yang dibuat oleh negara-negara terlibat adalah hujung tahun ini. Akan tetapi sebagaimana kita maklum, tarikh tersebut adalah lebih kepada jangkaan. Kalau mengikutkan trend sekarang, secara peribadi saya mengatakan bahawa kemungkinan jangkaan tersebut tidak tepat.

Apabila Yang Berhormat menyebut tentang komen daripada negara-negara, sudah tentulah kerajaan memandang perkara tersebut sebagai sesuatu yang positif dan kerajaan lebih berhati-hati di dalam setiap perbincangan dan apa-apa perkara yang akhirnya akan dipertimbangkan untuk dipersetujui dan ditandatangani ke atas TPPA tersebut. Sekian, terima kasih.

7. Dato' Boon Som a/l Inong minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, mengenai kedudukan harga getah terkini, punca yang membawa kepada kejatuhan harga getah, mekanisme bagi menstabilkan harga getah serta menyatakan sama ada ASEAN boleh menentukan harga getah sesuai dengan kedudukan sebagai pengeluar utama getah dunia. Sejauh manakah tahap persaingan getah asli dengan getah tiruan serta langkah-langkah bagi menangani persaingan itu.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Boon Som yang bertanya. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah *Standard Malaysian Rubber* (SMR) pada 17 Julai 2013 telah merosot sebanyak 32.5 peratus kepada RM6.79 sekilogram berbanding dengan RM9 sekilogram pada awal tahun ini. Harga getah dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk penawaran dan permintaan pasaran.

Kadar pertumbuhan ekonomi dunia khususnya negara-negara pengimport utama getah dan pergerakan tukaran mata wang negara-negara pengeluar dan pengeksport getah. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, ia juga dipengaruhi oleh dasar kewangan di negara-negara maju dan stok getah asli di negara-negara pengimport utama seperti di China dan Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara ASEAN secara kolektif tidak dapat menentukan harga getah memandangkan tidak wujud peraturan atau perjanjian bagi perkara ini. Walau bagaimanapun, tiga buah negara pengeluar utama getah di ASEAN iaitu Thailand, Indonesia dan Malaysia ataupun ringkasnya kita panggil TIM, dengan izin, telah mewujudkan kerjasama di bawah *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). ITRC ini bertujuan antara lain menstabilkan harga getah melalui langkah-langkah berikut:

- (i) AETS dengan izin, *Agreed Export Tonnage Scheme* iaitu mengawal eksport melalui kuota. Skim ini telah dilaksanakan pada akhir suku tahun 2012 di mana ketiga-tiga negara tersebut telah bersetuju untuk mengurangkan eksport sebanyak 300,000 tan getah asli. Hasil daripada pelaksanaan AETS ini dalam tempoh enam bulan melalui 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013, adalah purata harga getah gred SMR20 telah meningkat dari RM7.99 sekilogram pada Ogos 2012 ke paras RM9.26 sekilogram pada bulan Februari 2013; dan
- (ii) melalui SMS dengan izin, *Supply Management Scheme* iaitu satu langkah jangka panjang untuk mengimbangi permintaan dan penawaran bagi memastikan satu paras harga yang menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga negara tersebut melalui kerjasama ITRC akan mengawal bekalan getah asli dunia menerusi program tanam semula dan tanaman baru

getah secara yang lebih terancang. Bagi negara Malaysia di bawah Program NKEA dengan izin, *National Key Economic Areas* pencapaian program ini pada tahun 2012 adalah sebanyak 36,470 hektar tanam semula dan 12,802 hektar tanaman baru. Manakala sasaran pada tahun 2013, adalah sebanyak 37,282 hektar tanam semula dan 13,000 hektar tanah baru.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, pasaran getah asli pada tahun 2012 adalah sebanyak 43.6 peratus daripada jumlah pengguna *elastomer* dunia. Pada masa kini, kedua-dua getah asli dan getah tiruan adalah saling *complementary* antara satu sama lain. Dalam jangka masa panjang, faktor yang akan menentukan komposisi penggunaan getah asli berbanding getah tiruan adalah bergantung antaranya pada satu perkembangan dan penggunaan getah. Teknologi getah asli dan dua komposisi produk akhir yang menggunakan hampir 100 peratus getah asli misalnya seperti tayar kapal terbang, *medical glove*, dengan izin, kondom dan sebagainya. Langkah-langkah bagi menangani persaingan antara getah asli dan getah tiruan adalah seperti berikut:

- (i) memperkukuhkan *research and development* (R&D), dengan izin, bagi menghasilkan produk-produk baru berasaskan getah asli seperti *rubber seismic bearings* dan *rubber rice bitumen road*, dengan izin;
- (ii) memperbanyakkan produksi dan pasaran produk-produk yang hanya dibuat dengan getah asli sahaja seperti tayar kapal terbang, *medical glove*, *condom* dan sebagainya; dan
- (iii) menjalankan aktiviti promosi getah asli atau produk getah asli secara berterusan kepada negara-negara pasaran utama seperti China, Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan Korea Selatan dan juga kepada negara-negara pasaran baru di Timur Tengah, di Afrika, di negara-negara bekas *Soviet Unions* dan juga di Amerika Selatan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Boon Som a/l Inong: Soalan tambahan saya, pada tahun 2009 kedudukan harga getah melambung tinggi. Jadi, ramai daripada pekerja, pemuda-pemuda balik bekerja di kampung, menoreh getah dan sebagainya. Apakah *contingency plan* kerajaan terhadap kedudukan harga getah mungkin satu hari akan turun ke paras yang paling rendah? Apa *contingency plan* dan apakah usaha kementerian untuk memajukan industri hiliran kita? Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som yang bertanyakan tentang soalan kemungkinan harga getah asli yang mungkin akan terus jatuh. Kita unjurkan Tuan Yang di-Pertua pada tahun ini harga getah ini akan berkisar antara RM6.50 hingga kepada RM7 lebih. Semalam pun harga masih lagi berkisar di anggaran itu, RM7.13. Saya kira dengan harga yang kita unjurkan ini, sebenarnya pekebun-pekebun kecil ataupun industri ini masih lagi mendapat pendapatan yang agak memberangsangkan kecuali jika sekiranya kita minta tidak berlaku harga akan terus jatuh.

Ini kerana kita tidak ada pengawalan kepada pertumbuhan ekonomi dunia, kesan mata wang dunia dan sebagainya khasnya negara-negara pengimport. Maka mungkin satu mekanisme untuk menstabilkan harga seperti bersama ITRC ini, kita teruskan sebab sekarang kita sudah berhenti. Akan tetapi, ada nampak kesan Yang Berhormat, sejak enam bulan kita laksanakan, ada nampak harga itu naik semula kerana kita mengawal bekalan di pasaran khasnya kepada negara-negara pengimport kita.

Pelan-pelan lain juga adalah termasuk mungkin *technology transfer*, dengan izin kemudian menghasilkan produk-produk baru melalui *research and development* yang dilaksanakan. Satu lagi soalan tadi adalah berkaitan dengan apakah projek hiliran. Projek hiliran untuk memajukan industri Yang Berhormat ya adalah melalui Lembaga Getah Asli Malaysia (LGM) yang merupakan agensi kita untuk membantu pembangunan dan juga pemodenan industri getah ini.

Kita akan meneruskan penyelidikan-penyelidikan untuk sektor hiliran supaya dapat mewujudkan produk-produk baru yang lebih berkualiti dan memenuhi kehendak pasaran dan kita *value added* apa yang telah sedia ada Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, kita juga akan melihat teknologi-teknologi baru yang kita jangka boleh menambah baik produk ataupun menambah hasil selain daripada bekerjasama untuk mendapatkan insentif ataupun program-program sokongan dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti MIDA ataupun Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapa harga getah dan kelapa sawit berbeza di antara Semenanjung dan Sabah yang jauh lebih rendah? Apakah langkah kementerian untuk menyeragamkan harga komoditi ini? Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Jamilah. Pada hari ini saya memberi fokus kepada harga getah sahaja Tuan Yang di-Pertua kerana sawit tidak berkaitan dengan soalan induk. Walau bagaimanapun, ia adalah berkaitan dengan perbezaan harga. Banyak mungkin faktor yang akan mempengaruhi perbezaan harga di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak. Satu, sebenarnya di Sabah ianya kita letakkan di bawah pemantauan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan juga di Sarawak, Jabatan Pertanian Sarawak. Sebagaimana sektor-sektor lain juga, perbezaan itu pastinya bergantung rapat dengan kos bahan, kos sara hidup di sana lebih tinggi dan juga keadaan muka bumi dan juga kekangan untuk industri tersebut melalui sebagaimana yang saya kata tadi faktor muka buminya di mana kos yang terlibat untuk produksi dan juga pengeluaran adalah berbeza dengan Semenanjung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan, langkah-langkah penguatkuasaan bagi memastikan pemantauan pengusaha kantin sekolah terhadap penjualan menu makanan sihat di kantin sekolah seperti dalam garis panduan senarai makanan yang dibenarkan dan apakah kementerian bercadang untuk mengadakan kempen pemakanan sihat ke sekolah-sekolah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian Pendidikan Malaysia amat prihatin tentang penjualan makanan sihat di kantin-kantin sekolah. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan Buku Laporan Kendiri Kantin untuk tujuan pemantauan pengusaha kantin dan kualiti serta jenis makanan yang disediakan.

Pihak pengusaha kantin sekolah perlu mengisi buku ini setiap hari untuk memastikan kualiti makanan dan keadaan keseluruhan kantin dapat dipantau dan ia perlu disahkan oleh pihak pengurusan sekolah untuk memastikan kualiti makanan dan pengendalian makanan adalah pada tahap yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia memberi penarafan terhadap kantin sebagai langkah pemantauan. Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menyediakan garis panduan kantin sihat yang perlu dipatuhi oleh pihak sekolah serta pengusaha kantin. Pihak sekolah boleh menamatkan kontrak kantin sekiranya pihak pengusaha kantin tidak mematuhi garis panduan kantin sihat.

Kementerian Pendidikan Malaysia menekankan cara hidup sihat dalam memastikan murid-murid dididik kaedah mengamalkan pemakanan sihat. Poster serta menu yang dilengkapi dengan jumlah kalori dipaparkan di kawasan sekolah dan guru pendidikan jasmani juga diminta untuk memberikan didikan berkaitan cara hidup sihat. Murid-murid juga didedahkan dengan jumlah kalori yang digunakan sekiranya melaksanakan aktiviti-aktiviti harian mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan begitu terperinci. Kajian yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2000 menunjukkan obesiti di kalangan murid-murid yang berusia enam hingga tujuh tahun adalah 9.7 peratus, manakala pada tahun 2008 pula telah meningkat kepada 13.7 peratus.

Kajian juga mendapati 88.6 peratus murid membeli makanan di kantin. Sementara Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan telah melarang menjual 15 jenis menu makanan di kantin sekolah.

■1110

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah memandangkan inspektor kesihatan dan pegawai kesihatan mempunyai keupayaan yang terhad untuk memantau penyediaan makanan, kebersihan kantin dan menu makanan yang dijual di kantin sekolah, apakah langkah kementerian untuk mengupayakan guru-guru kesihatan sekolah untuk memantau kantin di sekolah.

Sejauh manakah cadangan supaya indeks jisim badan iaitu BMI wajib direkodkan dalam laporan prestasi sekolah sebab selama ini sejauh mana diambil tindakan hanya diambil merekodkan berat badan dan ketinggian sahaja. Apakah langkah kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan menggalakkan ibu bapa menyediakan makanan sihat dan seimbang untuk anak-anak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat soalan tambahan. Akan tetapi saya cuba menjawab seberapa banyak yang boleh. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti mana yang saya maklumkan tadi Yang Berhormat Senator dan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun khasnya Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun menyediakan garis panduan, kontrak untuk kantin-kantin tersebut untuk mematuhi segala syarat-syarat yang telah kita nyatakan, kalori makanan dan sebagainya. Kita juga telah memberi kuasa yang secukupnya kepada pengurusan sekolah untuk memantau dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kita telah pun memberikan kuasa. Maka sekiranya pengusaha kantin tidak melaksanakan tanggungjawab, pihak sekolah mempunyai kuasa sepenuhnya untuk menamatkan kontrak tersebut. Mereka tidak perlu rujuk kepada kementerian kerana kita telah beri dan kuasa ini diberi melalui garis panduan yang sedia ada di dalam kontrak. Maka tidak perlu merujuk kepada sekiranya cikgu-cikgu ataupun persatuan ibu-bapa, guru mempunyai bukti yang kukuh bahawa kantin tidak melaksanakan tanggung jawab, mereka boleh buat laporan kepada pengurusan sekolah dan seharusnya pengurusan sekolah mengambil tindakan yang sewajarnya. Maka isu kita tidak mengambil tindakan tidak wujud sama sekali. Akan tetapi kita sedia maklum perkara ini timbul dan kita memantau.

Oleh yang demikian kita ada proses pemantauan dan kita harus memastikan bahawa bukan sahaja kualiti makanan itu penting, tetapi layanan, kebersihan. Ini semua merupakan di antara fakta-fakta yang mana pihak pengurusan sekolah harus ambil maklum. Saya juga sedar atas cadangan indeks jisim badan. Saya terima baik cadangan tersebut. Saya akan memastikan bahawa cadangan yang telah diwujudkan ataupun dibentangkan oleh Yang Berhormat Senator akan kita ambil kira dan sekiranya ia belum dilaksanakan, kita akan cuba mengambil tindakan untuk melaksanakan cadangan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat bahawa di banyak sekolah, di dalam sekolah dan di luar sekolah juga, ada penjaja-penjaja menjual *junk food*, dengan izin. Apakah peraturan ataupun panduan yang dibuat oleh kementerian untuk mengawal penjualan *junk food* kepada murid-murid dan juga untuk mengkaji apakah sebenarnya isi *junk food* itu dari segi kesihatan? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita tidak menggalakkan sama sekali penjualan *junk food* dan kita melarang dan ada masa murid-murid sendiri mungkin membawa dari rumah yang mana kita tidak dapat menghalang. Akan tetapi kita terus memberi maklumat-maklumat dan panduan-panduan makanan yang berkhasiat untuk anak-anak dalam kawasan sekolah. Di luar kawasan sekolah, pihak berkuasa tempatan harus mengambil tindakan.

Pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka-mereka yang menjual barang-barang yang seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi dengan izin, *junk food*.

Akan tetapi pada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah garis panduan, kita telah berikan kepada semua pengusaha kantin melalui sekolah-sekolah ini, kita

memandang serius dan kita akan memastikan bahawa *junk food-junk food*, dengan izin, tidak dapat dijual di dalam kawasan sekolah seberapa baik yang boleh dan sekiranya ada pihak yang berkenaan boleh membuat laporan itu terus kepada pihak pengurusan sekolah. Tidak ada halangan, mereka boleh buat laporan dan pihak sekolah diberi hak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

9. Tuan Chiew Lian Keng minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, sejak kaedah-kaedah Pusat Siber (WPKL) berkuat kuasa sejak 15 Jun 2012, berapakah pusat siber yang berlesen dan tidak berlesen di Kuala Lumpur. Oleh kerana permohonan telah dibekukan dan masih ramai pengusaha yang tidak sempat memohon lesen, sama ada pihak penguat kuasa akan mengambil tindakan tertakluk kepada akta tersebut.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator Chiew. Selamat menunaikan ibadat berpuasa kepada saudara dan saudari yang Muslim.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator Chiew, permohonan yang mendapat kelulusan lesen bagi menjalankan aktiviti pusat siber dan *cyber cafe* mula dibuka oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 1 Mac 2013.

Walaupun kaedah-kaedah pusat siber dan kafe Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2012 mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2012. Dalam tempoh 15 Jun 2012 sehingga 28 Februari 2013, DBKL telah bertindak untuk mengkaji kaedah dan proses pelesenan, menyediakan garis panduan pelesenan yang lengkap, mencetak bahan edaran dan membuat makluman ke premis-premis pengusaha pusat siber dan *cyber cafe* untuk makluman mereka. Bermula 1 Mac 2013, aktiviti tersebut dibuka untuk permohonan lesen oleh pengusaha-pengusaha yang menjalankan aktiviti pusat siber dan *cyber cafe*.

Di sepanjang tempoh 1 Mac 2013 hingga 19 Jun 2013, tarikh kelulusan lesen baru dibekukan. Sebanyak 201 permohonan lesen telah diterima dan diproses oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Dari jumlah tersebut sebanyak 19 permohonan telah diluluskan lesen, sebanyak 170 permohonan telah ditolak kerana gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan sebanyak 12 permohonan masih dalam proses kelulusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga kini DBKL telah menjalankan tindakan-tindakan penguatkuasaan ke atas sebanyak 48 premis atas kesalahan membenarkan dan menyediakan aktiviti perjudian. Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan iaitu tindakan sita peralatan komputer dan mahkamah akan diteruskan oleh DBKL ke atas mana-mana premis dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Tuan Chiew Lian Keng: Saya meminta tanya bahawa Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan sama ada, adakah rayuan yang diberikan kepada pengusaha diberikan keutamaan kepada pemohon yang telah ditolak. Di mana kita tahu bahawa pemohon siber bukannya semua berunsur dengan perjudian. Ada yang bagus punya. Justeru itu saya memohon pihak kementerian agar dapat mempertimbangkan permohonan yang telah ditolak untuk memberi pertimbangan seterusnya.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator Chiew. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian, DBKL telah diarah oleh Yang Berhormat Menteri untuk terus membekukan semua permohonan-permohonan lesen bagi *cyber cafe* atau pun pusat siber buat masa kini dan sekiranya rayuan dikemukakan, mereka perlu mematuhi sepenuhnya syarat-syarat yang telah ditetapkan maka mereka akan diberi peluang untuk mendapat semula lesen tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Soalan tambahan saya begini. Sebagai badan yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen kepada pengusaha pusat siber, jadi dengan langkah-langkah yang diambil oleh DBKL dan pandangan Yang Berhormat. Langkah-langkah yang diambil cukup kah? Adakah sudah cukup bagus untuk menghentikan aktiviti perjudian *even worst than that, you know*, dengan izin. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

■1120

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, kementerian dan DBKL memastikan bahawa semua syarat-syarat yang diguna pakai adalah

mencukupi untuk mengatasi segala *loopholes*, dengan izin, untuk mereka memastikan syarat-syarat ini diikuti dan tidak melanggar sebarang syarat. Akan tetapi terdapat juga pengusaha-pengusaha *cyber centre* dan *cafe cyber* yang tidak bertanggungjawab ke atas moral dan kebaikan masyarakat. Ini adalah satu usaha bukan sahaja boleh dimainkan oleh Kementerian atau DBKL, perlu juga dimainkan oleh masyarakat sendiri dengan cara-cara menghentikan anak-anak mereka menggunakan *cyber cafe* dengan mengadakan komputer-komputer di dalam rumah mereka sendiri untuk kegunaan anak-anak mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Beralih ke soalan seterusnya. Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar. Sila Yang Berhormat.

10. Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sejauh mana kejayaan Program Pemutihan 6P yang dimulakan dalam bulan Ogos 2011 dan telah pun tamat mulai Oktober 2012 lalu kerana sehingga ke hari ini masih kedengaran wujudnya masalah yang dibangkitkan oleh pekerja asing tanpa izin (PATI) dan majikan mereka bahawa agen mereka memberitahu urusan pemutihan untuk mereka masih di dalam proses. Mengapa masalah ini timbul dan sejauh mana kerajaan berjaya melaksanakan program ini untuk membendung kebanjiran masalah PATI di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar. Saya ucapkan terima kasih atas soalan ini dan untuk makluman Yang Berhormat, bahawa penyelesaian apa yang dikatakan *total package* ataupun Program 6P adalah satu program yang dipanggil *one-off*. Melibatkan enam aktiviti atau proses 6P, iaitu pendaftaran pendatang asing tanpa izin, pemutihan, pengampunan, pemantauan, penguatkuasaan terhadap PATI dan akhir sekali ialah pengusiran. Proses pemutihan mula dilaksanakan pada 10 Oktober 2011 dan berakhir secara rasmi pada 10 Januari 2012.

Proses ini dilanjutkan secara pentadbiran sebanyak enam kali sehingga 30 November 2012 dan proses ini juga mempunyai beberapa peringkat Yang Berhormat ya. Peringkat yang pertama iaitu proses pendaftaran daripada 1 Ogos 2011 sehingga 31 Ogos 2011. Sebanyak 2,320,034 orang telah berjaya didaftarkan. Di antaranya adalah merupakan pekerja asing, seramai 1,016,908 adalah pekerja asing dengan izin iaitu yang sah masuk ke negara kita. Dengan itu kita mempunyai 1,303,126 adalah merupakan PATI ataupun pendatang asing tanpa izin. Dari jumlah tersebut 1,015,852 PATI telah didaftar untuk bekerja.

Proses yang kedua, pemulihan. Daripada 10 Oktober 2011 hingga 10 Januari 2012, tarikh rasmi dan dilanjutkan hingga 30 November 2012. Seramai 503,161 PATI telah diputihkan. Yang daripada jumlah pemutihan itu kita dapat *collect levi*, Yang Berhormat ya. Sebanyak RM629,065,191 hasil levi telah berjaya dikutip di bawah program ini. Proses pengampunan 10 Oktober 2011 hingga 10 Januari 2012 dan proses pengusiran Januari 2012 dan berterusan. Seramai 330,778 PATI telah pulang ke negara asal dalam proses tersebut. Proses pemantauan dan proses penguatkuasaan akan berterusan dan 247 majikan dan 7,329 PATI telah didakwa di bawah Akta Imigresen 1959 hingga 1963. Daripada situ kita telah dapat kompaun sebanyak RM2,798,700 telah dikenakan kepada majikan.

Jadi, daripada fakta yang telah saya sebutkan tadi bahawa ternyata Program 6P ini nampaknya berjaya tetapi dalam sudut lain Tuan Yang di-Pertua, ada juga mengatakan bahawa program ini nampaknya ada kesan yang tidak ada kejayaannya. Akan tetapi yang dilihat tidak berjaya ini ialah oleh kerana terdapat majikan yang gagal, lima hingga enam sebab ya. Terdapat majikan yang gagal untuk menghadiri temu duga proses pemutihan. Apabila kita sudah mendaftar proses pemutihan itu dan majikan dikehendaki datang ke pejabat untuk proses temu duga dan majikan gagal hadir temu duga. Kedua, PATI gagal pemeriksaan kesihatan FOMEMA yang mana baki itu, yang PATI gagal dalam pemeriksaan kesihatan mereka maka tidak dapat diterima bekerja di negara kita.

Ketiga, PATI telah melebihi had umur bekerja. Lebih daripada 45 tahun, yang mana kita anggap tidak dapat lagi memberi produktiviti yang baik ataupun mampu bekerja dalam bidang-bidang yang tertentu maka mereka dimasukkan dalam golongan perlu balik ke negara mereka sendiri. Selain itu juga, PATI mempunyai rekod dengan agensi keselamatan dan juga penguatkuasaan. Bermakna rekod kurang baiklah, rekod jenayah dan sebagainya maka mereka juga perlu kembali ke negara asal. Yang akhirnya ialah PATI yang berada kategori tanggungan, sama ada anak, isteri PATI demikian, jadi mereka juga tidak dibolehkan bekerja. Jadi Yang Berhormat, itulah penjelasan secara ringkas.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan berkenaan dengan *progress* 6P yang mana langkah ini sebenarnya adalah antara salah satu daripada langkah yang baik dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membendung berkenaan dengan pendatang asing ini. Nampaknya, kalau kita lihat sampai ke hari ini masih lagi belum boleh selesai tetapi ini adalah salah satu daripada langkah-langkah yang baik diambil oleh pihak kerajaan. Okey, berkenaan dengan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita nampak ada beberapa permasalahan berlaku dalam sistem tadi, yang mana antaranya permasalahan pihak majikan itu sendiri untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti mana telah diberikan garis panduan oleh pihak kementerian.

Jadi, di sini saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah selepas 6P ini ditamatkan maka ada lagi inisiatif lain yang bakal dilakukan oleh pihak kementerian terutamanya di dalam membendung permasalahan yang berlaku terutamanya kepada pendatang-pendatang asing ini yang lebih membawa kepada isu-isu yang agak tidak berapa baik. Terutamanya masalah sosial, pengedaran dadah dan juga faktor-faktor kerana permasalahan itu masih lagi berlaku sehingga ke hari ini dan permasalahan PATI walaupun beberapa konsep ataupun peraturan yang telah digariskan oleh pihak kerajaan tetapi ia masih lagi berlaku?

Jadi, saya mohon kepada pihak kementerian supaya dapat memberikan beberapa penjelasan supaya permasalahan PATI ini melalui sistem-sistem yang dilakukan oleh pihak kementerian benar-benar boleh menjamin akan tidak ada lagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: ...Tidak ada lagi PATI yang...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Soalan saya, adakah pihak kerajaan ingin memastikan bahawa kita mempunyai satu *target* yang di mana dalam masa akan datang kita akan ada sifar PATI di dalam Malaysia? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya ingin memberi penjelasan sedikit Yang Berhormat, berhubung dengan negara kita sebenarnya. Negara Malaysia sekarang dilihat sebagai satu ketul gula yang manis dan madu yang enak Yang Berhormat. Satu ketul gula yang manis, madu yang enak ini semua orang hendak datang, memuja dan merasa. Selagi Malaysia dalam keadaan yang amat selesa, yang amat mewah, yang boleh memberi sebagai *green features* kepada mana-mana masyarakat di sekitaran kita, Yang Berhormat. Selagi itulah orang akan datang ke negara kita untuk mencari nafkah dan rezeki mereka di sini.

■1130

Jadi dalam keadaan sedemikian kita bagi pihak negara Malaysia itu agensi penguat kuasa sama ada darat, laut dan udara, kita memperketat supaya tidak ada masyarakat-masyarakat yang datang ke negara ini menerusi jalan-jalan yang tidak diingini kita. Maknanya supaya datang ke sini dengan secara *sharp* tetapi dalam masa yang sama Yang Berhormat kita mempunyai batasan laut yang begitu panjang sekali di seluruh Malaysia satu *Peninsular* yang mana daripada mana pun orang boleh masuk. Daripada Sumatera datang ke Melaka berapa minit sahaja naik bot laju, Yang Berhormat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Begitu juga daripada Selatan Filipina hanya 30 minit sudah sampai ke Lahad Datu, daripada sempadan kita dengan Thailand kita lihat menyeberang sahaja tidak ada dinding macam *Berlin Wall* dahulu Yang Berhormat. Begitu juga Sarawak 1,400 kilometer mana-mana boleh masuk bukan jalan tikus, jalan lori, jalan gajah pun ada Yang Berhormat. Jadi dalam keadaan sedemikian orang akan datang juga Yang Berhormat walaupun penguatkuasaan kita baik dan teratur. Akan tetapi dalam masa yang mana Mexico dengan

Amerika tidak boleh pun dengan kecanggihan teknologi mereka menghentikan orang Mexico masuk ke Amerika.

Jadi dalam keadaan sedemikian kita sentiasa meneruskan aktiviti untuk penguatkuasaan bahkan semalam Menteri sudah mengumumkan selepas hari raya ini Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengadakan operasi besar-besaran di seluruh negara dari Sabah sampai ke Perlis. Kita adakan gerakan besar-besaran semua pihak penguat kuasa agensi di bawah KDN bersama dengan pihak Maritim, pihak SKMM akan membuat satu operasi besar-besaran untuk menangani masalah pendatang asing di Malaysia ini.

Ini bukan di bawah proses 6P tetapi proses dibuat adalah sama Yang Berhormat untuk menghalang mereka hadir dan berada dalam negara ini untuk mencari kehidupan mereka supaya datanglah dengan cara yang baik. Kita akan membuat kerjasama bersama dengan *embassy*, wakil-wakil luar negara supaya rakyat mereka yang ada di negara kita ini dibawa pulang ke negara mereka sendiri. Ini tindakan dan program yang ada pada kita Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang kedua saya silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya lihat penguatkuasaan sangat lemah, sebab itu PATI banyak datang lebih kurang dua juta orang. Soalan saya, apakah langkah-langkah terbaru yang akan dibuat, telah dibuat dan sedang dibuat untuk menyekat PATI daripada bermaharajalela ke sini? *Thank you.*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sebenarnya Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua soalan itu sudah saya jawab sudah. Semua sudah saya jawab saya sebut laut dan darat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak puas hati, tidak puas hati.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Kawan saya ini sengaja kacau saya Tuan Yang di-Pertua. Kenal lama ini, kawan lama ini.

Jadi sebenarnya kita berusaha Yang Berhormat tetapi dalam masa yang sama secara seriusnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kita juga mempunyai kekangan-kekangan yang tertentu. Umpamanya saya bagi satu penjelasan. Pendatang daripada Myanmar pun umpamanya dan juga yang kita dapati di Sabah dan juga pendatang daripada sebahagian daripada Indonesia. Kita meminta kerajaan negara ini supaya memberi dokumen-dokumen untuk pemergian mereka ini supaya kita boleh hantar balik. Selagi mereka datang ke negara ini dan tidak mempunyai *travel document* mereka akan tersadai di sini sahaja.

Jadi keadaan kita macam mana hendak buat, bolehkah kita menghantar mereka dan ke mana hendak dihantar? Jadi dalam keadaan sedemikian umpamanya kita ada 4,000 lebih Myanmar di tahanan kita pada masa sekarang ini yang mana apabila kita hendak menghantar mereka balik tetapi tidak mempunyai dokumen-dokumen yang tertentu. Dalam keadaan sedemikian apa kita hendak buat, kita berbincang, saya sudah berbincang dengan Menteri. Saya bincang dengan *ambassador* tetapi masalahnya proses pengeluaran dokumen oleh pihak-pihak kerajaan ini daripada Myanmar ini satunya ia selektif dan yang kedua amat *slow*lah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, dalam keadaan ini kita ada cara lain di mana kita hendak letak. Kita hendak suruh mereka beri semua dengan sijil UNHCR tetapi syaratnya kalau diberi sijil itu ataupun diberi tag itu mereka akan dibiarkan dan dibenarkan untuk bekerja di sini. Jadi kita serba salah dalam keadaan sedemikian. Kita hanya ada pihak Myanmar untuk berbincang, pihak Myanmar pula tidak berapa cepatlah untuk menguruskan pengembalian masyarakat ini dan begitulah seterusnya apa yang berlaku di Selatan Filipina juga berlaku demikian.

Jadi dalam keadaan sedemikian di mana letaknya adakah kita hendak buang ke laut ataupun ke mana, adakah kita tidak ada bersifat *kehumanitarian* ataupun bagaimana? Jadi kalau itulah letaknya kita kena buat keputusan. Saya mengambil sifat, kementerian mengambil sifat bahawa kita adalah manusia. Kita mestilah bersifat *humanitarian* dan kita mesti walaupun mereka ini pendatang asing kita *treat them* dengan *humanity*. Jadi dengan keadaan sedemikian kita tidak mendapat kecaman daripada negara-negara lain. Yang Berhormat, memang tidak memuaskan itu kepada kita, kita sudah bersifat bertimbang rasa, belas kasihan dan memahami keadaan-keadaan ini. Terima kasih.

11. **Tuan Saiful Izhah bin Ramli** minta Menteri Pendidikan menyatakan, kenapakah sasaran 60 peratus bilangan para penuntut di institusi pengajian tinggi awam bagi bidang-bidang sains dan teknologi belum tercapai sedangkan itu adalah antara prasyarat-prasyarat asas untuk melayakkan Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020, dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi perkara ini.

Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan Senator. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Dasar 60/40 Aliran Sains Teknikal dan Sastera yang terdiri daripada pakar-pakar daripada universiti, organisasi bukan kerajaan, pihak swasta dan kementerian lain bagi mengkaji kemerosotan minat murid terhadap golongan sains. Laporan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa ini menunjukkan bahawa minat murid terhadap aliran sains dipengaruhi beberapa faktor seperti:

- (i) laluan kerjaya yang kurang jelas;
- (ii) kaedah pengajaran guru yang kurang menjalankan amali; dan
- (iii) beberapa aspek lain yang berkaitan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, 15 perakuan bukan satu atau dua malah 15 perakuan telah dikeluarkan oleh jawatankuasa ini dalam Buku Laporan Strategi Mencapai Dasar 60/40 Aliran Sains Teknikal dan Sastera yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada Disember tahun lalu. Perakuan ini perlu dilaksanakan sebagai strategi untuk menarik minat murid serta mempopularkan bidang sains dan teknologi termasuk peluang kerjaya.

Strategi yang dirancang ini akan dijalankan secara berperingkat mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025. Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengambil kira transformasi pendidikan vokasional untuk mencapai nisbah 64 murid aliran sains teknikal ini. Dalam aspek prasyarat untuk melayakkan negara kita menjelang tahun 2020. Saya ucap terima kasih kepada keprihatinan Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator kita hanya berkurangan 1.1 peratus untuk mencapai matlamat kita sebelum tahun 2020. Dalam bidang aliran sains pada sesi akademik 2013, 2014 ini kita telah menawarkan 58.9 peratus dan pada bidang sastera pula 41.1 peratus.

■1140

Kita kekurangan 1.1 peratus untuk mencapai matlamat nisbah 60:40 ini Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengambil pelbagai langkah bagi menggalakkan pelajar untuk memilih program pengajian dalam bidang Sains dan Teknologi. Antara langkah tersebut termasuklah menyarankan institut pengajian tinggi awam (IPTA) untuk memperbanyakkan dan menawarkan program akademik baru dalam bidang Sains dan Teknologi yang menjadi salah satu bidang pemfokusan NKEA Pendidikan.

Pada tahun 2011 dan tahun 2012, sebanyak 164 program akademik baru dalam bidang sains dan teknologi telah diluluskan untuk ditawarkan. Jumlah ini mewakili 65 peratus daripada jumlah keseluruhan program akademik baru yang diluluskan di IPTA. Adalah diharapkan dengan pelbagai pilihan program akademik dalam bidang sains dan teknologi di IPTA akan menggalakkan pelajar untuk memilih program pengajian dalam bidang tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, silakan Yang Berhormat Saiful Izhah bin Ramli.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan yang menarik. Saya mohon pihak kementerian untuk menggariskan, untuk memberikan penerangan kepada kita tentang langkah-langkah yang sudah dan akan diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah ketidakseimbangan gender dalam kemasukan dalam semua kemasukan penuntut baru ke IPTA terutamanya yang melibatkan penuntut lelaki. Kalau kita dapati sejak akhir-akhir ini berlaku kekurangan yang agak ketara kemasukan penuntut lelaki ke IPTA dan IPTS. Adakah pihak kementerian

bercadang untuk membina IPTA baru bagi mengatasi masalah kekurangan tempat menjelang tahun 2020.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri ada menyatakan tentang penawaran untuk sesi 2013, berlaku penawaran tempat 58.9 peratus untuk bidang sains dan 41.1 peratus untuk bidang sastera. Adakah penawaran itu diterima pada kadar yang sama? Maksudnya, pengisiannya itu adakah pada peratusan yang sama? Itu saja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Ketidakeimbangan gender, kita sedia maklum. Pengambilan IPTA ini berdasarkan kepada merit. Kita seperti mana yang sedia maklum, kita telah menawarkan lebih kurang- pemohon sendiri lebih kurang 68,000 *intake* 2013-2014 dan yang layak 57,000.

Apabila kita mengambil pengambilan, kita tidak lihat dari segi gender, siapa yang layak berdasarkan merit, kita ambil. Mungkin pelajar-pelajar lelaki ini mungkin minat dalam bidang-bidang yang lain, mungkin dalam bidang vokasional, lebih *hands on skill*, dengan izin. Akan tetapi ini kita sedar dan kita sedang mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan lebih ramai lagi mahasiswa-mahasiswa baru, lelaki ini, ambil peluang dalam IPTA. Kita tidak ada apa-apa halangan bagi mereka.

IPTA baru, buat masa ini saya tidak ada maklumat. Kalau ada maklumat yang terkini, boleh saya berkongsi dengan Yang Berhormat. Satu lagi soalan, saya kurang jelas. Mohon Yang Berhormat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk Yang Berhormat Senator untuk memberi penjelasan.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan jawapan yang pertama tadi kita hanya kekurangan 1.1 peratus untuk mencapai apa yang kita katakan sebagai kemasukan menjelang negara maju. Soalan saya yang tadi ialah- itu penawaran tapi adakah penerimaannya diisi atau tidak dalam kadar yang tersebut.

Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada, kita ada cadangan penawaran dan penerimaannya ada di sana. Kekurangan itu kita sedang, malah kita telah menambah baik berbanding kepada tahun 2012 dan tahun 2013. Apabila kita menawarkan dalam bidang sains 57 peratus dan kali ini telah naik 58 peratus. Dalam bidang sastera pula, tahun 2012, tahun 2013 kita menawarkan 43 peratus, tahun ini 41 peratus. Maka, ada perbezaan, ada penerimaan. Maka, kita dalam *track*, dengan izin, yang betul untuk memastikan kaedah ataupun nisbah 60:40 ini dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

Kaedah-kaedah, strategi-strategi perancangannya seperti mana yang saya telah katakan tadi, 15 perakuan telah kita cadangkan. Penambahan ini juga saya nampak kerana penerimaan 15 perakuan ini. Kita akan meneliti dan menambah baik lagi dan saya rasa amat *confident*, dengan izin, bahawa kementerian akan memastikan kita mencapai 60:40 ini. Kalau boleh, saya rasa tahun depan pun sudah capai 60:40 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan, Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengemukakan soalan tambahan. Pertama sekali saya ingin menanyakan sekiranya laporan jawatankuasa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dapat diperolehi, dapat diberikan kepada yang meminta, yang berminat, situ satu.

Kemudian tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan cadangan daripada laporan jawatankuasa itu perlu dilaksanakan. Ini perlu memang perlulah tapi sudahkah dilaksanakan? Itu yang hendak saya tanya. Akan tetapi lebih penting dari itu yang saya ingin tanyakan, yang ingin saya kemukakan ialah sekiranya jawatankuasa berkenaan dalam obsesi untuk menambah bilangan pelajar-pelajar di bidang sains dan teknologi itu, dua perkara diambil perhatian. Satu, tidak mencuri pelajar-pelajar yang pencapaiannya bagus di bidang sains sosial untuk disalurkan ke sana.

Ini kerana kita takut nanti kalau dengan obsesi kita terhadap bidang sains dan teknologi ini, bidang sastera dan sains sosial ditinggalkan kepada pelajar-pelajar yang prestasi akademiknya kurang. Sehingga bidang ini akan ditangani oleh individu-individu yang

kurang berkelayakan kemudian hari. Itu yang saya harapkan supaya dalam obsesi mendapatkan, memenuhi sasaran 60 peratus ini jangan hendaknya pelajar-pelajar yang sepatutnya patut disalurkan ke bidang sastera dan sains sosial, minta maaf penggunaan perkataan 'dicuri' itu.

Jadi, itulah antara perkara-perkara yang saya ingin kemukakan. Satu, sama ada laporan jawatankuasa dapat kita peroleh. Kedua, sama ada jawatankuasa ini menyedari bahawa bidang Sastera dan Sains Sosial perlu juga diberikan kepada pelajar-pelajar yang prestasi akademiknya lebih tinggi. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Laporan jawatankuasa ini boleh diberi kepada mereka yang memerlukan. Saya akan berikan senaskhah kepada Yang Berhormat Senator serta dengan 15 perakuan yang telah kita laksanakan dan akan laksanakan. Tidak apa, saya akan hantar. Mungkin perlu peringatan tapi rasa tidak perlu kot, terima kasih, dengan izin.

Obsesi jawatankuasa, tidak sama sekali. Ini kerana jawatankuasa ini mengambil maklumat dari pelbagai *pressure group*, dengan izin. Kita telah mendapat maklumat-maklumat daripada agensi bukan kerajaan, daripada pihak swasta, kementerian, pakar-pakar dari universiti. Hasrat mereka ikhlas, hasrat mereka untuk melihat lebih ramai lagi pelajar kita memberi tumpuan kepada bidang sains daripada sastera. Itu hasrat ikhlas, maka obsesinya tidak tapi kita hanya ikhlas untuk memastikan nisbah 60:40 ini dilaksanakan dalam masa yang telah kita tetapkan.

Akan tetapi saya ambil kira nasihat Yang Berhormat Senator untuk bagi pihak kementerian dan juga diri saya. Nasihat Yang Berhormat Senator itu bernas, saya ambil kira dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya tidak ada berlaku segala apa-apa yang tidak betul dalam proses pengambilan ini. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta maaf, sedikit satu ayat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup Yang Berhormat.

■1150

12. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, tindakan penyelesaian yang lebih holistik terhadap isu kediaman yang lebih selesa di kalangan masyarakat Orang Asli, termasuk menyediakan rumah mesra rakyat di bawah kendalian Syarikat Perumahan Negara Berhad, ini kerana syarat-syarat yang dikenakan menyukarkan mereka.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang menanya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) selaku agensi yang bertanggungjawab terhadap keperluan masyarakat Orang Asli telah menyediakan kemudahan perumahan yang selesa dan selamat menerusi pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) kepada masyarakat Orang Asli meliputi bina baru dan baik pulih. Bermula Rancangan Malaysia Kelapan sehingga kini, sebanyak 13,632 projek PBR telah dilaksanakan kepada masyarakat Orang Asli melibatkan peruntukan berjumlah RM235.4 juta. Isu-isu berkaitan keperluan kediaman yang selesa kepada masyarakat Orang Asli juga telah dibincangkan di dalam makmal Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) pada 23 April hingga 31 Mei tahun 2012 yang telah dikelolakan oleh PEMANDU.

Hasil daripada GTP 2.0 tersebut, satu inisiatif telah diambil menerusi pelaksanaan Projek Rumah Mesra Rakyat (RMR). Pelaksanaan rumah mesra rakyat ini adalah menerusi kerjasama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Projek-projek di bawah GTP 2.0 ini bermula pada tahun 2013 hingga 2015. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, kementerian ini menerusi JAKOA mensasarkan sebanyak 337 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) akan dibina sepanjang tempoh tiga tahun tersebut iaitu 100 unit pada tahun 2013, 100 unit pada tahun 2014 dan 137 unit lagi pada tahun 2015. Sebagai pilot projek, sebanyak 100 unit rumah akan dibina pada tahun ini iaitu sebanyak 55 unit di negeri Pahang dan 45 unit di negeri Johor.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 permohonan di Kampung Api Larat, kawasan Parlimen Pekan di Pahang telah diluluskan dan sedang dilaksanakan. Manakala baki 90 unit lagi, kementerian ini menerusi JAKOA telah mengadakan perbincangan lanjut bersama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bertujuan agar dapat memberi peluang lebih ramai masyarakat Orang Asli untuk memiliki kediaman yang lebih selesa. Usaha-usaha penambahbaikan syarat-syarat pemilikan rumah mesra rakyat sedang giat dilaksanakan daripada semasa ke semasa khusus kepada masyarakat Orang Asli. Pihak kementerian yakin perkara ini akan dapat diselesaikan dengan secepat mungkin dengan mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Olian.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana dilantik sebagai Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Soalan tambahan saya, rumah mesra rakyat ini memerlukan syarat bahawa tanah itu mesti ada hak milik. Jadi oleh sebab itu, akan menjadi kesukaran kepada masyarakat Orang Asli kerana kebanyakan penempatan mereka tidak mempunyai hak milik.

Oleh sebab itu, saya memikirkan adalah wajar pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli mewujudkan satu tabung perumahan sebagaimana yang kerajaan laksanakan di kalangan peneroka-peneroka FELDA bagi membolehkan masyarakat Orang Asli mendapat pinjaman yang lebih mudah kerana hari ini telah ada di kalangan masyarakat Orang Asli yang mempunyai kemampuan untuk membayar balik rumah. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya mungkin tidak ada soalan, cuma cadangan daripada Yang Berhormat Senator. Cadangan itu saya agak boleh dikatakan cadangan yang baik dan kementerian ambil maklum. Mungkin kita buat konsultasi dan sekiranya dapat dilaksanakan atau digubal satu dasar, mungkin di masa depan kerajaan boleh mengambil kira cadangan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Itu tadi adalah wakil Orang Asli itu Yang Berhormat, itulah dia memang tahu masalah Orang Asli. Walau bagaimanapun, jawapan Yang Berhormat itu betul-betul itu, tetapi harap-harapnya...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasihlah Yang Berhormat kerana ucapan tahniah kepada saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Seterusnya soalan tambahan yang kedua, ada siapa-siapa hendak tanya?

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Syed.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Saya ingin tahu mengenai kos rumah yang dibina yang dikatakan rumah selesa itu.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Mengenai kos? Ia begini, kita ada dua program. Program Bantuan Rumah (PBR) iaitu membaik pulih dan baik pulih ini kos dia RM11,000 untuk seorang penerima. Kalau yang bina baru, RM45,000 dalam PBR ini. Untuk RMR (Rumah Mesra Rakyat) yang perlu dibayar balik sebagai *loan* tetapi *disubsidize* ataupun banyak dibantu oleh kerajaan, kos dia untuk siling saya ingat dia dalam lingkungan RM65,000, *value* dia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua:Terima kasih.

13. Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah kerajaan membendung cadangan untuk menaikkan tambang bas khususnya daripada Persatuan Pengusaha Bas Seluruh Malaysia (PMBOA) untuk menaikkan tambang bas sebanyak 30 peratus pada musim perayaan Aidilfitri tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada yang menanya soalan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang bertanya, pada suku tahun kedua tahun 2013 ini, Persatuan Pengusaha Bas Seluruh Malaysia (PMBOA) telah memohon untuk menaikkan tambang bas ekspres sebanyak 30 peratus pada musim perayaan Aidilfitri tahun ini. Permohonan ini adalah menyerupai dengan permohonan yang telah dilakukan oleh pihak PMBOA pada tahun 2008 iaitu kali terakhir kadar tambang bas ekspres disemak dan dinaikkan.

Pada ketika itu, kerajaan telah meluluskan permohonan PMBOA untuk menaikkan kadar tambang sebanyak 30 peratus semasa musim perayaan dan seterusnya kadar berkenaan telah dimuktamadkan sebagai harga tambang baru pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, pada tahun ini Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah meluluskan caj tambahan atau lebih dikenali sebagai surcaj sebanyak 10 peratus sahaja bagi operasi bas hanya untuk musim perayaan Aidilfitri berbanding dengan kadar 30 peratus yang dimohon oleh PMBOA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, surcaj musim perayaan sebanyak 10 peratus ini telah lama diamalkan iaitu sejak tahun 2008 untuk tambang bas beroperasi semasa musim perayaan. Keputusan ini dibuat setelah kerajaan meneliti dan mengambil kira keperluan pengendali bas ekspres bagi menampung kos operasi kerana ketidakseimbangan bilangan penumpang balik ke kampung yang ramai semasa musim perayaan dan penumpang yang balik untuk perjalanan ke bandar pula berkurang. Maka, inilah tujuannya untuk surcaj tersebut. Dengan *surcharge* 10 peratus ini, adalah diharapkan ia akan memberi insentif kepada pengusaha bas ekspres untuk menyediakan perkhidmatan bas ekspres yang mencukupi serta selamat dan selesa untuk digunakan dalam memenuhi permintaan semasa musim perayaan.

■1200

Perjumpaan yang telah diadakan oleh SPAD dengan pihak PMBOA telah mendapat reaksi yang positif di mana pengusaha-pengusaha bas ekspres rata-rata bersetuju dengan keputusan untuk mengenakan surcaj sebanyak 10 peratus ini. Ingin dinyatakan di sini, walaupun ia dibenarkan tidak melebihi 10 peratus surcaj tetapi kami dimaklumkan bahawa tidak semua pengusaha bas menaikkan harga tiket bas dengan mengenakan surcaj sebanyak 10 peratus. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana masa setakat itu sahajalah soal jawab lisan kita buat pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas” **[22 Julai 2013]**

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya.

12.01 tgh.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan semula sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Tuan Yang di-Pertua, sejak sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum Ke-13, kerajaan pimpinan Barisan Nasional telah membuktikan keupayaan yang tinggi dalam mentadbir negara sekalipun harus berhadapan dengan suasana politik yang jauh lebih berbeza daripada dahulu. Komitmen dan pendekatan yang diambil oleh kerajaan untuk mentransformasikan pelbagai bidang dalam negara menampakkan kejayaan dan kejayaan ini bukan sahaja dirasai oleh rakyat tempatan tetapi juga diakui oleh negara-negara luar. Pengiktirafan terhadap pencapaian ini menjadi lebih signifikan kerana ia dicatat ketika negara harus berhadapan dengan ketidakpastian dalam persekitaran global termasuk krisis hutang Eropah pada tahun 2012 dan secara tidak langsung telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Komitmen kerajaan dalam merealisasikan agenda transformasi nasional melalui program-program di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) dan Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) akan memberi manfaat kepada segenap lapisan masyarakat baik dari segi ekonomi, sosial, keselamatan dan politik. Justeru, saya amat yakin bahawa wawasan negara untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 akan tercapai, *insya-Allah*. Walaupun dengan pencapaian tersebut, segolongan kumpulan sentiasa membentuk persepsi negatif dalam kalangan rakyat untuk menidakkan setiap pencapaian kerajaan pimpinan Barisan Nasional, sekalipun dunia memperakui kecemerlangannya. Kumpulan ini memperlihatkan pendekatan politik dan cuba mempengaruhi dan mengajak rakyat menentang kerajaan secara terbuka.

Di dalam Dewan yang mulia ini, saya bagi pihak rakyat Malaysia di Sabah mengambil kesempatan untuk merakamkan takziah dan rasa simpati serta penghargaan kami kepada anak isteri, kaum keluarga anggota-anggota Polis Diraja Malaysia dan angkatan tentera yang cedera dan terkorban dalam mempertahankan kedaulatan tanah air di Lahad Datu baru-baru.

Pengorbanan mereka tidak pernah sia-sia. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa dan bakti mereka. Ucapan yang sama juga kami sampaikan kepada mereka yang bertugas termasuk kakitangan awam semasa serangan pengganas Sulu tempoh hari sehingga hari ini terutamanya dalam bulan Ramadhan yang barakah ini.

Oleh itu, demi keadilan kepada pasukan keselamatan yang terkorban dan tercedera mempertahankan kedaulatan negara daripada pencerobohan waris Kesultanan Sulu di Lahad Datu. Saya minta agar kerajaan mempercepatkan siasatan tanpa *living no stone unturned*, dengan izin, ke atas dalang-dalang dalam negara yang terlibat dengan pencerobohan itu dan mereka ini mestilah didakwa dengan sesegeranya. Inilah satu cara kerajaan memberi pembelaan kepada pasukan keselamatan yang terlibat di Lahad Datu yang mana jasa bakti mereka telah diperlekeh dan dipersendakan oleh beberapa pemimpin pembangkang.

Kerajaan Pusat telah membuktikan komitmennya untuk mempertahankan kedaulatan Sabah sebagai sebahagian kedaulatan wilayah Malaysia di mana dengan pantas Kerajaan Pusat telah menubuhkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESCOS) dan Zon Selamat Sabah (ESSZONE). Untuk ini kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Pusat.

Di samping itu, dari segi pembangunan Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan menyentuh beberapa perkara penting iaitu Sabah seperti juga Sarawak telah banyak kali memainkan peranan penting sebagai rakan pemerintah Barisan Nasional. Kita

mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana kita diberikan peluang yang lebih luas dari segi jawatan di peringkat pusat. Adalah menjadi harapan bahawa wakil-wakil Kabinet dari Sabah ini dapat memainkan peranan penting dalam pembangunan negeri dan negara dan bukan hanya sebagai penyedap rasa rakyat yang sekali lagi berjaya memastikan kesinambungan Barisan Nasional sebagai parti kerajaan pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Saya mohon mencadangkan sementara setiap pendekatan transformasi yang diambil kerajaan itu baik, sudah tiba masanya sebarang perancangan khususnya dalam bidang ekonomi sekarang dan masa akan datang akan harus mengambil kira potensi Sabah untuk melonjak ke paras lebih tinggi memandangkan kekayaannya dari segi sumber asli dan kedudukannya yang strategik di timur jauh yang meliputi negara China, Taiwan, Korea, Jepun dan kawasan Timur Amerika Syarikat. Kalau ini dibuat, Sabah boleh menjadi kawasan pertumbuhan ekonomi yang lebih berdaya maju jika tumpuan penuh diberi kepadanya.

Kita juga berterima kasih di atas keputusan kerajaan membina Lebuhraya Trans-Borneo yang bukan sahaja akan menghubungkan Sabah dan Sarawak tetapi juga ke Brunei Darussalam dan Kalimantan. Potensi Kepulauan Borneo sangat luar biasa jika pendekatan bersungguh-sungguh dapat dipertingkatkan. Kerajaan telah pun meletakkan asas kerjasama ekonomi serantau sebelah sini dengan penubuhan BIM Niaga sebelum ini. Lebuhraya Trans-Borneo akan merancakkan lagi pembangunan ekonomi dan sosial kerana tanah-tanah yang tidak dapat dihubungi selama ini akan dapat dibangunkan dan nilai-nilainya juga akan melonjak naik. Perdagangan dan peruntukan juga akan meningkat. Walaupun demikian, pembinaan Lebuhraya Trans-Borneo tidak akan memberi manfaat yang maksimum kepada negeri Sabah jika tahap, mutu dan keupayaan jalan raya-jalan raya *trans* daerah yang ada di Sabah sekarang ini masih di takuk yang lama.

Sudah sampai masanya jalan raya-jalan raya ini diberi perhatian baru dan bukan sekadar menyelenggarakan sahaja setiap kali kerosakan di sana sini berlaku. Ini merupakan kerja *ad-hoc*, dengan izin, yang lebih merugikan dari segi jangka panjang. Menaik taraf jalan raya-jalan raya *trans* daerah di Sabah akan memberi manfaat kepada industri pelancongan khususnya dalam industri inap desa seperti di daerah Kundasang di kaki Gunung Kinabalu, di Kinabatangan yang terletakinya *Sanctuary Proboscis Monkeys*, dengan izin. Di Kalabakan, Tawau iaitu laluan menuju ke *Maliau Basin* dan juga *Danum Valley* iaitu kawasan hutan dara yang telah diwartakan sebagai warisan dunia. Kesemua tempat ini mempunyai daya tarikan ekopelancongan yang mana dengan akses jalan raya *trans* daerah yang baik boleh menjadi pemangkin kepada industri ekopelancongan dan industri hiliran yang berkaitan seperti inap desa, kraf tangan tradisional dan sebagainya.

■1210

Mengenai komitmen kerajaan untuk memajukan sistem pengangkutan awam yang lebih efisien, persoalan yang berkaitan ialah keselamatan jalan raya. Sudah banyak cara yang diambil untuk mengatasi masalah ini namun kemalangan jalan raya tetap juga berlaku dan meningkat terutamanya pada musim-musim perayaan. Kita semua tahu kesan kepada ekonomi dan produktiviti negara akibat kemalangan jalan raya tetapi kita masih belum menemukan satu kaedah menyeluruh dan selamat. Akibatnya kerajaan sering dipersalahkan padahal tanggungjawab memastikan keselamatan di jalan raya adalah tanggungjawab semua pihak.

Oleh itu, sikap pemandu jika memandu, tahap keselamatan kenderaan, penguatkuasaan dan sebagainya perlu dilihat semula secara terperinci, lebih telus dan bertanggungjawab. Tidak ada jalan raya yang dibina untuk mendatangkan kemudaran kepada orang ramai. Ia adalah benda kaku dan tidak bertindak. Yang boleh bertindak adalah pengguna jalan raya itu sendiri. Justeru, penguatkuasaan ke atas sikap pemandu serta pemilik kenderaan harus dikaji semula dan diatasi. Kalau tidak kita akan kekal sebagai antara penyumbang kemalangan jalan raya yang terbanyak di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga bertitah mengenai kepentingan bekalan makanan di sektor pertanian yang mana saya harap perkara ini akan menjadi fokus kerajaan pusat. Kita tidak mahu lagi cakap tinggal cakap sementara ribuan hektar tanah terutama di Sabah terbiar kerana tidak ada sistem pengairan dibina. Sebagai contoh Daerah Kota Belud malah melangkau hingga ke Daerah Kota Marudu boleh menjadi '*rice bowl*' negara, dengan izin, yang mana ia adalah satu kawasan yang amat besar. Menteri

berkaitan padi sering berganti namun janji hendak membangunkan Daerah Kota Belud sebagai jelapang padi baru negara tetap juga begitu. Terbiar dan tidak dapat memenuhi potensi yang sebenar.

Maklumat terbaru yang diperoleh menunjukkan masih belum ada keputusan yang serius yang dibuat oleh Kerajaan Pusat. Adalah diharapkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang ada sekarang akan membuktikan janji-janji dahulu menjadi satu kenyataan. Pendekatan '*Janji Ditepati*' mesti diteruskan walaupun PRU-13 sudah selesai tetapi harus diingatkan PRU-14 bakal menanti. Oleh itu, besarlah harapan saya agar Kerajaan Barisan Nasional tidak akan mensia-siakan mandat yang diberikan rakyat kepadanya untuk memerintah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah. Sekarang, oleh kerana ramai akan berucap, kita hanya ada hari ini dan esok. Maka kita hadkan masa 20 minit sahaja pada setiap Ahli-ahli yang berucap. Silakan.

12.13 tgh.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang diberi untuk turut sama berbahas kali. Saya juga mengucapkan syukur ke hadrat Allah kerana izin dan inayatnya, dapat terus serta memberi ucapan menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah yang telah sudi berangkat menyampaikan titah ucapan di istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama, Persidangan Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas pada 25 Jun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda telah menyentuh dengan menyeluruh pelbagai aspek perkara penting negara seperti memartabatkan Islam, pendidikan, pelancongan, dasar komoditi negara, jaminan bekalan makanan negara, perkhidmatan awam, Program Transformasi Luar Bandar, sektor pertanian, kesihatan dan juga pembangunan keluarga dan masyarakat serta lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh empat perkara iaitu memartabatkan Islam, memajukan sektor swasta, pengangkutan awam dan pendidikan.

Tuanku dalam Titah Baginda telah menyentuh berhubung komitmen kerajaan untuk memartabatkan Islam, berteraskan Maqasid Syariah dan terus memelihara kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan. Maqasid Syariah adalah tujuan yang dikehendaki oleh Allah SWT dalam setiap hukum atau sebahagian besar daripadanya bagi memelihara kemaslahatan manusia dengan membuka ruang-ruang manfaat kepada manusia dan menghindari kemudaratan. Ilmu Maqasid Syariah ini merupakan satu cabang ilmu yang masih belum difahami dengan jelas oleh masyarakat kita di Malaysia.

Walaupun ia telah lama dibincangkan oleh ulama dalam kitab-kitab fiqah dan usul fiqah. Pada hakikatnya ia telah diaplikasikan dalam pelbagai sudut kehidupan terutama yang melibatkan hal ehwal kemasyarakatan, kewangan dan pentadbiran. Sehubungan dengan itu, saya berharap kerajaan akan menjelaskan prinsip dan konsep Maqasid Syariah dalam pelaksanaan amal Islam ini kepada masyarakat bagi melahirkan *hayaton toyyibah*. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dalam memberi penjelasan kepada umum tentang Maqasid Syariah ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Islam saya juga ingin menyentuh berhubung dengan perkembangan ajaran atau fahaman Syiah di negara ini. Sejak kebelakangan ini kita dapati ramai pengikutnya terdiri daripada golongan profesional, ahli politik, pelajar IPT dan orang awam. Pengikut di negara kita telah pun mencecah ke 50,000 orang. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam pada 1989 telah dengan jelas menyatakan Syiah sebagai menyeleweng dan menyimpang dari ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah. Majlis Fatwa Kebangsaan pada 1996 pula telah memutuskan untuk mengharamkan Syiah kerana bertentangan dengan akidah dan

syariat Islam seperti menolak hadis yang diriwayatkan ulama Sunnah wal-Jamaah, menganggap sahabat-sahabat Rasulullah selain Sayidina Ali sebagai kafir.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah tindakan yang telah diambil kerajaan bagi membendung penyebaran ajaran Syiah di negara ini sekiranya kerajaan berpendirian membenarkan ajaran Syiah diamalkan. Sekiranya begitu, apakah jaminan kerajaan bahawa ajaran Syiah ini tidak terus disebar di negara kita? Saya juga amat khawatir jika fahaman Syiah ini akan diserapkan dalam agenda politik negara selain dalam bidang pendidikan juga. Saya juga ingin mendapat penjelasan, sejauh manakah kebenaran yang menyatakan telah wujud sekolah aliran Syiah di negara kita. Saya menggesa kerajaan mengambil tindakan yang tegas kepada penganut agama Syiah dan membendung perkembangannya sebelum nasi menjadi bubur seperti yang telah berlaku di beberapa negara Arab serta negara lain. Apabila berlaku bukan sahaja perpecahan tetapi juga pembunuhan, pertumpahan darah dan peperangan sesama umat Islam.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Islam ini juga saya ingin menyentuh berhubung rancangan TV khususnya TV berbayar yang memaparkan pelakon lelaki berpakaian wanita dan sebaliknya. Perbuatan ini jelas haram walaupun hanya sekadar lakonan komedi tetapi tindakan ini dikhuatiri akan menyebarkan budaya LGBT. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan termasuk pihak yang berkuasa agama dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah ini. Saya akui pihak berkuasa agama memang bertindak kepada golongan lelaki yang berpakaian wanita seperti pondan dan sebagainya, tetapi tiada pula tindakan yang tegas diambil kepada pelakon-pelakon ini. Tindakan pihak berkuasa agama ini hanya terbatas kepada beberapa orang sahaja tetapi TV berbayar ini ditonton oleh jutaan peminat.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga dalam Titah Baginda menyentuh berhubung dengan pentingnya peranan sektor swasta dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara dan kerajaan terus bertindak sebagai pemudah cara bagi menyediakan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan peranan sektor swasta. Dalam hubungan ini, saya ingin menyentuh tentang industri automatif negara yang asasnya diterajui oleh Proton dan Perodua. Kedua-dua syarikat ini telah berjaya menghasilkan kenderaan nasional seperti Proton Saga, Waja, Wira, Kancil, *Exora*, *Alza*, *MyVi* dan lain-lain lagi. Terkini kedua-dua syarikat ini telah berjaya mengurangkan harga kenderaan tempatan dengan cara meningkatkan produktiviti dan mutu produk pengeluaran.

Saya ingin menyentuh tentang kereta Proton Perdana yang telah dikeluarkan pada tahun 1995 sebagai model kereta bersaiz sederhana menggunakan enjin 4G63SOHC.

Tahun 1999 pula Proton Perdana menggunakan enjin V62.0, *Mitsubishi* 6A112 termasuk sistem gantungnya ditala oleh *Lotus*. Terdapat juga Proton Perdana V6 Eksekutif dan Perdana V6 *Limousin*. Di bawah Dasar Automatif Negara (DAN), kereta Proton Perdana telah menjadi kereta rasmi kerajaan termasuk kegunaan Perdana Menteri sendiri. Bagaimanapun pengeluaran kereta ini telah diberhentikan selepas 15 tahun ia beroperasi iaitu pada tahun 2010. Antara puncanya ialah kereta Proton Perdana memerlukan kos selenggara yang tinggi yang dikatakan pada masa kini negara tidak mempunyai kereta nasional yang setaraf dengan Proton Perdana. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah punca sebenar pengeluaran Proton Perdana ini dihentikan dan langkah kerajaan bagi menggalakkan Proton dan Perodua menghasilkan kereta yang sekelas dengan Proton Perdana untuk mengelakkan penggantungan negara kepada kereta import selari dengan Dasar Automatif Negara (DAN).

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan automotif ini juga saya ingin menyentuh tentang pemberian AP untuk pengimport kereta. Pada masa kini terdapat kira-kira 93 syarikat yang diberi hak AP. Bagaimanapun hanya 15 buah syarikat bumiputera sahaja dikatakan yang menggunakan sepenuhnya AP yang diberikan. Manakala 30 hingga 40 syarikat membahagikan 50-50 dengan syarikat bukan bumiputera dan selebihnya 55 buah syarikat lagi telah menjual AP sepenuhnya kepada syarikat lain untuk mendapat keuntungan segera.

Dasar Automatif Negara telah memutuskan untuk memansuhkan AP kereta terpakai dan terbuka bermula 31 Disember 2015. Selain pemansuhan AP ini, kerajaan juga telah menetapkan syarikat import kereta membayar caj sehingga RM10,000 bagi setiap kereta yang dibawa masuk. Langkah ini dikatakan untuk mewujudkan industri automotif tempatan yang lebih berdaya saing.

Pada awalnya, dasar pemberian AP ini adalah untuk membantu usahawan bumiputera yang terlibat dalam perniagaan mengimport kereta dan dasar pemberian AP ditetapkan sehingga 2020. Bagaimanapun setelah dikaji semula dasar pemberian AP ini telah disingkatkan kepada 31 Disember 2015 khususnya kerana terdapat pengimport kereta bumiputera yang mengambil jalan pintas mengalibabakan AP untuk mendapat keuntungan segera. Namun penamatan pemberian AP ini akan menjejaskan teruk perniagaan pengimport kereta khususnya syarikat milik bumiputera dan boleh menjejaskan lebih 70,000 pekerja yang terlibat dengan perniagaan ini.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa automotif menyumbang kira-kira RM1 bilion setahun melalui duti eksais dan duti import. Pemberian AP ini adalah nadi kepada usahawan automotif bumiputera walaupun mengakui ada di antaranya yang mengambil kesempatan menjual AP ini. Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri sama ada bersedia untuk menimbang semula pelanjutan tempoh penamatan AP daripada 2015 kepada tahun 2020 khususnya kepada usahawan bumiputera yang terbukti jujur menjalankan perniagaan pengimportan kereta.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga bertitah berhubung tentang komitmen kerajaan untuk memajukan sistem pengangkutan awam darat. Berhubung dengan sistem pengangkutan awam darat ini, saya ingin menyentuh berhubung Hentian Putra Kuala Lumpur yang menjadi stesen atau terminal bagi perkhidmatan bas ekspres ke pantai timur khususnya ke Terengganu dan Kelantan. Saya ingin mencadangkan kerajaan membina stesen atau terminal bas ekspres yang baru ke pantai timur seperti Terminal Bersepadu Selatan (TBS) dan Pudu Sentral memandangkan bilangan peningkatan penumpang ke pantai timur serta memberi kemudahan dan juga keselesaan kepada penumpang.

Saya juga ingin menarik perhatian Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berhubung dengan kegiatan ulat-ulat tiket di Hentian Putra Kuala Lumpur ini yang memberikan alasan tiada kaunter tiket untuk menjual tiket. Kesempatan ini diambil untuk menjual tiket dengan harga lebih mahal dan menggunakan bas yang kurang selesa. Saya juga berharap SPAD mengambil tindakan terhadap pemandu teksi yang mengambil tambang kadang-kadang tinggi iaitu terlalu berlebihan terutamanya di awal pagi di Hentian Putra serta meletakkan teksi sesuka hati sehingga menyusahkan orang awam.

■1230

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah dan tindakan berkesan kerajaan khususnya SPAD dalam menangani kegiatan ulat-ulat tiket di Hentian Putra yang telah bergiat begitu lama dan apakah tindakan SPAD bagi kegiatan teksi termasuk kereta sewa haram di awal pagi di Hentian Putra?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengangkutan saya ingin membangkitkan cadangan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRR) fasa pertama yang melibatkan peruntukan sebanyak RM 2 bilion. Projek ini dijangka akan menghubungkan Kuantan ke Kerteh sejauh 109 km dan tambahan ke Bukit Besi - Dungun sejauh 35 km iaitu untuk tujuan pengangkutan kargo, industri dan penumpang.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, sejauh manakah kemajuan cadangan untuk mengadakan perkhidmatan kereta api ke Terengganu ini berjalan? Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga dalam Titah Baginda menyentuh berhubung dengan transformasi komprehensif ke atas Sistem Pendidikan Negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Saya menyedari bahawa pendidikan rendah amat penting bagi memastikan perkembangan potensi murid secara menyeluruh seimbang dan bersepadu.

Perkembangan murid ini meliputi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Okey, terima kasih. Perkembangan murid ini meliputi aspek-aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia. Saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan Program j-QAF bagi memperkasakan pendidikan Islam melalui penekanan khusus dalam pengajian Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain bermula pada 2005 lagi.

Program j-QAF ini amat penting untuk pendidikan tilawah al-Quran, akidah, ibadat, sirah nabawi, akhlak dan jawi supaya lebih berkesan dari segi penghayatan dan amalan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan bilangan guru, ustaz dan ustazah dalam Program j-QAF di seluruh negara terkini. Apakah langkah kerajaan bagi memperkasakan lagi program ini?

Saya juga ingin mencadangkan agar semua kelas sekolah rendah murid Islam diwajibkan membaca surah-surah lazim. Juz Amma bagi memulakan setiap pagi sebelum bermula pelajaran. Selain meningkatkan *hafazan* dalam surah-surah berkenaan, ia juga mampu membentuk akhlak dan pekerti mulia. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan sama ada Program j-QAF ini akan diteruskan di peringkat menengah memandangkan program ini mampu meningkatkan kefahaman dan akidah Islam serta membentuk pelajar yang berdisiplin.

Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya, saya ingin mengajak rakan-rakan, Ahli Dewan yang mulia ini merenung betapa cara terbaik untuk menilai seseorang. Ia bukan sahaja melalui apa yang diperkatakan tetapi yang lebih baik adalah daripada apa yang dilakukan. Namun, cara yang terbaik ialah daripada apa yang telah disumbangkan. Marilah kita yang bertanggungjawab ini menyumbang untuk membina negara yang aman dan harmoni serta saling menghormati tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan.

Marilah kita sama-sama membantu kerajaan dalam melaksanakan transformasi pembangunan negara untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Oleh itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah, ada? Tidak ada. Kalau tidak ada, Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh, tidak ada? Sekarang saya silakan Dato' Dr. Johari bin Mat.

12.35 tgh

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh...* [Berucap dalam bahasa Arab] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi kepada saya peluang untuk membahaskan Ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Saya ingin menyampaikan junjung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Tuanku yang telah mencemar Duli untuk menyampaikan Titahnya pada Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas pada 25 Jun yang lalu. Dalam Titah Tuanku setebal 14 halaman itu merangkumi 33 perkara. Semuanya digarap dengan kuat dan gagah di sampaikan kepada semua wakil rakyat khususnya dan semua lapisan masyarakat.

Titah Ucapan Baginda adalah sebagai pemandu arah kepada semua wakil rakyat, pemimpin negara di dalam mengurus negara dan membawa masyarakat kepada keamanan, kemakmuran, keselamatan, kesejahteraan dan kestabilan di dalam negara dari dunia sampai akhirat dimulakan dengan syukur dan diakhiri dengan doa. Banyak perkara yang telah disentuh oleh rakan-rakan saya di dalam Dewan ini terhadap Titah ucapan yang telah disampaikan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya dalam kesempatan ini akan hanya menyentuh beberapa perkara sahaja yang berkaitan di dalam Titah Ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang telah diberi perhatian yang awal oleh Tuanku ialah mengucap takziah kepada pihak keselamatan yang telah terkorban dan juga kepada keluarganya di atas usaha-usaha dan bakti yang telah dicurahkan untuk mempertahankan negara di dalam peristiwa Lahad Datu dan Semporna.

Saya merasakan ini merupakan satu keadaan yang telah terjadi dengan tiba-tiba dan kita dikejutkan dengan suasana itu. Duli Tuanku telah menyampaikan takziah kepada keluarga dan mangsa-mangsa yang terlibat. Kita juga menyampaikan hal yang sama dan berdoa agar mereka diberi keampunan dan limpah rahmat yang besar sebagaimana yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang soleh. Begitulah juga, saya juga berasa sedikit terkilan dalam masyarakat kita di mana diperdebatkan tentang kematian mereka. Ada yang mengatakan syahid, ada yang mengatakan sebaliknya. Jadi, perkara seperti ini Tuan Yang di-Pertua tidak patut diperdebatkan di dada akhbar. Ia hanyalah boleh dilakukan oleh pihak-pihak yang mempunyai *authority* di dalam bidang yang telah ditentukan di dalam negara kita.

Jadi, saya harap pihak-pihak yang berkenaan kalau ada isu-isu besar seperti itu tidak dijadikan satu polemik dan ditanya kepada orang-orang yang tidak ber*authority* di dalam memberikan pandangan-pandangan kerana dia akan boleh mengelirukan masyarakat. Bagi saya syahid itu jelas dan tidak syahid pun jelas. Kalau orang syahid ditanam dengan tidak usah mandi, tidak sembahyang. Itu jelas. Jadi, Tuan Yang di-Pertua perkara ini saya harap tidak dijadikan sebagai keadaan yang boleh mengelirukan masyarakat dan kita minta pihak yang berkenaan supaya memberi penjelasan yang jelas kepada perkara-perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Baginda Tuanku perkara 29, di dalam memperkatakan tentang Islam berteraskan maqasid syariah, maqasid syariah akan terus memelihara kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Hal ini sangat menarik perhatian kita semua. Tadi pun telah disentuh oleh pembahas sebelum saya bahawa Islam adalah *addin* yang diturunkan oleh Allah SWT untuk mengatur dan mengurus kehidupan manusia dari dunia sampai akhirat.

■1240

Begitulah juga Islam ini telah diterima di dalam perlembagaan sebagai Agama Persekutuan. Jadi, Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menekankan bahawa Islam berdasarkan Maqasid Al-Syariah. Apa yang dimaksudkan dengan Maqasid Al-Syariah? Tadi telah diterangkan oleh pembahas sebelum saya. Tujuannya ialah untuk menjaga lima perkara. Kalau lima-lima perkara ini terjaga dengan baik, ia akan baik masyarakat dan negara itu. Kalau sekiranya tidak dijaga dengan baik, maka di situ ada kepincangan. Perkara yang utama ialah menjaga agama, kedua menjaga jiwa, ketiga menjaga keturunan, keempat menjaga akal dan kelima menjaga harta. Ini ada lima perkara yang menjadi tujuan syarak, tujuan syariat Islam diadakan. Kelima-lima perkara ini bukan sahaja untuk jaga di dalam untuk orang Islam sahaja tetapi kepada seluruh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat secara mudah untuk menjaga agama ialah Islam memberi kawalan yang sebaiknya kepada agama Islam dan juga memberi peraturan yang baik kepada terhadap agama lain, mempunyai pengawalan yang cukup. Oleh kerana itulah Islam melarang kita mencemuh agama lain. Begitulah juga sebaliknya Islam tidak mengajjar perkara-perkara yang boleh menimbulkan permusuhan di dalam agama. Walau bagaimanapun, kita melihat dalam hubungan ini Islam perlu dikawal, pemerintah perlu mengawal supaya umat Islam tidak terjebak dengan ajaran-ajaran yang tidak baik. Tadi telah disentuh bahawa di dalam negara kita telah muncul satu ajaran yang tersebar dengan luas iaitu ajaran fahaman Syiah. Walaupun tadi disebut jumlahnya 50,000 tetapi saya masih belum meyakini bahawa angkanya sampai sebegitu. Ini sebab angka ini tidak ada statistik yang boleh kita percaya sampai kini. Walau bagaimanapun, itu merupakan satu gambar-gembut yang diada-adakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya umat Islam di Malaysia adalah berpegang kepada mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan telah termaktub di dalam enakmen-enakmen negeri. Namun pada era tahun awal 80-an ada sedikit kelonggaran diberikan kepada peraturan itu sehingga dimasukkan boleh diamalkan mazhab Jaafariah dan Zaidiah di dalam enakmen. Walaupun ianya telah diberi teguran dan juga pandangan oleh pihak-pihak yang mempunyai kepakaran di dalam bidang tersebut supaya jangan memberi ruang itu. Akan tetapi setelah tiga dekad perkara ini berlaku, maka sekarang kita melihat majlis-majlis agama Islam di seluruh negara telah berfikir kembali. Sudah tiga dekad dan perkara ini telah tersebar. Oleh kerana itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta pihak-pihak yang diberi tanggungjawab supaya memikir ke depan perkara ini. Kalau sekiranya tahun 80-an dahulu diberi perhatian, maka mungkin ia tidak akan berlaku seperti sekarang.

Begitulah juga saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini Malaysia menjadi tumpuan pelajar-pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran mereka

di peringkat ijazah pertama dan selepas ijazah pertama. Antara pelajar yang ramai datang ke Malaysia ialah dari Iran. Saya ingin bertanya di sini, adakah kedatangan dan kebanjiran mereka itu telah dikenal pasti dan dipastikan mereka tidak menyebarkan ajaran tersebut? Saya ingin juga mengetahui daripada pihak kementerian, berapa ramai pelajar-pelajar antarabangsa yang duduk, yang belajar di negara kita yang daripada setiap negara. Ini kerana kita bimbang kedatangan mereka yang ramai boleh menyebabkan kesan yang negatif pada masa depan. Begitulah juga Tuan Yang di-Pertua, bila kita lihat kembali untuk menjaga jiwa. Islam mewajibkan setiap orang tidak boleh diperkotak-katikkan dengan sewenang-wenangnya, tidak boleh dipukul, tidak boleh dibunuh dan di penjara dan sebagainya. Begitulah juga kita melihat Islam cukup menjaga.

Walau bagaimanapun kita melihat akhir-akhir ini kes bunuh dengan menembak jarak dekat sudah menjadi satu trend. Baru-baru ini ada tiga orang guru telah ditembak dengan jarak dekat. Jadi, saya pun risau golongan guru ini menjadi sasaran walaupun kita tidak tahu apa *background* dia tetapi setelah dua orang di Kelantan dan seorang di Perak. Ini menunjukkan satu trend... [Disampuk] Di Kedah?... Ya, di Kedah. Ini merupakan satu trend yang sangat menggerunkan. Oleh kerana itulah kita melihat perkara ini merupakan satu fenomena yang baru berlaku dan dilihat. Saya membaca akhbar bahawa pihak keselamatan ada menyebut bahawa pembunuh upahan itu bukanlah besar. Akan tetapi saya melihat walaupun tidak besar, kes-kes itu terencil, namun ia memberi satu gambaran yang tidak baik dan menakutkan.

Begitulah juga untuk menjaga jiwa ini. Saya terbaca dalam akhbar baru-baru ini ada enam juta pengguna jalan raya di Malaysia yang tidak ada lesen. Pihak JPJ telah membuat usaha-usaha untuk supaya mereka ini mengambil lesen. Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah enam juta itu termasuk kanak-kanak sekolah ataupun remaja yang lepas sekolah? Adakah mereka yang terlibat dalam kemalangan jalan raya itu termasuk golongan yang tidak ada lesen? Atau bagaimana mereka ini terjadi begitu? Oleh kerana itu pada sesi yang sebelum ini saya mencadangkan supaya remaja sekolah menengah ini ada yang saya lihat menggunakan motosikal pergi ke sekolah tanpa lesen, sudah pasti tanpa lesen dan tidak pakai topi keledar. Ini merata di kampung di luar bandar. Jadi, saya melihat ini merupakan satu masalah kepada pengguna jalan raya dan boleh membawa kemalangan. Namun, kita tidak tahu bagaimana kaedah-kaedah yang boleh diambil terhadap untuk membendung keadaan-keadaan itu. Saya ingin bertanya kepada kementerian yang berkenaan bagaimana langkah-langkah yang boleh kita atasi perkara seperti ini sehingga tidak membawa kemalangan kepada jalan raya?

Menjaga keturunan Tuan Yang di-Pertua, ialah mengawal supaya anak-anak kita lahir dengan cukup peraturan iaitu dengan perkahwinan yang sah. Dalam hubungan ini rumah tangga kita perlu aman, begitulah juga kita tidak mahu porak-peranda di dalam masyarakat kita. Untuk merealisasikan hal ini, keturunan ini dititik beratkan oleh Islam. Dalam hubungan ini kita melihat Islam begitu mengambil berat tentang keturunan. Apabila keturunan itu mempunyai kaitan dengan perkahwinan dan juga pusaka. Ini yang diberi perhatian yang besar. Oleh kerana itu saya melihat, kita telah bincang di dalam Dewan ini dahulu ialah anak-anak yang tidak sah taraf. Anak-anak yang tidak sah taraf itu jumlahnya ribuan malah ratusan ribu. Itu pada tahun 2011 dan sekarang kita melihat boleh jadi bilangan itu telah bertambah.

Walau bagaimanapun, anak yang tidak sah taraf bukan semuanya lahir daripada hubungan luar nikah. Ada yang tidak sah taraf kerana kahwin di Thailand. Ibu dan bapanya tidak daftar, maka anaknya tidak sah taraf. Jadi, kerana itu saya rasa apabila sebut anak tidak sah taraf, jangan minda kita pergi kepada anak luar nikah. Oleh kerana itu saya melihat bagaimana kerajaan dapat menyelesaikan hal ini? Saya amat prihatin, kita amat prihatin kepada mereka. Kesalahannya bukan mereka, ibu bapa yang salah tetapi beban adalah dipikul oleh anak-anak. Hal ini kita sebagai orang yang diberi tanggungjawab perlu memikirkan dengan sebaik-baiknya dan sedalam-dalamnya agar hal-hal seperti ini dapat diatasi.

■1250

Begitulah juga kita dalam menjaga harta. Harta, Islam melihat sebagai satu amanah, satu pemberian daripada Allah kepada setiap orang untuk dijaga hartanya dan harta orang tidak boleh dicerobohi. Namun, saya ingin tahu berapa banyak kes yang telah berlaku dalam masyarakat kita, kes rompak dan kes curi. Rompak dan curi merupakan satu jenayah yang sering berlaku dan dilaporkan di dalam akhbar-akhbar. Jadi ini adalah satu perkara yang besar dan kalau boleh pihak yang berkenaan, saya ingin tahu daripada tahun 2011 hingga

tahun 2012, berapa kes rompak sama ada rompakan bersenjata, curi dan berapa nilai wang yang terlibat. Hal seperti ini Tuan Yang di-Pertua, mempunyai kesan yang besar di dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya ingin sentuh ialah kesederhanaan iaitu *wasatiyyah*. *Wasatiyyah* ini telah dirasmikan pada tahun lepas dan ia telah ditubuhkan pada 17 Januari 2012 - Institut Wasatiyyah dan satu Kerusi diletakkan di Universiti Malaya. Saya ingin tahu, setakat ini apa rancangan yang telah dibuat untuk diberitahu kepada masyarakat. Sebenarnya konsep *wasatiyyah* ini memang disebut di dalam al-Quran. Namun saya melihat orang tidak faham. Ramai yang tidak faham akan konsep *wasatiyyah* ini. Kalau kita melihat "*wasat*" adalah kalau kita ambil satu bulat dan titik di tengah. Itu "*wasat*" atau *center*. Maksud "*wasat*" ialah *center* atau pun ia berada di antara dua keadaan dan ia berada di tengah-tengah. Banyak penerangan-penerangan telah diberikan kerana ia adalah berasal daripada bahasa Arab. Untuk kita fahami kedudukan *wasatiyyah* ini, perlu kita melihat susur galur kata dasar bahasa Arab. Dalam bahasa Arab kalimah "*wasat*" ini antara lain ialah yang paling baik, yang paling adil dan yang paling utama. Jadi apabila kita sebut "*wasatiyyatul Islam*", kesederhanaan Islam ialah maksudnya yang paling adil. Islam bawa yang paling adil, yang paling baik, yang paling utama.

Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, kerana apa ia paling baik, paling adil, paling utama? Pertamanya, kerana ia datang daripada Allah. Keduanya, ia satu agama addin yang mengatur seluruh kehidupan manusia bermula dari dunia sampai akhirat. Ia adalah untuk seluruh bangsa dan manusia serta semua orang boleh berinteraksi dengan Islam tanpa mengira bangsa dan agama. Oleh kerana itu, orang bukan Islam pun boleh ikut Islam, tidak perlu masuk. Ia ada dua perbezaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih. Perkara yang seterusnya ialah saya ingin sentuh sedikit berhubung dengan kerisauan masyarakat kita tentang polarisasi kaum. Polarisasi kaum ini sebenarnya tidak perlu kita takut kalau kita ambil kaedah yang tepat. Kaedah yang tepat ialah manusia ini kalau yang dicadangkan oleh Islam ialah Islam membawa manusia adalah dari ayah yang seorang, yang sama. Jadi Islam mengatakan semua manusia adalah dari Adam dan Adam adalah dari tanah. Semua manusia tidak ada yang berbeza di antara satu sama lain.

Oleh kerana itu kalau sekiranya Islam menyatakan bahawa manusia adalah dari yang sama, maka kita boleh terima buat sementara. Kepada orang-orang yang bukan Islam, kita adalah asal yang sama dan kita adalah keluarga yang besar.

Perbezaan yang ada di antara satu sama lain, itu adalah perbezaan kebaikan yang ada dan boleh disampaikan kepada orang lain. Saya ingin membaca satu ayat daripada al-Quran berhubung dengan perkara ini... [*Menyebut sepotong ayat al-Quran*] Allah SWT berfirman, "*Wahai sekalian manusia, sesungguhnya kami jadikan kamu berbangsa-bangsa, kami jadikan kamu laki-laki dan perempuan dan kami jadikan kamu berpuak dan bergolongan berkabilah semata-mata untuk berkenalan di antara kamu*". Jadi sangat *simple*. Oleh kerana itulah dia lahir daripada seorang insan dan kita adalah keluarga besar dan tidak perlu ia jadikan prejudis. Kalau itu kita jadikan asas, maka kita boleh sama di antara satu sama lain. Apa kelebihan seseorang itu, dia boleh berikan kepada saudaranya.

Nampaknya Tuan Yang di-Pertua hendak suruh saya berhenti...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh gulung?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Saya gulung. Kesimpulan yang ingin saya sampaikan, ucapan Yang di-Pertuan Agong merupakan satu ucapan yang cukup kemas dan gagah. Ia mengajak kita semua supaya merenung kepada kebaikan, kesejahteraan, keamanan dan kesejahteraan hidup. Ini merupakan tugas dan tanggungjawab kerajaan yang diberi mandat dan memerintah agar mereka melaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Saya ingin menyatakan bahawa setiap kita adalah bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan dan setiap kita akan ditanya dengan tugas kita sama ada di dunia atau pun di akhirat nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim. Tidak mengapa, mulakan. Selepas itu boleh sambung.

12.57 tgh.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh... [Berucap dalam bahasa Arab]*

Pertamanya, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk pertama kalinya membahaskan Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah yang mana sebelum ini saya hanya bertanggungjawab untuk menjawab perbahasan dalam Dewan yang mulia ini, tetapi kali ini saya berpeluang untuk berbahas.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya dalam perbahasan ini menyentuh beberapa perkara yang telah disebut dalam Titah Ucapan yang antara lainnya berkisar persoalan wanita. Tidak dapat kita nafikan bahawa sumbangan wanita amat besar dalam semua sektor demi kecemerlangan masa depan negara. Antara komponen wanita yang penting dan tidak boleh ditinggalkan adalah wanita-wanita yang bergelar sebagai ibu tunggal. Kita mengucapkan terima kasih dan tahniah atas keprihatinan kerajaan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang baru-baru ini melancarkan Juwita, satu program yang khas untuk ibu tunggal. Ramai yang hadir memenuhi PWTC dan kita percaya bahawa sudah tentunya agenda yang diatur lebih besar bagi niat membantu.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, setelah dilancarkan program Juwita ini, bagaimana agaknya ibu-ibu tunggal yang telah dikenal pasti benar-benar dapat dibantu? Ini kerana setelah dirasmikan Juwita, satu daripada persatuan ibu tunggal di...

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya mencelah sedikit? Tadi maksud Yang Berhormat Senator, ada agenda yang besar, sedikit membantu. Apa maksudnya itu? Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Itu perlulah dijelaskan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, bukan saya yang hendak menjelaskan. Saya mohon penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat apabila melancarkan satu program yang besar, kita percaya mereka telah mengatur agenda bagaimana hendak membantu ibu-ibu tunggal ini. Jadi agenda inilah yang kita hendak pihak kementerian menjelaskan bagaimana mereka dapat dibantu.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa sudah tepat pukul 1 petang, saya terpaksa berhenti dahulu dan Yang Berhormat boleh sambung selepas jam 2.30 petang nanti.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nampak agaknya pakar-pakar bercakap mengenai agama ini bagus juga. Di hari baik dan bulan yang baik ini agaknya pihak-pihak yang tertentu, pegawai semua tolong ambil perhatian dan beri jawapan dalam masa kementerian menjawab nanti. Sekarang saya tangguhkan Mesyuarat kita.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum kita terus kepada sesi perbahasan kita, saya difahamkan ada usul Menteri. Silakan Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 24 Julai 2013.”

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Sri Abdul Wahid bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Seterusnya Yang Berhormat Dato’ Dr. Mashitah. Sambung balik Yang Berhormat ya.

2.33 ptg.

Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung perbahasan tentang wanita sebagai agen dan sumbangan yang besar dalam sektor untuk kecemerlangan negara. Saya ada menyebut sebentar tadi tentang Persatuan Ibu Tunggal yang telah diwujudkan di kawasan saya yang pernah membuat permohonan kepada kementerian tetapi ditolak dengan alasan tiada sebarang peruntukan untuk membantu persatuan-persatuan ibu tunggal yang telah diwujudkan. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian bagaimana isu ini dapat dibantu dan juga bagaimana JUWITA yang kita sasarkan tadi dengan mempunyai ramai keahlian daripada ibu tunggal ini dapat dibantu melalui dana-dana tertentu daripada pihak kementerian.

Selain daripada itu, kita juga ingin memohon daripada pihak kementerian supaya memantau isu bagaimana ramai daripada wanita menjadi mangsa muflis yang mana mereka ini menjadi mangsa muflis bukanlah disebabkan oleh mereka sendiri tetapi dipergunakan oleh pihak suami untuk berhutang dengan menggunakan nama mereka ataupun nama isteri, akhirnya apabila isteri telah jatuh muflis, ditinggalkan oleh suami. Maka saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian pernah memantau kes-kes seumpama ini dan jika tidak, saya ingin menyarankan supaya satu pemantauan diadakan kerana terlalu ramai kes isteri yang menjadi mangsa muflis disebabkan oleh perbuatan suami.

Dalam masalah sebegini, bagaimanakah caranya pihak kementerian dapat membantu supaya ibu tunggal ini dapat keluar daripada masalah mereka apa lagi kita telah mendengar bagaimana Jabatan Insolvensi baru-baru ini telah mengeluarkan kenyataan bahawa mereka akan memudahkan dan komitmen begini amat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Tuanku juga ada menyentuh bahawa usaha memantapkan institusi keluarga sangatlah penting kepada kestabilan sosial. Program

1Malaysia Utamakan Keluarga dengan hasrat memperkukuhkan institusi keluarga amat dialu-alukan sesuai dengan hadis Rasulullah SAW... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Jadikan rumahku sebagai syurgaku. Di antara komponen keluarga, kalau disebut dalam *extended family* dengan izin, termasuklah warga emas dan juga anak-anak.

Saya ingin menyentuh soal warga emas yang mana dirasakan perlu adanya satu program terancang bagaimana memberi satu kesedaran. Kesedaran ini kepada dua pihak, pertama kesedaran kepada anak-anak bahawa tanggungjawab untuk menjaga warga emas ataupun ibu bapa yang telah tua ini adalah tanggungjawab anak. Sebahagian besar daripada masyarakat kita meletakkan tanggungjawab itu kepada pihak kerajaan dan merasakan bahawa ibu bapa apabila telah tua, itu adalah tanggungjawab pihak kerajaan untuk memberi bantuan dan melihat kebajikan mereka. Sebenarnya apabila tiada ahli keluarga yang mengambil tanggungjawab tersebut, barulah jatuh kepada tanggungjawab kerajaan. Begitu juga satu kesedaran kepada warga emas itu sendiri supaya bersedia untuk menghadapi hari-hari tua. Tua bukanlah sesuatu yang perlu ditakutkan tetapi ia adalah satu hakikat yang perlu kita hadapi dengan penuh persediaan. Ini juga disebut dalam hadis yang menyebut... *[Berucap dalam bahasa Arab]* "Rebutlah peluang dan sedialah diri untuk lima perkara sebelum lima perkara dan antaranya ialah mudamu sebelum tuamu".

Jadi pada saya kita melihat bagaimana orang Barat memberi satu pendidikan kepada orang-orang tua untuk menghadapi hari-hari tua mereka dengan penuh terancang. Mereka masih lagi keluar berjalan, mereka masih lagi keluar untuk membeli-belah, mereka masih lagi keluar berpersatuan dan itu merupakan satu terapi. Kita berharap hari tua ini akan dihadapi dengan baik. Tua-tua halia kata orang makin tua, makin ceria. Tua-tua lengkuas makin tua, makin cergas. Bukan makin buas ya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah mungkin pihak kementerian dapat mempertimbangkan adanya istilah yang kita sebut sebagai 'tadi-tua'. Kalau kita ada tadika atau taman didikan kanak-kanak, kita juga boleh mempertimbangkan taman didikan orang-orang tua. Sebab sekarang ini kita lihat resolusi terakhir kepada orang-orang tua untuk menjalani hari-hari hidup terakhir mereka ialah pergi kepada pondok-pondok untuk mengaji agama tetapi sayangnya aspek kesihatan kurang dititikberatkan di sini. Jadi sesuai dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat dan langkah mencegah penyakit kronik, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian mempertimbangkan hal ini.

Begitu juga kebelakangan ini bercakap tentang soal keluarga komponen kedua ialah tentang anak-anak. Kebelakangan ini kita mendengar begitu banyak sekali kes-kes kecuai-an anak sehingga menyebabkan kematian anak. Mungkin ditinggalkan dalam kereta ataupun mungkin disebabkan tersedak susu dan pelbagai peristiwa yang sebelum ini tidak begitu ketara. Pada saya telah sampai masanya untuk kita mengkaji semula kursus pra-perkahwinan. Kursus pra-perkahwinan selama ini tidak pernah memasukkan kemahiran keibubapaan, bagaimana cara sebenarnya untuk ibu bapa menitikberatkan soal keselamatan dan yang akhirnya boleh membantu mereka dari segi menjaga keselamatan anak-anak. Jadi saya mohon mungkin dapat dipertimbangkan oleh pihak kementerian.

Aspek seterusnya yang disentuh dalam Titah Ucapan ialah betapa seriusnya kepentingan bekalan makanan yang makanan ini mestilah dijamin halal dan bersih ataupun *halalan toyyiban*. Kita lihat di negara-negara maju seperti di Singapura, satu penguatkuasaan telah dibuat untuk menjamin kebersihan. Baru-baru ini rakyat terkejut dalam bulan Mei yang lalu apabila disiarkan di akhbar berlaku di Shah Alam bagaimana tomyam yang ada tali mop dan juga bagaimana dalam makanan terjumpa pelbagai serangga seperti lipas yang amat menjijikkan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian berkaitan apakah mereka telah mengadakan usaha untuk menyedarkan dua pihak yang terlibat iaitu pihak peniaga tentang kebersihan undang-undang dan bagaimana penguatkuasaan undang-undang tersebut dan pihak pengguna sendiri bagaimana akan bertindak dari segi tindakan undang-undang yang boleh mereka lakukan sekiranya berdepan dengan masalah ini.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, betapa beruntungnya seseorang berada di Negara Malaysia yang kerajaannya terus berusaha memartabatkan Islam dan menjaga akidah, keselamatan fizikal dan keselamatan akidah patut di lihat sama taraf. Ancaman-ancaman akidah sangat membimbangkan, yang mana memerlukan kepada pihak kerajaan mempertimbangkan untuk mengadakan satu akta ataupun mungkin satu peruntukkan bagi mereka yang memesongkan pihak-pihak tertentu demi kepentingan politik yang tertentu. Apabila kita bercakap tentang

ajaran sesat, ia bukan sahaja seperti ajaran Syiah yang telah disentuh oleh beberapa rakan dalam Dewan yang mulia ini yang semakin berleluasa dan boleh merosakkan akidah umat Islam tetapi dalam masa yang sama amanat-amanat yang boleh memesongkan. Kita telah mendengar sebelum ini amanat Haji Hadi dan kita dikejutkan pula dengan amanat Husam yang mengatakan mati untuk *Blackout505* di istilahkan sebagai mati syahid.

Tiada tindakan segera untuk menjawab isu-isu ini sebaliknya kita lihat hanya NGO dan orang perseorangan membicarakan dengan begitu banyak sekali. Saya ingin mencadangkan supaya adanya keadaan ataupun jabatan memperkasakan jabatan berwajib untuk memperkenalkan satu mekanisme bagi menangani perkembangan ini. Jika tidak kita lihat maka ajaran sesat, fatwa-fatwa sesat, bukan sahaja Syiah, al-Arqam, Nabi palsu, semakin ramai yang begitu berani menonjolkan diri mereka secara berterang-terangan bahkan sedia bersemuka dengan pihak berkuasa.

Pada baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah membuat satu kenyataan bahawa satu panel akan di wujudkan bagi memberi fatwa ataupun keputusan segera pada masalah-masalah yang berlaku dalam masyarakat. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah rasionalnya untuk mewujudkan jawatankuasa ini? Sedangkan dalam masa yang sama kita mempunyai Jawatankuasa Fatwa Majlis Muzakarah bagi hal ehwal agama Islam. Apakah ia tidak boleh dianggap sebagai satu *redundant*, dengan izin, ataupun di lihat sebagai Jawatankuasa Fatwa Majlis Muzakarah ini tidak cukup superior atau lemah kah mereka ini sehingga memerlukan kepada satu panel lain untuk memberikan fatwa kepada masalah-masalah yang wujud dalam masyarakat kita.

Cabaran fahaman Syiah telah banyak di sentuh oleh rakan-rakan dalam Dewan tadi, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kedah yang telah mengambil inisiatif untuk menggazet fatwa ini, yang mana kita sedia maklum bahawa hal-hal agama adalah di bawah kerajaan negeri. Namun demikian, peranan Kerajaan Pusat dalam memberi fahaman tentang bahaya fahaman ini juga tidak perlu diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, mutakhir ini banyak isu yang menjejaskan kesucian dan kedudukan agama Islam ditimbulkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan berkepentingan walaupun ia sangat bercanggah dengan peruntukkan undang-undang dan perlembagaan. Pendakwaan yang di buat oleh Pejabat Peguam Negara terhadap sepasang *bloggers* yang menghina agama Islam dan umat Islam kerana memuat naik gambar mereka makan sup tulang babi sambil mengucapkan selamat berbuka puasa, halal dan enak adalah sesuatu yang wajar dan mesti dilakukan. Bahkan pengerusi jawatankuasa fatwa ada berpendapat seolah-olah ia merupakan satu misi terancang yang sengaja dilakukan untuk menghina umat Islam dalam bulan Ramadhan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada polemik mengenai Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan dan penarikan tiga rang undang-undang oleh kerajaan baru-baru ini. Perkara 12 secara umum menyentuh perihal hak asasi dan pendidikan, Perkara 12(4) adalah berkaitan hak penjagaan ibu-bapa untuk menentukan status agama kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Ada pihak berpendapat mahkamah telah lama tersalah tafsir Perkara 12(4) dalam perkataan, "*parent*" iaitu merujuk kepada ibu atau bapa, salah satu. Sepatutnya "*parent*" iaitu ada 's' yang membawa makna ibu dan bapa, itu kata mereka. Akan tetapi perlembagaan dan mahkamah telah menetapkan ibu atau bapa dan bukannya ibu dan bapa maka kita berpeganglah dengan apa yang sudah termaktub. Saya yakin, saya mewakili pandangan majoriti umat Islam di negara ini bahawa peruntukkan yang ada dalam perlembagaan ini sudah jelas dan sepatutnya tidak ada yang perlu dipertikai, namun masih ada yang tidak jelas dan mahu meminda perlembagaan.

Perkara ini memang menyatakan bahawa status anak ditentukan salah satu iaitu ibu atau bapa atau penjaga versi bahasa Malaysia memang menterjemahkan "*parent*" sebagai ibu- bapa. Akan tetapi teks asal perlembagaan negara di tulis dalam bahasa Inggeris yang mana biasanya perkataan "*parent*" ini dirujuk kepada *singular*, dengan izin. Beberapa hakim mahkamah tinggi dan mahkamah persekutuan juga berpegang kepada fahaman dan tafsiran ini yang mana kita boleh merujuk kepada kes Shubashini lawan Saravanan. Mahkamah menyetujui bahawa salah satu iaitu ibu atau bapa boleh menentukan agama anaknya berumur di bawah 18 tahun.

Begitu juga kes Teoh Eng Huat lawan Kadi Pasir Mas Kelantan dan Anor juga mempertahankan prinsip yang sama. Kes Soon Singh a/l Bikar Singh lawan kebajikan

Pertubuhan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah dan Anor [1996]. Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa hanya Mahkamah Syariah mempunyai kuasa atau *jurisdiction* terhadap kes-kes sebegini. Akta Pentadbiran Islam 1993 sebagai contoh, menyebut perkara yang sama iaitu ibu atau bapa yang Islam boleh mengislamkan anak-anak mereka yang di bawah umur 18 tahun

Tidak ada sebarang keraguan lagi mengenai pentafsiran perkataan, '*parent*' dengan keputusan mahkamah dan hakikat bahawa Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada mahkamah untuk mentafsir peruntukkan perlembagaan dan undang-undang maka semua pihak mesti menerima hakikat ini. Kita kena pegang dan percaya kepada mahkamah kerana mahkamah diberi mandat untuk mentafsir peruntukkan perlembagaan. Tafsiran mana-mana individu tidak kira ahli politik, peguam, pemimpin atau pembangkang atau siapa sahaja, maka ia adalah secara kebetulan, yang juga seorang peguam, yang tidak boleh mengatasi kuasa hakim atau mahkamah tidak kira sehebat mana pun. Hanya yang layak dan berautoriti mentafsir peruntukkan perlembagaan ialah mahkamah.

Implikasinya ialah jika semua orang dibenarkan memberi tafsiran sendiri terhadap peruntukkan perlembagaan, hancurlah sistem perundangan dan kehakiman. Kalau tafsiran dan mahkamah di tolak, bermakna tiada lagi kewibawaan institusi kehakiman. Perkaitan hal ini, inilah perkara asas 128, Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa taksiran tertinggi kepada mahkamah, jadi kita hendak mendengar mahkamah ataupun benarkan Karpal Singh?

Berkaitan hal ini, umat Islam negara ini umumnya sangat kecewa dan hairan dengan penarikan rang undang-undang baru-baru ini. saya maksudkan ialah Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2013, Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013 dan Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013. Rakyat di beritahu penarikan rang undang-undang ini bagi membolehkan proses konsultasi dibuat dengan pelbagai pihak bertujuan untuk memperkemaskannya.

Umum dimaklumkan bahawa dengan penarikan ketiga-tiga rang undang-undang ini, maka Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) dan Akta 505 kekal dan masih diguna pakai sehingga sekarang. Ramai yang saya temui tidak terkecuali kawan-kawan dalam bidang akademik, politik dan perundangan yang tidak bersetuju dengan penarikan rang undang-undang tersebut. Ada mengatakan penarikan ini seolah-olah tidak menghormati Sultan dan Majlis Raja-Raja yang sudah memperkenankan rang undang-undang tersebut. Ada yang menganggap ini sebagai satu ujian yang bukan umat Islam untuk bersatu dan mempertahankan apa yang hak secara realiti, walaupun Akta 505 kekal tidak ada jaminan pihak yang mahu mempertikai akan berdiam diri dan tidak akan membangkitkan isu ini. Mereka tetap akan mempertikai.

Pada saya apa yang penting dan fundamental adalah keberanian menjunjung kedaulatan agama Islam dan mempertahankan perlembagaan seperti kebimbangan yang dilahirkan oleh Profesor Tan Sri Abdul Shukor umat Islam negara ini tidak mahu melihat hakisan dan kelonggaran kepada status dan kedudukan agama Islam, kerajaan harus tegas dalam perkara ini. Sudahlah sebelum ini umat Islam terguris dengan pihak-pihak tertentu yang mahu memurtadkan orang-orang Islam, dalam kes Perkara 12(4), umat Islam juga menentang usaha untuk meminda perkataan "atau", kepada perkataan "dan" kerana ini menyukarkan anak-anak bawah 18 tahun masuk Islam mengikuti ibu dan bapanya. Kita sedia maklum agenda pihak tertentu yang mahu kanak-kanak bawah umur 18 tahun tidak diajarkan agama. Setelah mencapai umur 18 tahun barulah kanak-kanak ini dianggap dewasa dan diberi kebebasan memilih agama Islam atau agama sendiri...

■1450

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua sebab...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya beri tiga minit bolehkah?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Saya minta lagi sedikit tambahan. Ada beberapa isu lagi sebab saya terhenti.

Timbalan Yang di-Pertua: Habiskan.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab ini pertama kali saya membahaskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Saya mohon sedikit masa. Jadi dalam masa yang sama kita lihat bahawa dalam Islam bukan umur 18 tahun kerana kita ada peringkat seperti baligh, mumayyiz dan juga mukalaf.

Islam adalah agama rasmi di Malaysia seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan manakala Yang di-Pertuan Agong adalah Kuasa Eksekutif yang utama. Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong Baginda bersumpah mempertahankan Islam sebagai agama rasmi. Baginda mengucap kalimah, "*Wallahi, wabillahi, watalahi*" untuk memelihara Islam sepanjang masa. Sumpah Baginda adalah suatu *constitutional obligation*, dengan izin, yang mewakili semua orang sama ada yang beragama Islam atau bukan beragama Islam untuk menjunjung dan memelihara Islam.

Semua warganegara mesti mengikut Perlembagaan Persekutuan. Kalau ada hujah yang mengatakan bahawa orang bukan Islam tidak terikat untuk memelihara agama Islam, ini tidak benar dan tidak mengikut kepada Perlembagaan Persekutuan. Begitu juga di negeri-negeri, sudah ada peruntukan undang-undang Islam di bawah bidang kuasa Sultan dan Majlis Raja-Raja yang menjadi payung agama Islam serta budaya dan adat istiadat Melayu di negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kita dikejutkan baru-baru ini dengan satu kenyataan bahawa kerajaan terpaksa menanggung RM26 juta bagi menanggung bil kesihatan pekerja asing yang belum berbayar. Angka RM26 juta ini amat mengejutkan. Lebih terkejut lagi kerajaan juga membelanjakan RM145 juta setahun untuk menampung pengurusan banduan asing di seluruh negara. Maka timbullah daripada pihak-pihak tertentu yang mendakwa Kerajaan Malaysia terlalu mudah memberikan kerakyatan. Ada dakwaan pembangkang yang mengatakan permohonan kerakyatan hanya RM50 jika baik dengan orang politik serta pegawai tinggi kerajaan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian memandangkan bil kesihatan pekerja asing tidak berbayar semakin meningkat, adakah kerajaan mempunyai satu mekanisme tertentu untuk mengutip semula bayaran berkenaan. Jika ada, apakah mekanisme yang akan diambil? Jika tidak, adakah kita bersedia untuk mengkaji prosedur yang dijalankan di negara lain seperti Singapura, *United Arab Emirates* atau Arab Saudi yang sudah mempunyai pengalaman dan mempraktikkannya.

Begitu juga dengan kos yang terpaksa ditanggung pada banduan asing. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan tanggungan terutama membabitkan perbelanjaan terhadap banduan asing. Adakah dengan cara menghantar balik ke negara masing-masing dan menjalankan hukuman di negara mereka merupakan langkah yang lebih bijak dan juga bersesuaian. Untuk itu kita minta supaya pihak kementerian memberikan penjelasan sepanjang lima tahun yang lalu, berapakah jumlah permohonan kerakyatan yang telah diluluskan oleh kerajaan. Bolehkah kerajaan menjelaskan secara terperinci jumlah golongan yang diberikan kerakyatan dan apakah kriteria yang diperlukan untuk membolehkan sesuatu permohonan itu diluluskan.

Akhir-akhir ini, banyak juga video disiarkan di dalam *YouTube*. Kononnya wajah mereka yang terbabit dikatakan serupa dengan wajah ADUN atau Ahli Parlimen ataupun orang politik. Adakah pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia, SPRM, SKMM mengambil perhatian terhadap sebarang laporan atau siaran sama ada melalui media cetak, media elektronik atau media alternatif jika ada; kalau ada dakwaan bahawa terdapat Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen ataupun orang-orang politik yang dikatakan terbabit dalam video seks. Jika ada setakat ini berapa banyak tindakan yang telah diambil ataupun kajian yang sudah dijalankan untuk mengenal pasti terhadap mereka yang telah disiarkan di dalam *YouTube* ini.

Jadi, pada saya ia adalah satu isu yang tidak boleh dilihat dengan begitu enteng. Kita perlu mengambil serius tentang hal ini supaya media tidak digunakan kepada perkara-perkara yang tidak sepatutnya digunakan. Saya rasa itulah di antara perkara-perkara yang ingin saya sentuh dalam perbahasan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana peluang yang telah diberikan. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh.

2.55 ptg.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Selamat petang, salam 1Malaysia saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator-Senator sekalian. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Tital Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah pada 25 Jun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa begitu bersyukur dan gembira kerana kita semua dapat berjumpa semula untuk Persidangan Penggal Pertama Parlimen Ke-13. Saya berterima kasih kepada Tuhan kerana PRU Ke-13 telah berjalan dengan lancar dan tidak ada apa-apa peristiwa negatif berlaku dan kita rakyat Malaysia dapat terus menikmati kehidupan yang mana dan makmur. Setiap rakyat Malaysia tidak mengira kaum diberikan peluang untuk memilih kerajaan mengikut satu sistem demokrasi yang adil di seluruh negara.

Rakyat Malaysia telah keluar dengan begitu ramainya untuk mempraktikkan hak demokrasi mereka mengundi pilihan mereka tanpa apa-apa tekanan. Di dalam sistem demokrasi, sudah tentu ada pihak yang menang dan satu lagi yang kalah. Apa yang penting ialah, ini adalah pilihan rakyat. Ada kawasan yang rakyat pilih kerajaan dan ada kawasan yang rakyat pilih pembangkang. Ada kawasan yang mana kerajaan telah tambah kerusi menjadi lebih kuat dan ada negeri yang mana pembangkang telah menambah kerusi menjadi lebih kuat. Ini adalah kenyataan bahawa sistem demokrasi di Malaysia adalah adil dan dilaksanakan secara saksama.

Kita mesti menerima dan menghormati keputusan ini kerana ini adalah pilihan rakyat. Tidak guna di tempat yang kita kalah, kita mengheboh-hebohkan pemilihan tidak betul dan ada penipuan dan tempat yang kita menang, kita meraikan kemenangan dan memuji proses pemilihan.

Saya tidak faham mengapa pembangkang di tempat yang mereka kalah, mereka menyalahkan SPR dan telah mengadakan beberapa demonstrasi untuk membantah keputusan PRU Ke-13. Ini adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab sebab alasan-alasan yang disebarkan adalah tidak benar dan mereka mengambil kesempatan ini untuk merosakkan minda generasi muda dengan satu persepsi khayalan supaya generasi muda ini akan menjadi anti kerajaan.

Rakyat telah membuat keputusan dan sudah tiba masanya untuk kita semua bekerjasama untuk membawa Malaysia ke satu tangga yang lebih tinggi. Mungkin ada golongan yang tidak setuju dengan hala tuju dan dasar kerajaan dan mereka telah menyokong pembangkang. Ini perkara biasa dalam sistem demokrasi. Kita tidak boleh menghebohkan mereka ini sebagai anti kerajaan tetapi kita sepatutnya mengambil mesej yang mereka berikan kepada kita sebagai satu petanda untuk bekerjasama dengan golongan-golongan ini memastikan Kerajaan Barisan Nasional adalah satu kerajaan yang munasabah dan praktikal bagi setiap golongan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah agenda utama bagi setiap keluarga di Malaysia juga di seluruh dunia. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana telah mengambil satu inisiatif baru dalam melakukan transformasi komprehensif ke sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025.

■1500

Walaupun kita telah mencapai banyak kejayaan dalam agenda pendidikan negara, tetapi juga terdapat banyak ruang untuk peningkatan taraf. Kepentingan dan keutamaan pelaksanaan akses yang sama kepada semua sekolah tidak kira jenis mestilah dilaksanakan dengan serta-merta sama ada sesuatu sekolah itu di bandar, di luar bandar, kampung ataupun di kawasan Orang Asli, kualiti penyampaian pendidikan mestilah sama.

Terdapat lebih kurang 523 buah sekolah Tamil di seluruh Malaysia. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana telah memberi bajet tambahan sebanyak RM100 juta sejak tahun 2011 bagi meningkatkan taraf infrastruktur sekolah-sekolah Tamil. Untuk sekolah Tamil bersama taraf dengan sekolah-sekolah kebangsaan lain

dalam masa lima tahun yang akan datang, satu pelan induk yang lebih komprehensif sepatutnya dilaksanakan. Jika kita hanya mengharapkan kepada bajet tambahan ini, ia akan makan masa 12 atau 15 tahun untuk semua sekolah ini dinaiki taraf infrastruktur.

Saya berharap Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil berat tentang taraf infrastruktur sekolah-sekolah Tamil dan mempunyai satu *implementation time line*, dengan izin, untuk memastikan akses sekolah-sekolah ini bertaraf sama dengan sekolah-sekolah lain dalam jangka masa lima tahun yang akan datang. Tahun lalu saya telah mencadangkan bahawa kerajaan meningkatkan bajet tambahan ke RM250 juta untuk lima tahun akan datang supaya satu program penaikan infrastruktur *fast track*, dengan izin, dapat dilaksanakan. Saya minta Menteri Pendidikan memberi penjelasan apakah pelan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk sekolah-sekolah Tamil bagi lima tahun yang akan datang.

Saya juga meminta keterangan daripada Menteri Pendidikan, berapa banyakkah sekolah-sekolah Tamil yang belum ada pra sekolah dan apakah *target* Menteri Pelajaran bagi pelaksanaan pra sekolah ini? Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana pada bulan Februari ini, Perdana Menteri telah mengisytiharkan bahawa Sekolah Tamil Bantuan Modal boleh menukar statusnya ke sekolah bantuan penuh jika diingini oleh PIBG dan Perlembagaan Sekolah.

Selain itu, seperti perbincangan saya di bulan Disember tahun lalu, terdapat banyak sekolah Tamil di tanah-tanah syarikat GLC. Saya merayu kepada Perdana Menteri untuk mengarahkan GLC-GLC ini menyelesaikan masalah tanah sekolah-sekolah Tamil dan menukar status sekolah ini yang terletak di tanah GLC ke sekolah bantuan penuh dengan serta-merta. Ini sudah tentu akan diterima dengan besar hati oleh masyarakat kaum India.

Setiap keluarga Malaysia sangat mengutamakan pendidikan dan mengambil pendidikan sebagai passport untuk masa depan yang lebih cerah. Kalau dahulu sampai universiti sudah bagus tetapi sekarang kita mahu anak kita dapat *master* atau PhD dalam bidang perubatan kita hendak mereka jadi seorang *specialist*, dengan izin. Kemasukan kaum India ke universiti awam telah merosot kebelakangan 20 tahun ini.

Untuk seorang pelajar kaum India, hanya terdapat dua cara untuk mendapat kemasukan ke IPTA iaitu melalui STPM atau matrikulasi. STPM tidak diminati, bukan sahaja oleh golongan orang India tetapi juga oleh semua kaum sebab ia mengambil masa dua tahun dan dianggap sebagai peperiksaan yang begitu mencabar.

Setelah beberapa perbincangan dengan Perdana Menteri untuk meningkatkan kemasukan pelajar India ke IPTA, masyarakat India berasa begitu bertuah sekali apabila Perdana Menteri telah mengumumkan peningkatan tempat matrikulasi untuk kaum India ke 1,500 tempat pada Mac tahun 2012. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pengambilan matrikulasi tahun lalu tidak mencapai angka ini. Ini mungkin disebabkan singkat masanya untuk membuat tawaran dan pengambilan selepas pengumuman Perdana Menteri. Apa yang diragui oleh kaum India ialah kenapa angka ini tidak dapat dicapai sekali lagi tahun ini? Adakah Kementerian Pendidikan Malaysia memberi fokus yang berpatutan untuk memastikan tempat-tempat yang telah dijanjikan dipenuhi oleh pelajar India? Adakah pelajar India tidak berkebolehan menyebabkan Kementerian Pendidikan Malaysia tidak dapat memenuhi tempat ini?

Saya minta keterangan daripada Menteri Pendidikan, berapa banyakkah pelajar India yang telah berdaftar untuk matrikulasi tahun ini dan pecahan mengikut lokasi kolej. Zaman teknologi yang begitu tinggi dan lengkap adalah susah untuk rakyat menerima bahawa banyak yang ditawarkan tidak mengambil tempat dan tidak ada masa untuk memenuhi tempat ini kerana kursus sudah bermula. Saya mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia menubuhkan satu jawatankuasa yang fokus untuk mengkaji kelemahan sistem tawaran yg sedia ada yang mengakibatkan tempat tidak dipenuhi. Jawatankuasa ini mestilah terdiri daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga wakil-wakil yang berkaliber daripada masyarakat India.

Kemasukan anak muda kaum India dan Cina ke universiti bagi tahun ini makin merosot. Lebih kurang 1,800 remaja India daripada 41,573 ditawarkan tempat di IPTA. Ini adalah lebih kurang 4 peratus daripada mereka yang ditawarkan ke IPTA dan bilangan ini sungguh mengecewakan. Terdapat banyak keluarga India berpendapatan kurang daripada RM3,000. Pendapatan ini hanya cukup untuk perbelanjaan keluarga dan tidak ada kelebihan untuk perbelanjaan pengajian tinggi bagi anak mereka. Harapan untuk pertukaran hidup

untuk keluarga-keluarga ini bergantung kepada anak mereka dan mereka sangat berharap bahawa anak mereka dapat pengajian tinggi di IPTA.

Saya mencadangkan kepada kerajaan seperti perbincangan saya banyak kali tahun lalu di Dewan mulia ini bahawa sistem kuota untuk kemasukan ke IPTA dikembalikan. Saya mencadangkan kepada kerajaan menyediakan kuota sebanyak 4,000 tempat di IPTA untuk pelajar India setiap tahun. Saya juga merayu kepada Menteri Pendidikan membuka syarat kemasukan ke IPTA kepada peperiksaan STPM, matrikulasi dan juga *A level*. Apa salahnya? Membuka kelayakan *A level* apabila pelajar-pelajar asing boleh memasuki IPTA dengan kelayakan *A level*, adakah pelajar-pelajar asing lebih istimewa daripada warganegara Malaysia? Pencapaian 4A ataupun lebih dikenali sebagai *4-flat* dalam STPM atau matrikulasi adalah satu kejayaan yang begitu berprestasi tinggi bagi setiap murid.

Golongan yang mendapat kejayaan ini adalah golongan yang begitu istimewa. Mereka lebih dikenali dengan izin, *the best of the best*. Hanya 442 orang pelajar daripada 51,673 orang yang menduduki STPM yang dapat 4A. Ini bererti daripada 500,000 yang memasuki darjah satu 13 tahun dahulu hanya lebih kurang 0.08 peratus yang akan mencapai *perfect score*, dengan izin. Inilah bakat negara kita dengan izin, *the talent of the country*. Apa gunanya baru-baru ini...

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Mohon mencelah Yang Berhormat. Sedikit sahaja.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih. Saya terangsang untuk bertanya dan sedikit memberi input tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengembalikan semula sistem kuota mengikut kaum.

■1510

Ini bermakna, sistem meritokrasi yang diamalkan sekarang ini untuk pelajar-pelajar memasuki IPTA tidak adil kepada kaum-kaum yang tidak berada pada apa yang dikatakan padang yang sama rata dari segi menikmati kemudahan-kemudahan infrastruktur pendidikan. Pelajar luar bandar misalnya, hendak bersaing dengan pelajar bandar.

Saya setuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat tadi supaya kerajaan mengkaji semula sistem meritokrasi yang diamalkan sekarang ini. Ia akan menjurus kepada hanya mereka-mereka yang pandai dan menikmati kemudahan yang canggih di bandar. Pada akhirnya, kaum-kaum yang minoriti ataupun yang majoriti tetapi tidak setimpal dari segi kemudahan akan terpinggir. Terima kasih Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Yang Berhormat. Memang dalam perbincangan saya, saya sokong dengan kembali sistem kuota. Terima kasih di atas sokongan Yang Berhormat.

Apa gunanya baru-baru ini Talent Corp menyatakan mereka telah berjaya membawa balik warga negara Malaysia yang berbakat tinggi dengan perbelanjaan RM60 juta. Bukankah ini satu langkah yang sudah terlalu lambat. Kita sepatutnya harus mengkaji kenapa orang yang berbakat tinggi telah keluar dari negara kita. Adakah dasar-dasar negara untuk mereka yang berbakat tinggi, *attractive*, dengan izin.

Saya berasa begitu terkejut dan sedih apabila membaca di akhbar bahawa budak-budak *top gun* ini, dengan izin, tidak diberi tawaran universiti yang diminati oleh mereka. Bukankah kita satu kerajaan yang mahu mencapai matlamat Malaysia menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi.

Bagaimana kita hendak mencapai matlamat ini jika dasar kita tidak memberi *encouragement*, dengan izin, untuk mereka yang berbakat. Saya setuju dengan Perdana Menteri supaya Kementerian Pelajaran meneliti balik proses penaruhan kursus kepada mereka yang berbakat tinggi. Supaya polisi kerajaan adalah satu polisi yang berdasarkan

memberi segala *encouragement*, dengan izin, dan bantuan yang lengkap kepada mereka yang berbakat tinggi.

Pihak Kementerian Pelajaran mesti faham pencapaian seorang murid untuk mendapat 4A atau *4-flat* adalah satu perjalanan sengit yang memakan masa selama 13 tahun. Ini bukan sahaja kerja kuat dan kebolehan murid tetapi juga pengorbanan ibu bapa dan guru-guru. Jangan kita keluarkan dasar yang memutuskan harapan dan inspirasi rakyat muda berbakat tinggi. Saya minta Perdana Menteri memberi perhatian yang cukup kepada mereka yang berbakat ini. Jika tidak ada tempat di universiti tempatan (IPTA), beri biasiswa untuk bidang yang mereka minat di universiti swasta atau luar negeri.

Pertumbuhan ekonomi negara kita yang konsisten selama ini telah dapat membangkitkan banyak pemimpin-pemimpin korporat yang sekarang mempunyai syarikat-syarikat yang disenaraikan untuk berjuta-juta ringgit di Bursa Malaysia. Syarikat korporat begitu agresif, sentiasa mencari keuntungan besar tidak kira bagaimana keuntungan ini dicapai. Masanya telah pun tiba untuk pemimpin korporat untuk mengambil tanggungjawab yang lebih serius. Jangan sahaja pentingkan keuntungan tetapi juga melihat kebajikan dan kesejahteraan orang yang terlibat dalam transaksi syarikat-syarikat ini mencari keuntungan.

Saya ingin membangkitkan satu isu mengenai perkara ini iaitu tentang penderitaan kepada pemegang-pemegang saham Maika. Syarikat Maika telah ditubuhkan daripada pertengahan tahun 80-an. Terdapat lebih kurang 66,000 ribu pemegang saham untuk syarikat ini. Kebanyakan pemegang saham ini adalah daripada golongan orang India yang miskin. Mereka diberitahu bahawa pelaburan dalam syarikat Maika adalah satu untuk masa depan yang lebih cerah.

Kebanyakan orang India ini telah memberi semua wang simpanan dan ada yang telah memajak barang-barang kemas mereka untuk melabur dalam Maika. Malangnya, pengurusan Maika yang telah berjanji dividen yang bagus tidak dapat menunaikan janji mereka. Sebaliknya, Maika telah menjadi satu kegagalan besar, penuh dengan kenangan pahit mengakibatkan pelabur-pelaburnya berasa ditipu dan marah terhadap pengurusan Maika.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana telah mengambil kira penderitaan pelabur-pelabur Maika ini yang tidak melihat apa-apa wang untuk 25 tahun. Pada bulan Mei 2010, syarikat G-Team bersama-sama dengan pengurusan Maika membuat pengumuman untuk membeli balik semua saham dengan harga 80 sen. Bererti setiap pemegang saham akan mendapat balik wang asal yang telah dilaburnya. Jumlah transaksi ini adalah lebih kurang RM103 juta.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masih panjang lagi?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Bagi 10 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa 10 minit? Saya bagi lima minit. Sudah 23 minit Yang Berhormat. Lima minit lagi Yang Berhormat, gulung ya.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Okey, okey. Jumlah transaksi ini adalah lebih kurang RM103 juta. Walaupun niatnya bagus tetapi kalau diambil kira mendapat wang balik selepas 25 tahun ini memang satu pelaburan yang begitu menyedihkan. G-Team telah membuat pengisytiharan bahawa dia ada satu SPV, dengan izin, hanya untuk membeli balik saham Maika. Kemudiannya akan mencari pelabur baru untuk aset-aset Maika iaitu sebuah tanah yang dikenali sebagai Tumbok Estate dan syarikat insurans *Oriental Capital*. G-Team dan pengurusan Maika juga berkata jika ada apa-apa keuntungan dari transaksi ini, keuntungan ini akan disalurkan balik ke komuniti India melalui derma.

Pada bulan April tahun lalu, syarikat Tune telah mengisytiharkan bahawa syarikat itu akan membeli *Oriental Capital* dari G-Team untuk RM153 juta. Dalam jangka masa kurang daripada setahun iaitu pada awal tahun ini, *Oriental Capital* ataupun *Tune Insurance* telah disenaraikan di Bursa Malaysia dengan harga pasaran RM1.2 bilion.

Bukankah ini satu peristiwa yang begitu sedih untuk masyarakat kaum India? Satu aset yang dipegang untuk begitu lama tidak berhasil. Akan tetapi bila ditukar tangan dalam tempoh dua tahun boleh bernilai lebih daripada RM1 bilion. Masyarakat India miskin telah hilang satu peluang emas untuk meningkatkan ekuiti mereka akibat pengurusan yang tidak bertanggungjawab.

Saya minta Perdana Menteri menyiasat transaksi ini. Berapakah keuntungan G-Team dan pengurusan Maika selepas penjualan *Oriental Capital* dan Tumbok Estate. Ini adalah satu transaksi yang melibatkan orang ramai. Akaun transaksi ini mesti diaudit dan diberitahu kepada orang ramai.

Saya juga cadangkan wakil SPRM meneliti transaksi ini. Apakah yang telah terjadi kepada keuntungan transaksi ini? Kalau belum lagi didermakan, saya minta Perdana Menteri mengarahkan G-Team dan pengurusan Maika membuat satu dividen khas dan memberikan wang keuntungan ini balik kepada pelabur-pelabur yang sudah tentu akan begitu bergembira dengan tindakan ini. Saya tidak mahu melihat rakyat Malaysia menjadi mangsa kepada pengurusan yang tidak bertanggungjawab.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendapat berita dalam akhbar bahawa terdapat banyak kecurian rumah termasuk rumah Menteri dan juga rompakkan semasa orang sedang berjalan dan semasa membawa kereta yang melibatkan pembunuhan. Saya begitu kluatir dengan hal keselamatan orang ramai untuk menjalankan aktiviti harian seperti berjalan kaki waktu pagi atau petang, meletak kereta di luar rumah semasa mengunjungi kawan, membeli-belah dan sebagainya.

Baru-baru ini sebelum PRU Ke-13 saya terkejut dan berasa sedih apabila ada rompakkan yang melibatkan pembunuhan di kawasan kejiranan rumah saya di Bukit Gasing, Petaling Jaya. Saya meminta Kementerian Dalam Negeri memberi keterangan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menjamin keselamatan orang ramai. Ini adalah salah satu isu yang hangat, selalu dibincangkan di kedai kopi ataupun apabila kita bertemu dengan kawan-kawan atau keluarga. Kerajaan mesti mengambil berat tentang perkara ini.

Saya bukan seorang pakar dalam bidang ini, tetapi sudah tentu ada cara yang telah dikendalikan oleh negara lain untuk membendung perkara ini. Saya bercadang Kementerian Dalam Negeri mencontohi sistem keselamatan dengan izin, *Zero Tolerance* yang telah dilaksanakan dengan sempurna oleh pihak polis New York. Dengan ini, saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas kerjasama Yang Berhormat. Terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin, 20 minit Yang Berhormat.

3.21 ptg.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu Pembukaan Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas pada 24 Jun yang lalu. Saya bersyukur kerana diberikan peluang untuk turut serta dalam perbahasan Titah Ucapan ini. Ringkasnya saya berasa teruja dengan Titah Diraja yang penuh dengan saranan dan gagasan yang terbaik cukup bersepadu, praktikal dan menyeluruh menyentuh dan merentasi kepentingan segenap lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada rakyat Malaysia khususnya para pengundi PRU Ke-13 kerana telah memilih Barisan Nasional sekali lagi untuk menerajui Kerajaan Malaysia. Maka dengan rasa besar hati dan penuh harapan, izinkan saya menyuarakan sedikit pandangan berkongsi cadangan agar diberikan pertimbangan dan keutamaan dalam setiap keputusan dan perancangan jangka pendek dan panjang untuk perhatian pemimpin negara. Bagi tidak membuang masa, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya rasakan perlu untuk dibahaskan dan diketengahkan pada sesi perbahasan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat pada masa sekarang, majoriti rakyat yang bekerja terbeban dengan pelbagai macam hutang bagi meneruskan kelangsungan hidup terutamanya kepada mereka yang tinggal di bandar. Ia terbukti apabila hutang isi rumah meningkat dari RM465.2 bilion pada tahun 2008 kepada RM754.6 bilion pada pertengahan tahun 2013. Menurut data Bank Negara, 64 peratus daripada jumlah hutang isi rumah terdiri daripada pinjaman rumah dan kereta sahaja.

Ini adalah satu fenomena yang membimbangkan kita semua. Bagi mengawal masalah hutang ini, pada 5 Julai yang lepas Bank Negara telah menguatkuasakan peraturan

baru yang menghadkan pinjaman peribadi setakat sepuluh tahun, dahulu sehingga 25 tahun. Pinjaman hartanah dan rumah 35 tahun, dahulu sehingga 45 tahun dan tidak lagi membenarkan pinjaman pra-kelayakan. Mengikut statistik, hutang isi rumah kita adalah 140 peratus berbanding dengan pendapatan yang diperoleh Singapura 105 peratus, Amerika 123 peratus, Korea 101 peratus, Thailand 53 peratus dan Indonesia sebanyak 38 peratus.

Ini bermakna kita menjadi juara dalam membuat hutang. Persoalannya di sini, kenapa isi rumah di Malaysia mempunyai statistik hutang yang membimbangkan seperti ini. Jawapannya mudah, kos sara hidup meninggi dan harga rumah yang semakin mahal. Persoalannya, mengapa harga rumah terlalu mahal sehingga boleh membuat kita berhutang sampai ketua. Bila rakyat bertanya pada hari ini, jawapan pemaju mudah sahaja, kos barang pembinaan seperti simen, pasir, batu bata dan seribu satu macam perkara lain lagi naik harga. Bagi ahli ekonomi, mereka menjawab kerana permintaan melebihi penawaran. Jawapan dari pihak kerajaan pula, negara kita mengalami pasaran bebas ataupun *free market*, dengan izin. Atas konsep inilah kita tidak boleh menekan dalam mengawal harga rumah bagi menjaga pasaran hartanah kita daripada terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kenapa kerajaan tidak boleh mengawal harga rumah? Mengapakah susah sangat untuk kerajaan menetapkan harga rumah mampu milik kepada rakyat iaitu rumah yang boleh dibeli oleh golongan yang berpendapatan sederhana yang harganya di dalam lingkungan RM100,000 ke RM200,000 sahaja. Adakah kerajaan ingin menunggu sehingga satu masa di mana harga sebuah rumah teres berharga RM1 juta. Laporan Sinar Harian pada 9 Julai 2013 menyatakan, "*Mengikut kajian yang dibuat oleh Pengarah Urusan WTW, Sr. Foo Gee Jen memberi tahu harga rumah teres di pinggir bandar bakal menjadi lebih kompetitif berikutan kenaikan harga rumah di pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Khabarnya untuk memiliki sebuah rumah teres pada tahun 2020, sekurang-kurangnya sesebuah isi rumah perlu mempunyai pendapatan sebanyak RM12,000 sebulan.*" Jika perkara ini benar, golongan yang semakin tersempit dan berhimpit adalah golongan yang berpendapatan sederhana dan pertengahan.

Ini kerana bagi golongan berpendapatan rendah, mereka dibela dengan disediakan rumah mampu milik kerajaan negeri ataupun PPRT.

Oleh itu, kita semua boleh bayangkan bagaimana seseorang yang baru bekerja boleh memiliki rumah jika harga rumah dua tingkat di Penampang, Kota Kinabalu Sabah bersaiz ukuran tanah 2,000 kaki persegi dan *buildup area*, dengan izin, 1,300 kaki persegi berharga RM650,000. Bayangkan pula kalau ada hutang kereta, anak kecil tiga orang, kad kereta, pakaian persekolahan, minyak kereta dan lain-lain maka apa lagi yang tinggal. Bagaimana mungkin mereka mampu untuk membeli rumah semahal ini jika pendapatan suami isteri hanya RM5,000 sebulan sahaja dengan bayaran yang ditetapkan dalam masa 35 tahun. Jika suami isteri berpendapatan RM5,000 pun tidak mampu, bagaimana bagi mereka berpendapatan lebih rendah dari itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat percaya Kerajaan Barisan Nasional mampu untuk mengambil langkah lebih adil bagi menyediakan perumahan kepada rakyat. Semoga selepas ini kita tidak lagi melihat rintihan dan tangisan yang pada dasarnya mampu untuk memiliki rumah tetapi pada realitinya tidak pada masa sekarang.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kewarganegaraan bagi penduduk Sabah, saya sebagai senator yang berasal dari Sabah sememangnya berdukacita dengan situasi ini, di mana masih ramai rakyat Sabah yang sememangnya asal dari Sabah, lahir di Sabah, tinggal di Sabah tidak memiliki dokumen pengenalan diri. Saya maklum bahawa sememangnya prosedur bagi permohonan dokumen pengenalan diri di Malaysia ini sememangnya ketat. Akan tetapi, mengapakah di dalam banyak kes di Sabah, mereka yang memiliki dokumen yang lengkap dan ada yang sanggup untuk membuat ujian DNA, permohonan mereka ini ditolak tanpa sebarang alasan? Bukan setahun dua mereka memohon, sudah 10 tahun mereka memohon bahkan ada yang sudah 25 tahun memohon tetapi masih lagi ditolak permohonannya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berapa banyak kah permohonan taraf kewarganegaraan di Sabah di bawah Perkara 15(a), Perlembagaan Persekutuan, yang masih belum diluluskan sehingga sekarang dan apakah antara sebab-sebab penolakan permohonan mereka? Apakah sukar sangat memberikan mereka ini dokumen pengenalan diri sedangkan pelarian Filipina pada

tahun 70-an hingga 80-an sekarang ini sudah pun memiliki dokumen pengenalan diri dan sudah membuka perniagaan di Sabah. Mengapa menganaktirikan rakyat sendiri?

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri mengambil inisiatif sendiri untuk membantu mereka yang bermasalah bagi mendapatkan dokumen pengenalan diri ini dengan berulang kali untuk meminta untuk bertemu dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang lepas bagi membincangkan permasalahan ini. Amat menyedihkan apabila saya tidak berjaya menemui beliau oleh kerana pelbagai alasan yang diberikan.

Saya pelik, kalau saya sendiri ialah seorang Ahli Dewan Negara sukar untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri, apatah lagi rakyat biasa. Oleh itu, saya berharap kali ini saya berjaya untuk bertemu dengan Menteri Dalam Negeri yang baru, sekali gus dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat Sabah selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai sistem pengangkutan awam dan infrastruktur di Sabah terutamanya jalan hubungan ke bandar Kota Kinabalu. Pengangkutan awam di Sabah terutamanya di bandar Kota Kinabalu masih jauh ketinggalan sekiranya ingin dibandingkan di bandar-bandar yang ada di Semenanjung. Ini adalah hakikat dan sememangnya masalah ini telah lama ditanggung oleh penduduk Sabah. Sememangnya jumlah populasi yang masih belum mencukupi menjadi alasan mengapa sistem pengangkutan awam di Sabah masih lagi tidak mencapai tahap yang lebih baik.

Akan tetapi, ada kah kerajaan sedar dalam masa sepuluh tahun akan datang, sekiranya tiada perancangan bermula dari sekarang dalam usaha menambah baik sistem pengangkutan bandar sedia ada, malapetaka akan menimpa rakyat Sabah. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan adakah kerajaan membuat perancangan yang lebih spesifik untuk jangka masa panjang bagi mewujudkan sistem pengangkutan awam yang lebih baik untuk Sabah terutamanya di bandar Kota Kinabalu?

Ini kerana mengikut jangkaan jumlah kenderaan keluar masuk di Sabah akan meningkat sebanyak 80,000 buah setiap hari dengan jumlah populasi dijangka meningkat dari 650,000 orang kepada 800,000 orang menjangkau tahun 2023. Jika kerajaan masih gagal untuk merancang penyelesaian kepada permasalahan pengangkutan awam di Sabah, Tuan Yang di-Pertua dapat bayangkan kah apa yang bakal terjadi di bandar Kota Kinabalu 10 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu TPPA. Sebagaimana yang semua sedia maklum, isu TPPA ini telah menjadi isu hangat di Malaysia pada ketika ini. Bukan sahaja hangat, hebat di bahas dan diperdebatkan malahan turut menarik minat semua golongan masyarakat untuk mengetahui secara mendalam apakah sebenarnya TPPA ini yang akan memberikan kesan jangka masa panjang kepada kedaulatan negara dan ekonomi secara umumnya.

Saya tidak ingin bercakap panjang mengenai perkara ini kerana ianya telah banyak diketengahkan oleh semua pihak yang terdiri daripada parti politik sama ada dari Barisan Nasional mahupun pembangkang, NGO, pakar ekonomi dan tidak lupa juga mantan Perdana Menteri kita, Tun Mahathir Mohamad. Saya perhatikan bahawa kebanyakan perkara yang dipersoalkan dan dibahaskan dalam isu TPPA ini berpusing kepada ketelusan kerajaan dalam mendedahkan perkara-perkara yang terkandung di dalam perjanjian ini.

Pada pendapat saya, adalah menjadi hak rakyat Malaysia untuk mengetahui butiran yang dibincangkan serta dipersetujui oleh kerajaan. Hal ini penting untuk memastikan proses semak dan imbang serta perbincangan dan konstruktif berlaku demi kepentingan rakyat. Sehubungan dengan itu, sebagai rakyat Malaysia yang sedia maklum, saya meminta kerajaan Malaysia untuk menggantung rundingan perjanjian perdagangan bebas antara Kesatuan Eropah dengan Malaysia dan Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik. Semua rundingan haruslah diberhentikan sehingga Kerajaan Malaysia menjelaskan kepada rakyat Malaysia rancangan untuk mempromosi dan menjaga kepentingan umum melalui perjanjian ini.

Hal ini kerana kedua-dua perjanjian tersebut memberikan syarikat asing lebih banyak hak-hak dengan membenarkan mereka untuk membawa kerajaan kita ke mahkamah dan di tribunal-tribunal perantaraan asing. Hal ini boleh berakhir jika kerajaan kita membayar jutaan ringgit sebagai denda. Sudah tentu hal ini akan memakan wang pembayar cukai,

memberikan syarikat farmaseutikal monopoli yang lebih lama bagi kawalan ubat-ubatan. Hal ini akan membawa kepada peningkatan harga ubat-ubatan dan oleh yang demikian jutaan orang tidak akan mempunyai asas kepada ubat-ubatan pada harga yang murah atau berpatutan.

Mengekang kebebasan *internet* dengan meminta pembekal perkhidmatan *internet* untuk mengawasi dan mengawal aktiviti-aktiviti *online* kita. Meminggirkan kumpulan masyarakat sivil daripada perundingan walaupun lebih 600 wakil syarikat Amerika Syarikat mempunyai asas kepada *taxes* TPPA, malah mereka juga menasihati perunding-perunding TPPA Amerika Syarikat. Kerajaan Malaysia harus menghentikan semua perundingan yang sedang berlangsung sekarang sekiranya semua isu-isu yang dikemukakan di atas tidak diambil kira.

Selain itu, Kerajaan Malaysia juga harus melakukan perkara-perkara berikut, melakukan analisa kos faedah yang komprehensif tentang kesan-kesan yang mungkin berlaku akibat TPPA ini. Kos faedah ini haruslah disebarikan kepada masyarakat umum. Sebuah referendum haruslah dijalankan untuk menentukan sama ada rundingan ini terus berlangsung atau tidak.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, kebebasan bersuara di siber bukanlah bererti kita mempunyai hak untuk mencipta kekecohan, mencaci sesuka hati, berbohong yang bukan-bukan. Mereka bercerita palsu, menyuntik rasa kebencian yang merosakkan keadaan aman negara, sekali gus mengundang berbagai-bagai ancaman. Hak kebebasan bersuara dan penulisan di laman siber mesti ada batas dan hadnya. Janganlah dibiarkan seperti api yang merebak dan hilang kawalan. Akhirnya akan membawa padah kepada kita semua.

Saya rasa sedih melihat keadaan ini. Saya ingin bertanya, adakah masih kurang pemantauan dari pihak berkuasa sehinggakan mereka ini semakin menjadi-jadi terutamanya sejak dua tahun kebelakangan ini? Saya sangat bersetuju sekiranya tindakan tegas diambil bagi mereka yang cuba untuk memecahbelahkan kesatuan rakyat yang berbilang kaum di Malaysia ini. Saya sendiri berbangsa Cina merasa malu dengan tindakan yang dibuat oleh Alvin dan Vivian yang tidak menghormati sensitiviti agama ketika mana orang Islam sedang berpuasa di bulan Ramadhan. Saya juga harap agar pindaan terhadap beberapa akta dan seksyen sedia ada berhubung undang-undang siber dipercepatkan agar keharmonian negara terpelihara pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyuruh agar semua pihak menghormati keputusan majoriti kerusi Parlimen PRU-13 baru-baru ini. Bagi saya, pilihan raya pada kali ini adalah berlandaskan lunas-lunas perlembagaan dan dilaksanakan secara penuh tanggungjawab. Titah Baginda juga mahukan Ahli Dewan dan seluruh rakyat bersama-sama melangkah berganding bahu bagi memacu negara melangkah terus ke hadapan untuk mencapai matlamat negara maju, berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 turut saya sokong sepenuhnya.

Telah tiba masanya kita semua bekerja untuk rakyat setelah berhempas pulas berkempen pada pilihan raya yang lepas. Lupakan sementara politik yang berlebihan dan sekarang adalah masa kita yang paling sesuai untuk kita memberikan segala idea dan input-input penting dalam usaha menjadikan negara kita sebuah negara yang berpendapatan tinggi, sejajar dengan misi kita menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, penghujung ucapan ini saya mengimbau semua Titah Ucapan Diraja yang mengingatkan kita semua Ahli Parlimen supaya tidak mengambil tindakan yang boleh menjurus kepada kemusnahan negara kerana membawa implikasi yang besar terhadap masa depan negara kita. Oleh yang demikian, saya mengajak Ahli-ahli Dewan sekalian agar bersama-sama mempertahankan Perlembagaan Persekutuan serta berusaha mengekalkan keamanan dan keharmonian negara, sekali gus menjadi contoh kepada negara lain. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. seterusnya Yang Berhormat Dr. Arifin Omar. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, izinkan saya menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Ke-13.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan sentuh beberapa perkara sahaja. Satu perkara yang saya hendak sentuh yang penting ialah soal rasuah. Rasuah ini bukan sahaja melibatkan Kerajaan Barisan Nasional mungkin juga kerajaan pembangkang. Saya tidak menyebelahi mana-mana pihak. Saya menyambut baik Titah Tuanku dengan jelas memberi penekanan terhadap usaha kerajaan untuk membanteras gejala rasuah di Malaysia. Walaupun kami sokong dan juga setuju dengan kewujudan institusi undang-undang, dasar serta mekanisme untuk mencegah rasuah di negara ini, kita mendapati bahawa gejala rasuah masih meningkat sehingga Malaysia dianggap sebagai salah satu daripada beberapa negara di dunia yang paling korup walaupun ini dinafikan oleh kerajaan.

Walaupun terdapat Ikrar Integriti Korporat yang kononnya bertujuan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas daripada rasuah, rasuah masih berleluasa. Jika kerajaan tidak mempunyai kemampuan untuk bertindak secara serius terhadap rasuah, maka masalah ini akan berterusan sehingga ekonomi negara ini terancam. Baik, tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan, bukan sahaja Kerajaan Pusat tetapi kerajaan negeri. Tidak kisah dikuasai oleh Barisan Nasional ataupun oleh pembangkang.

Tindakan yang boleh diambil untuk membanteras rasuah ialah untuk mempraktikkan ketelusan dalam pemerintahan. Memperkenalkan sistem tender, tender terbuka dan juga semua Menteri-Menteri haruslah mengisytiharkan harta mereka kepada umum. Di samping itu, SPRM haruslah diberi kebebasan penuh untuk bertindak terhadap sesiapa pun yang terlibat dalam rasuah.

Tidak kiralah kedudukan mereka dalam masyarakat. Bermakna, kalau Ketua Menteri mana-mana negeri terlibat dalam rasuah, haruslah dia dihadapkan ke mahkamah.

Prestasi SPRM haruslah dipertingkatkan dan Jawatankuasa Khas Parlimen untuk memantau SPRM haruslah diberi kuasa yang lebih luas untuk melaksanakan tugasnya. Setakat ini, apa yang didapati hanya retorik. Retorik sahaja untuk membanteras gejala rasuah manakala tindakan-tindakan yang berkesan mengambil masa yang terlalu lama dan kadang kala sering tidak dilakukan. Baik, Tuan Yang di-Pertua, Duli Tuanku juga telah menyentuh sedikit tentang komitmen Kerajaan Pusat untuk memajukan sistem pengangkutan awam.

Akan tetapi walaupun kerajaan telah menyarankan usaha untuk memajukan sistem pengangkutan awam, masih terdapat banyak masalah dan juga keselesaan rakyat masih tidak terjamin. Kita mendapati bahawa di bandar-bandar besar, kesesakan lalu lintas telah menjadi perkara biasa. Sebenarnya, di mana-mana bandar besar kita pergi di negeri Malaysia, inilah masalah yang kita hadapi dan ini telah menyebabkan kerugian ekonomi serta masa yang dapat digunakan untuk kepentingan negara.

Misalnya, di Pulau Pinang. Projek *Light Monorail Transit* untuk negeri Pulau Pinang yang dicadangkan sejak tahun 2007 masih tertangguh. Apa sebabnya projek ini tidak dilaksanakan masih tidak diketahui. Di samping itu permintaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meluaskan landasan kapal terbang di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas sepanjang 400 meter masih tidak dapat sebarang jawapan daripada Kerajaan Pusat, apa sebabnya? Infrastruktur pengangkutan lama di Pulau Pinang harus diperbaharui kerana masalah kesesakan lalu lintas telah sampai ke tahap yang kritikal. Jika Kerajaan Pusat tidak mampu atau tidak berminat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas, maka bukankah elok serahkan kuasa kepada kerajaan negeri untuk bertindak mengatasi masalah lalu lintas.

Eloklah Kerajaan Pusat menimbang cadangan serah kuasa kepada kerajaan negeri masing-masing untuk bertindak terhadap masalah pengangkutan awam dalam negeri masing-masing. Mungkin ini satu cara yang dapat digunakan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

Baik, tentang soal keselamatan negara. Dalam perkara keselamatan negara, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah merakamkan ucapan takziah kepada keluarga anggota pasukan keselamatan yang terkorban dalam tugas mereka untuk mempertahankan negara dari penceroboh dari luar di Lahad Datu dan juga di Semporna di Sabah.

Namun demikian kita harus bertanyalah apa sebabnya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Marin Polis, Tentera Laut Diraja Malaysia tidak dapat bekerjasama untuk melindungi negeri Sabah daripada penceroboh dari luar. Jika terdapat sebarang kelemahan dalam usaha mengawal sempadan negara kita, kerajaan mestilah bertindak untuk mengatasi sebarang kelemahan yang didapati supaya pencerobohan seperti ini tidak berulang sekali lagi.

Walaupun kerajaan telah menubuhkan Kawasan Keselamatan Khas Timur Sabah – ESSCOM, serta Zon Selamat Sabah Timur - ESSZONE. Kami berharap ESSCOM dan juga ESSZONE dapat menjamin keselamatan negeri Sabah. Lebih eloklah jika pendatang tanpa izin khususnya kelompok-kelompok subversif dapat diberkas dengan cepat sebelum mereka bertindak untuk mengancam keselamatan negara.

Kerajaan juga harus mendedahkan nama individu-individu yang dituduh terlibat dalam insiden Lahad Datu. Setakat ini satu nama pun tidak dikemukakan. Apa yang amat penting kerajaan mesti juga kawal sempadan Sabah dengan elok dan jangan izinkan orang luar atau orang asing keluar masuk seolah-olah Sabah merupakan satu kawasan yang bebas dari kawalan Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh satu perkara yang amat penting bagi saya. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menegaskan beberapa perkara yang harus diberi perhatian. Antara beberapa perkara yang disentuh dalam Titah Seri Paduka Baginda ialah betapa pentingnya bagi kerajaan menunaikan janji-janji kepada rakyat serta memikul amanah rakyat yang inginkan kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan serta perpaduan masyarakat pelbagai kaum.

Titah ini haruslah kita sokong sepenuhnya. Namun demikian kita harus sedar bahawa negara ini sedang menghadapi suatu ancaman yang mungkin tidak disedari oleh kerajaan ataupun mungkin dipandang ringan. Setakat ini jumlah pekerja asing yang sah dan tidak sah iaitu PATI di negara kita dianggarkan hampir empat juta ataupun lima juta. Bilangan tepatnya saya tidak tahu kerana saya tidak dapat statistik yang tepat.

Bilangan yang begitu ramai sudah pastilah mempunyai kesan serius terhadap masa depan negara ini. Pertama kita harus bertanyalah setiap tahun berbilion-bilion ringgit mengalir keluar daripada negara ini. Ini kerana wang ringgit yang dibayar kepada mereka sebagai gaji dihantar balik ke negara asal mereka dan negara sedang menghadapi kerugian yang amat besar. Bolehkah kerajaan dapat menjelaskan berapa bilion wang ringgit yang dihantar keluar oleh pekerja-pekerja asing ini setiap tahun? Apakah kesan ekonomi jangka masa panjang terhadap negara Malaysia jika keadaan ini berterusan? Apa yang penting apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

Kemudian, kehadiran pekerja-pekerja asing ini telah menyebabkan begitu ramai warga Malaysia tidak dapat kerja dalam negara. Alasan yang diberi warga Malaysia cerewet, pilih kerja, tetapi alasan ini tidak boleh diguna pakai kerana pemodal-pemodal, pengusaha-pengusaha ingin cari pekerja-pekerja di mana mereka boleh membayar gaji yang paling rendah. Oleh sebab itu, terpaksa rakyat Malaysia melibatkan diri di dalam ekonomi kedai runcit dan perniagaan kecil untuk hidup. Akan tetapi dalam sektor ini pun mereka menghadapi ancaman daripada orang asing khususnya pendatang tanpa izin yang telah melibatkan diri dalam sektor ekonomi ini. Sudah jelaslah bahawa di beberapa kawasan di Kuala Lumpur perniagaan kecil khususnya perniagaan kedai runcit diambil alih oleh orang asing sehingga peluang perniagaan bagi warga kita sendiri sudah hilang.

Apakah tindakan yang diambil untuk menentukan bahawa kepentingan ekonomi warga Malaysia khususnya orang Melayu yang terlibat dalam sektor ini tidak diancam oleh pekerja-pekerja asing. Perkara ini janganlah dipandang ringan kerana mempunyai kesan serius dalam bidang-bidang yang lain. Oleh kerana terdapatnya begitu ramai orang asing dan juga pendatang asing tanpa izin (PATI), maka soal keselamatan warga negara kita pun tidak boleh dijamin. Sekarang sudah ada geng-geng yang terdiri daripada orang asing yang terlibat dalam kes-kes jenayah sehingga polis sendiri kadangkala takut bertindak terhadap mereka. Oleh sebab itu perasaan anti pekerja asing telah merebak di kalangan warga Malaysia dan sekarang ada juga kes-kes di mana kelompok-kelompok '*vigilante*' bertindak terhadap orang asing ini.

Kehadiran begitu ramai pekerja asing merupakan suatu beban terhadap ekonomi negara Malaysia. Misalnya, apakah kos perubahan orang asing yang ditanggung oleh negara kita? Kemudahan kesihatan tidak cukup bagi warga Malaysia apa lagi jika negara terpaksa

menanggung kos kesihatan serta kemudahan kesihatan pekerja asing ini. Apakah kos yang ditanggung oleh negara kita setiap tahun untuk pekerja asing? Adakah kepentingan rakyat kita diketepikan? Sekarang pekerja-pekerja asing datang dengan keluarga mereka maka kos yang ditanggung oleh negara bertambah. Misalnya kos pendidikan anak pekerja-pekerja asing ini. Adakah kos pendidikan anak-anak pekerja asing ini ditanggung oleh kita? Bolehkah saya dapat sedikit keterangan tentang perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati. Sudah pastilah lima juta pekerja asing di negara ini akan mempunyai kesan politik yang negatif pada suatu hari nanti. Kita harus sedar bahawa negara ini ialah negara majmuk tetapi orang Melayu, orang Cina dan India serta masyarakat Sabah dan Sarawak merupakan warga yang setia dan junjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Walaupun terdapat perselisihan politik antara warga kita di Malaysia, kontrak sosial yang dipersetujui oleh semua merupakan suatu halangan kepada sesuatu yang tidak diinginkan. Akan tetapi setelah pekerja-pekerja asing ini sudah begitu lama bermastautin di Malaysia sudah pastilah mereka tidak ingin kembali ke negara mereka. Sudah pastilah mereka akan menuntut hak politik serta hak sosial dan ekonomi. Apakah kesan terhadap kedudukan politik, sosial serta ekonomi negara ini jika tindakan ini diambil oleh orang asing ini?

Jika mereka menuntut hak yang sama seperti warga Malaysia apakah tindakan yang dapat diambil untuk menjaga kepentingan rakyat kita? Mereka ini yang datang dari Myanmar, Nepal, Bangladesh, Afrika entah mana negara lagi. Mereka tidak faham latar belakang ataupun asal usul politik negara ini. Jika tiba masa mereka tidak mahu pulang ke negara asal mereka sudah pastilah kita akan menghadapi masalah besar.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri saya ingin menyampaikan suatu nasihat. Janganlah tunggu sehingga wujudnya *United Bangladesh National Organization* atau *Malaysian-Myanmar Association* atau lain-lain pertubuhan politik yang berdiri menuntut hak sama seperti warga kita sebelum kita bertindak untuk mengatasi jumlah lima juta orang asing di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih atas ucapan Yang Berhormat sebentar tadi dan saya persilakan Dato' Muhammad Olian.

■1600

4.00 ptg.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan dan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja di dalam Dewan yang mulia ini. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Pertama-tamanya saya bersyukur ke hadrat Illahi kerana berkesempatan sama-sama hadir di dalam Dewan yang mulia ini dan juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional kerana sekali lagi telah berjaya mengemudi bahtera Barisan Nasional untuk kembali berkuasa di negara ini walaupun berbagai-bagai cubaan dan halangan yang telah dilalui, namun beliau berjaya untuk mengemudi bahtera yang penuh dengan gelora itu... *[Tepuk]* Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berjaya sekali lagi membentuk kerajaan. Di dalam hal ini tidak lupa juga ingin menyebut bahawa masyarakat orang Asli masih terus menjadi penyokong tegar kepada Kerajaan Barisan Nasional... *[Tepuk]*

Di dalam soal ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyebut perkara yang pertama adalah juga berkait rapat kebimbangan yang disuarakan oleh sahabat saya tadi iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin iaitu berhubung dengan kebanjiran pendatang asing yang begitu ramai di dalam negara kita ini. Jadi persoalan yang saya ingin bertanya kepada kerajaan bilakah kali terakhir kerajaan membuat bancian penduduk di negara ini.

Jadi saya kira sudah sampai masa dan ketikanya pihak kerajaan perlu melaksanakan satu bancian penduduk untuk kita betul-betul mengenal pasti siapakah sebenarnya yang benar-benar menjadi penduduk di negara ini. Ini kerana kalau kita melihat pembangunan yang berlaku di Kuala Lumpur ini begitu pesat membangun, bangunan kondominium tinggi-tinggi dan kita tidak pasti apa yang ada di dalam kondominium itu di atas

sana itu. Kemungkinan ada kilang syabu kah, kilang dadah dan pelbagai di atas itu pun kita tidak tahu.

Jadi oleh sebab itu pihak kerajaan perlu membuat bancian semula pastikan kadang-kadang pegawai-pegawai pembanci yang dilantik secara kontrak ini pun hendak masuk ke kawasan-kawasan kondominium yang dijaga begitu rapi itu pun sukar untuk hendak masuk. Jadi ini menjadi kebimbangan kepada kita, kita tidak tahu entah apa-apa yang berlaku di atas sana itu. Jadi oleh sebab itu perlu dibuat bancian untuk memastikan supaya kita benar-benar mengetahui berapa ramai bilangan yang sebenarnya penduduk negara ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin menyentuh berhubung dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya berkenaan dengan cadangan untuk mengadakan persempadanan semula semua kawasan-kawasan pilihan raya. Jadi bagi saya perkara pokok yang perlu dilihat, bagaimana kita ingin menentukan kawasan persempadanan ini adalah lebih merujuk kepada kawasan itu. Bukannya kita hanya melihat kepada bilangan penduduk umpamanya saya ingin menyebut kalau Parlimen Bukit Bintang misalannya.

Kalau kita hendak bandingkan dengan Parlimen Pekan yang diwakili oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri satu kawasan yang besar, jadi sudah pasti untuk mengurus Parlimen yang besar itu satu kesukaran kalau kita bandingkan dengan Parlimen di Bukit Bintang.

Bukit Bintang ini kawasan sudah maju, kawasan sudah mempunyai kemudahan, jadi tidak semestinya kita menentukan kawasan pilihan raya itu berdasarkan bilangan pengundi.

Yang lebih pentingnya adalah bagaimana kita hendak memberikan perkhidmatan kita kepada rakyat yang ada di kawasan-kawasan yang jauh di pedalaman yang selama inilah juga, rakyat inilah yang memberikan sokongan sehingga Kerajaan Barisan Nasional ini kembali berkuasa... [Tepuk] Jadi oleh sebab itu perlu kita lihat bahawa jangan kita terlampau ghairah untuk hendak memperbanyakkan kawasan-kawasan sempadan pilihan raya yang akhirnya nanti akan menyebabkan kita kerugian suatu hari nanti.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua saya ingin juga menyebut kalau kita dan tidak lama lagi kita akan menyambut Hari Raya dan sudah pasti kenderaan akan banyak di jalan raya. Jadi jalan raya di negara kita ini adalah satu kawasan yang sudah tidak selamat lagi kepada pemandu-pemandu kenderaan. Jadi oleh sebab itu pihak kerajaan mesti melihat, macam semalam yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Lim daripada Pahang. Saya amat menyokong supaya AES itu mesti dikuatkuasakan kerana ini akan mendisiplinkan pemandu dan akan mengurangkan kerenah-kerenah birokrasi yang boleh berlaku kecuaiian disebabkan oleh kelemahan manusia dari segi penguatkuasaan undang-undang di jalan raya.

Oleh sebab itu AES itu perlu dikuatkuasakan. Saya juga Tuan Yang di-Pertua ada mendapat rintihan daripada kalangan pemandu-pemandu lori terutama di lebuhraya yang mengatakan bahawa bila memandu lori waktu mengantuk hendak *parking* lori dekat tempat perhentian itu tidak cukup tempat. Hendak *parking* lori tepi *highway* itu memang tidak boleh, JPJ marah, polis marah. Jadi oleh sebab itu di dalam keadaan mengantuk sekalipun kena juga bawa lori.

Jadi ini sesuatu yang amat membahayakan pemandu-pemandu ataupun sesiapa sahaja yang ada di lebuhraya itu. Oleh sebab itu minta Kementerian Pengangkutan supaya melihat pengendali-pengendali lebuhraya ini supaya menyediakan kemudahan yang mencukupi untuk pemandu-pemandu lori ini berehat seketika ataupun tidur seketika. Apabila sudah selesai, sudah boleh memandu di dalam keadaan selesa baru dia boleh memandu kereta. Jadi dia tidak akan membahayakan orang lain.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sebagai biasa juga selaku wakil kepada Masyarakat Orang Asli di dalam Dewan ini kena sebut juga beberapa isu kalau tidak nanti takut Orang Asli tidak menyokong lagi kerajaan yang ada hari ini. Sebagaimana yang disebut oleh beberapa sahabat, saya juga ingin menyebut kembali bahawa memang benar di dalam pilihan raya yang lepas di mana sahaja kawasan yang ramai penduduk Orang Asli termasuk juga Parlimen saya di Bera, termasuk juga masyarakat Siam yang juga merupakan penyokong tegar kepada Barisan Nasional. Akan tetapi ketegaran ini saya kira ia tidak akan berkekalan kalau tidak ada perancangan-perancangan ataupun program-program tertentu untuk memastikan taraf ekonomi mereka di negara ini ditingkatkan.

Dalam hal ini juga saya ingin menyeru supaya Kementerian Dalam Negeri khususnya menyiasat berapa banyak NGO-NGO ataupun persatuan-persatuan yang kononnya berjuang untuk membela Masyarakat Orang Asli tetapi yang nyatanya di dalam pilihan raya yang baru ini dalam Pilihan Raya Ke-13, tidak ada satu pun NGO yang menyokong kerajaan. Jadi oleh sebab itu kerajaan kena siasat dari mana datangnya duit dia orang ini. Seinggakan ke hari ini apabila Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyebut untuk menyemak semula Akta 134, NGO-NGO ini telah bergerak ke seluruh perkampungan Orang Asli supaya jangan terima Akta 134 yang akan digubal, akan disemak balik oleh kerajaan ini.

Jadi saya ingin ini suatu yang perlu diambil tindakan oleh kerajaan, kena tengok NGO-NGO ini dia dapat duit daripada mana. Dalam pilihan raya yang lepas dia jelas tidak menyokong kerajaan terkontang-kanting saya bersama dengan lain-lain kawan untuk mempertahankan memberikan penerangan kepada Masyarakat Orang Asli supaya terus menyokong kerajaan. NGO-NGO ini tidak ada kerja lain mengadu domba orang Asli seinggakan hari ini.

■1610

Seinggakan hari ini dan selepas ini saya sudah pasti saya akan memang menjadi mangsa kepada dia orang ini tapi tidak apa, itu tidak menjadi persoalan kepada saya kerana perjuangan ini kita memerlukan satu keberanian.

Jadi oleh sebab itu saya minta kerajaan kena semak dari mana datangnya duit dia orang ini. Saya difahamkan ada di antara beberapa pemimpin-pemimpin NGO ini yang mempunyai akaun di atas nama individu tertentu yang mempunyai jutaan ringgit. Jadi ini kena semak betul-betul supaya ia tidak menjadi satu masalah nanti kepada masyarakat Orang Asli khususnya untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14.

Sekarang ini pun dia orang sudah mula di merata kampung Orang Asli sudah masuk mula mengadu-domba, menghasut Orang Asli jangan sokong kerajaan. Jadi ini sesuatu yang perlu kita ambil tindakan. Jadi saya ingat lainnya Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan perkara-perkara secara *detailnya* saya akan bersama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, perkara-perkara yang perlu dibangkitkan dan saya ingat untuk petang ini cukup saja setakat itu. Saya sudahi pengulangan ini dengan *wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat cakap banyak tadi, pendek saja nampaknya. Tidak apa bagus walaupun pendek tetapi agak kemas, begitu *solid*. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Jamilah binti Sulaiman.

4.12 ptg.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta berucap Menjunjung Kasih dan turut serta membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan terima kasih tidak terhingga di atas kesudian Baginda berangkat menyampaikan Titah Ucapan di Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Persidangan Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas pada 25 Jun 2013 yang lalu.

Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda menekankan agar Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara dengan terus memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan keadaan ekonomi terus utuh, perpaduan terus kukuh dan gandingan kerjasama yang sentiasa erat untuk membangun serta memajukan negara.

Pilihan Raya Umum Ke-13 sudah berlalu. Kini masanya bagi Ahli-ahli Yang Berhormat berusaha ke arah menyempurnakan amanah rakyat. Kita mahu memastikan matlamat negara maju berpendapatan tinggi dapat dicapai paling lewat pada penghujung penggal ini sebelum tempoh Parlimen berakhir untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14.

Saya berharap transformasi program-program di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) dan Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) dapat mendukung matlamat negara maju berpendapatan tinggi dengan mengambil kira keikutsertaan golongan kampung, perbukitan, pulau-pulau dan pinggiran bandar di Sabah yang belum terjangkau oleh kemudahan infrastruktur yang sempurna. Saya khawatir jika golongan ini terlepas pandang daripada tugas makro kerajaan maka matlamat negara maju berpendapatan tinggi tidak akan dapat dinikmati oleh keseluruhan rakyat Malaysia.

Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jemaah Menteri, kita meletakkan harapan dan keyakinan yang tinggi bahawa tiada seorang pun rakyat Malaysia akan tercicir daripada menikmati kehidupan yang selesa dalam negara maju berpendapatan tinggi seperti yang disasarkan dicapai sebelum tahun 2020.

Insiden Lahad Datu dan Semporna di Sabah. Syukur dan terima kasih diucapkan kepada kerajaan kerana telah mengambil berat menangani ancaman keselamatan kumpulan pengganas dari Selatan Filipina di Lahad Datu dan Semporna Sabah pada Mac tahun ini. Serangan pengganas dapat dipatahkan, kebajikan anggota-anggota pasukan keselamatan yang cedera dan gugur diberi perhatian.

Pemulihan perkampungan penduduk berkaitan dilakukan dan langkah mewujudkan keselamatan kekal melalui penubuhan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah ataupun ESSCOM dan Zon Selamat Sabah Timur ataupun ESSZONE dilaksanakan. Namun demikian, dalam usaha diplomasi kerajaan menangani insiden itu dan dalam keperitan kerajaan menangani dampak keganasan itu, suara-suara sumbang mempersoalkan kebijaksanaan kerajaan muncul juga.

Hakikatnya insiden pengganas tersebut telah menjadi trauma kepada penduduk Sabah khususnya di Kampung Tanduo. Sedangkan kami yang tinggal di Kota Kinabalu dalam jarak lebih 500 kilometer dari lokasi kejadian merasakan ancaman yang menggerunkan, inikan pula orang-orang kampung di lokasi kejadian. Maka dengan itu, amatlah kita mengharap agar fungsi penubuhan ESSCOM dan ESSZONE dapat diperkukuhkan sebagaimana matlamat asal penubuhannya, menjaga dan menjamin kejadian sama tidak berulang dan sewajarnya badan berkenaan tidak dibebani fungsi lain yang boleh mengurangkan fokus mereka menangani keselamatan.

Insiden Lahad Datu dan Semporna di Sabah itu juga turut menarik keprihatinan orang awam di negara ini. Kita amat bersyukur terhadap kepedulian yang telah mereka hulurkan. Kita juga mengetahui bahawa hasil sumbangan yang dikendalikan badan-badan tertentu telah berlimpah-ruah. Persoalannya, sejauh manakah hasil sumbangan orang ramai, golongan berada, golongan miskin dan termasuk murid-murid sekolah yang telah menunjukkan keikutsertaan mereka berkorban menghadapi peristiwa itu disalurkan kepada golongan sasaran.

Hakikatnya sumbangan yang dikumpulkan wajar diagih-agihkan kepada setiap keluarga mangsa peristiwa berdarah itu sehingga ke sen yang paling terakhir. Dalam perkara ini saya mencadangkan Kementerian Dalam Negeri perlu mewujudkan Tabung Amanah Wira Lahad Datu dan Semporna. Pihak-pihak yang mengendalikan kutipan sumbangan khususnya seperti Media Prima perlu menyalurkan hasil sumbangan kepada tabung amanah berkenaan.

Langkah ini perlu dilakukan agar sumbangan itu betul-betul menepati niat orang-orang yang menyumbang. Hasil sumbangan itu juga perlu diaudit oleh firma bertauliah. Insiden pengganas di Lahad Datu dan Semporna meskipun dapat ditangani secara berkesan oleh kerajaan, namun gambaran negatif menurut pandangan sebahagian pihak tetap muncul. Justeru saya ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri bilakah satu laporan lengkap kejadian akan dikemukakan untuk pengetahuan umum.

■1620

Dalang pencerobohan perlu didedahkan. Mekanisme kemasukan pengganas ke Wilayah Sabah, Malaysia perlu dihuraikan. Suruhanjaya Siasatan Diraja, dengan pendengaran Suruhanjaya Siasatan Diraja ataupun RCI yang sedang berlangsung di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, rakyat Sabah pada umumnya amat berterima kasih dengan keberanian Kerajaan Persekutuan, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menubuhkan suruhanjaya ini. Bagaimanapun, rakyat tertanya-tanya, apakah jalan penyelesaian terhadap bukti-bukti yang dikumpulkan oleh suruhanjaya ini. Pelbagai

pengakuan saksi yang dipanggil telah membuktikan bahawa memang benar ada berlaku penyelewengan dengan pengeluaran kad pengenalan. Dalang di sebalik penyelewengan ini perlu didedahkan, kerakyatan Malaysia di Sabah perlu dibersihkan, kerakyatan yang diperolehi tanpa mengikut prosedur perlu dirombak.

Isu penempatan pendatang tanpa izin ataupun warganegara asing. Seterusnya, saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini kepada isu penempatan warga asing yang menempatkan ramai pendatang asing tanpa izin ataupun PATI di beberapa kawasan yang dapat dikenal pasti di negara ini. Isu penempatan warga asing ini boleh kita kaitkan juga dengan kejadian pencerobohan pengganas di Lahad Datu dan Semporna, Sabah di mana anasir-anasir pengganas ini telah menggunakan perkampungan air seperti di Kampung Simunul, Semporna untuk melancarkan gerakan mereka. Dianggarkan hampir 70 peratus PATI yang majoritinya daripada Filipina mendiami kawasan perkampungan air ini semenjak selepas merdeka lagi. Sekarang ini dengan kehadiran PATI yang dianggarkan seramai 1.3 juta orang menurut statistik Ogos 2011 memperlihatkan banyak penempatan haram yang telah menjadi tempat tinggal bagi PATI.

Sebagai contoh, di sekitar daerah Wilayah Persekutuan dan Selangor sahaja telah didapati banyak kawasan penempatan PATI ini. Seperti di Kampung Pandan, Selayang, Ampang, Kampung Baru dan juga Kampung Datuk Keramat. Selain daripada itu, di beberapa kawasan tertentu di bandar raya Kuala Lumpur telah terdapat lokasi PATI dan tempat orang asing berkumpul. Hingga mereka berupaya mewujudkan pusat komuniti dan medan perniagaan mereka. Masyarakat PATI ini dengan sewenang-wenangnya mengiklankan premis perniagaan mereka dengan menggunakan bahasa ibunda mereka seperti bahasa Myanmar, Nepal dan Bangladesh. Paling menonjol adalah di sekitar kawasan Jalan Petaling dan Kompleks Kota Raya yang dibanjiri oleh ramai orang Myanmar, Nepal dan juga Bangladesh.

Suasana ini amat ketara sekali pada waktu cuti hujung minggu dan cuti umum sehingga amat sukar untuk mengenali rakyat Malaysia sendiri di kawasan tersebut. Isu utama yang saya ingin bangkitkan ialah apabila penempatan haram PATI ini dan warga asing ini semakin berkembang. Sekiranya tidak dipantau dan dikawal dengan baik, lama-kelamaan PATI yang tinggal di kawasan-kawasan ini akan bertambah ramai hasil daripada proses perkahwinan dan kehadiran ahli keluarga dan rakan dari negara mereka. Apabila perkara ini berlaku, sudah tentu pada suatu masa kelak PATI ini akan menuntut kerakyatan mereka daripada kerajaan seperti mana yang telah terjadi kepada etnik Rohingya di Myanmar. Kita lihat kehadiran rakyat Myanmar yang ramai telah menyebabkan konflik agama dan kaum yang berlaku di Myanmar dibawa pula ke Malaysia. Sehingga terjadinya kejadian pergaduhan dan pembunuhan antara kaum Rohingya dengan rakyat Myanmar beragama Buddha.

Di Sabah pula, isu PATI pula sudah menjadi semakin meruncing sehingga terpaksa ditubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja. Paling jelas ialah perkampungan air yang terdapat di perairan Pantai Timur Sabah telah menjadi sarang pengganas dan pusat penyeludupan PATI serta pelbagai lagi jenayah rentas sempadan. Saya berpendapat bahawa kerajaan perlu mengambil tindakan yang lebih drastik bagi mengatasi masalah PATI ini yang saya lihat akan menjadi masalah nombor satu negara pada suatu hari kelak. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu lagi Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat keseluruhan masalah PATI di Malaysia. Saya juga mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu *task force*, dengan izin, yang khusus untuk bertindak terhadap PATI dan mengatasi segala masalah yang berkaitan dengannya. Malah ada baiknya juga jikalau strategi lautan biru atau *National Blue Ocean Strategy*, dengan izin, dipanjangkan bagi mengatasi masalah PATI.

Kawasan penempatan PATI yang ada sekarang hendaklah dihapuskan bagi mengelak bersarangnya kehadiran PATI. Antara langkah yang dilihat berkesan ialah mengadakan penempatan baru yang lebih terkawal bagi penduduk perkampungan air dengan merobohkan perkampungan air yang ada sekarang. Cara ini boleh diibaratkan sama seperti yang telah dilakukan oleh pemerintahan British semasa menentang pengganas komunis di Malaya dahulu iaitu dengan memperkenalkan konsep *Briggs' Plan*, dengan izin, di mana kampung baru didirikan bagi menempatkan semula penduduk kampung. Terutamanya masyarakat Cina supaya dapat diasingkan dan tidak mudah didekati pengganas komunis untuk menerima bantuan dan menyebarkan dakwah kefahaman komunis mereka. Isu kawalan kemasukan dan keluar dana dari dalam dan luar negara. Satu lagi isu

yang ingin saya bangkitkan di sini ialah berhubung dengan kawalan kemasukan dan keluar dana dari dalam dan luar negara, khususnya kemasukan secara sulit untuk menyalurkan dana bagi kempen politik.

Trend kemasukan dana yang tidak terkawal ini dilihat merupakan satu ancaman kepada keselamatan negara. Ini kerana dana yang dihulurkan kononnya atas nama kebebasan demokrasi telah disalahgunakan untuk melancarkan gerakan menentang kerajaan. Seperti mana yang berlaku di Mesir, Tunisia, Libya, Syria yang telah menyaksikan kebangkitan rakyat menumbangkan kerajaan negara berkenaan. Sekarang, gejala ini kita lihat telah berlaku di negara kita Malaysia dengan memperalatkan pertubuhan bukan kerajaan yang dikesan dilakukan secara agresif sejak lima tahun yang lalu.

Selain daripada itu, usaha untuk menyalurkan dana keluar negara juga dapat dikesan apabila pihak berkuasa dapat mengesan kegiatan penyaluran keluar dana untuk disampaikan kepada beberapa kumpulan pemberontak dan penganas di luar negara. Ini dapat dilihat dalam kes pengaliran keluar wang melalui sempadan Sabah yang disyaki bertujuan membantu kumpulan penganas yang menceroboh Lahad Datu dan Semporna.

Tidak kurang juga pengaliran keluar wang yang dilakukan oleh pekerja asing yang dianggarkan pada kadar melebihi RM20 bilion setiap tahun. Justeru itu, saya mencadangkan supaya sistem pemantauan pengaliran masuk dan keluar dana dari dalam dan luar negeri dilakukan dengan lebih efektif lagi.

■1630

Selain daripada itu, Akta Pengubahan Wang Haram hendaklah dikaji semula agar sesuai dengan cabaran dan keperluan semasa supaya dana yang disalurkan untuk mengancam keselamatan negara dapat dibanteras.

Isu keselamatan pekerja. Baru-baru ini negara dikejutkan dengan kejadian jambatan runtuh pada Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang. Dalam kejadian tersebut, seorang pengguna jalan raya terbunuh dan beberapa orang lagi cedera termasuk pekerja projek jambatan tersebut. Jambatan Kedua Pulau Pinang yang bernilai RM4.3 bilion dan sepanjang 24 kilometer telah runtuh akibat kelemahan pada tanjak yang sedang dalam pembinaan. Pada 18 Julai 2013, berlaku lagi satu kemalangan akibat kerosakan lif di PPR Desa Tun Razak yang menyebabkan seorang kanak-kanak 11 tahun terkorban. Kedua-dua kejadian sedang dalam penyiasatan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Isu keselamatan di tempat bekerja telah lama diberi perhatian oleh kerajaan dengan wujudnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967.

Justeru itu, kerajaan berazam menetapkan sasaran untuk mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja kepada tiga kes bagi setiap 1,000 orang pekerja pada tahun 2015 berbanding dengan 3.31 kes bagi setiap 1,000 orang pekerja pada tahun lepas. Apa pun, jumlah kemalangan pekerja di tempat kerja dan kemalangan dari rumah ke tempat kerja telah meningkat sebanyak 2.67 peratus dari 59,897 kes pada tahun 2011 kepada 61,552 kes pada tahun lepas. Kemalangan di tempat kerja bukan sahaja membawa implikasi dan imej yang buruk kepada organisasi tetapi juga kepada negara yang menanggung kos yang besar untuk merawat kemalangan.

Selain kos rawatan, sektor perindustrian akan kehilangan tenaga pekerja jika berlaku kemalangan di samping perlu membayar pampasan kepada waris pekerja dan kemungkinan berhadapan tindakan saman. Dengan proses kerja yang semakin canggih dan berteknologi tinggi, perhatian khusus perlu diberi oleh majikan terhadap kebajikan pekerjanya supaya tidak terdedah kepada risiko dan bahaya di tempat kerja. Oleh itu, program latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga kerja dalam aspek teknikal mahupun berkenaan keselamatan dan kesihatan pekerja amatlah perlu bagi mengelak kejadian kemalangan dan pendedahan kepada penyakit pekerjaan.

Bagi kerajaan pula, fokus Bajet 2013 adalah untuk merangsang aktiviti pelaburan di Malaysia yang dijangka meningkat kepada RM148.4 bilion pada tahun ini. Justeru, komitmen untuk meyakinkan pelabur adalah penting dengan langkah untuk mengurangkan kemalangan dan penyakit di tempat kerja. Sebagai menyahut kepada keperluan ini dan sasaran yang diletakkan oleh kerajaan, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian perkara berikut:

- (i) apakah langkah dan tindakan yang telah diambil bagi mengelak berlakunya kejadian lif rosak di rumah-rumah kediaman

- khususnya di perumahan rakyat PPR dan kompleks-kompleks perniagaan;
- (ii) sejauh manakah komitmen dan tindakan diambil bagi memastikan semua jabatan kerajaan mengadakan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di jabatan masing-masing dan bagi yang mempunyai proses kerja yang berisiko tinggi, mempunyai pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini adalah kerana banyak jabatan kerajaan tidak mematuhi arahan dan akta yang telah dikeluarkan;
 - (iii) mengapa penekanan budaya keselamatan dan kesihatan pekerja tidak diberi perhatian yang serius oleh pihak sekolah, institusi pendidikan dan juga di hospital. Langkah yang diambil hanya sekadar menjalankan *fire drill* sahaja; dan
 - (iv) apakah langkah dan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi memastikan program dan latihan pelan kontingensi keselamatan, *emergency response plan*, dengan izin, diadakan di setiap bangunan dan tempat tumpuan orang ramai seperti di kompleks perniagaan, stesen bas dan kereta api, lapangan terbang, hospital, sekolah dan institusi pendidikan.

Isu kesihatan. Seterusnya saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa isu kesihatan rakyat. Pertamanya ialah isu berhubung dengan tabiat menghisap e-rokok dan shisha di kalangan perokok khususnya para belia. Gesaan supaya dua jenis rokok ini diharamkan telah semakin kuat diluahkan oleh rakyat di media-media dan telah dibawa untuk perhatian kerajaan dan Majlis Fatwa Kebangsaan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Ada sikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi?

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Ada juga.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ringkaskan sikit.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Okey, terima kasih. Persatuan Pengguna Pulau Pinang dalam gesaannya telah memohon kerajaan supaya segera mengharamkan penjualan rokok elektronik atau e-rokok, dan shisha di negara ini berikut peningkatan penggunaan produk itu oleh para belia. Perkara ini harus dipandang serius kerana produk yang dikatakan pengganti rokok tembakau itu didapati digunakan begitu meluas termasuk oleh para pelajar dan wanita. Malah lebih mengejutkan lagi apabila kajian mendapati kira-kira 60 pelajar di sebuah sekolah di Pulau Pinang menghisap e-rokok.

Saya juga ingin memohon penjelasan tentang apa yang telah diutarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi. Penjelasan kerajaan tentang berapakah nilai yang saya difahamkan, nilai bil-bil hospital yang tidak dapat dipungut daripada pendatang asing ataupun warga asing ini ialah RM20 juta yang tertunggak sehingga 2011.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau yang sudah ada sebut itu, tidak payah sebut lagilah. Kalau ada Yang Berhormat tadi...

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Okey, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ambil *point* yang belum ada lagi.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Saya terus kepada isu kenaikan harga barang. Setiap kali sambutan perayaan, isu kenaikan harga barang hangat diperkatakan oleh rakyat terutama sekali bermulanya awal Ramadhan. Isu kenaikan harga barang sekali lagi melanda negara ini. Kenaikan ini menyebabkan perbelanjaan rakyat Malaysia semakin bertambah. Bagi golongan yang berpendapatan rendah dan pertengahan, kenaikan ini sudah pasti menimbulkan beban yang amat berat kepada mereka. Fenomena kitaran kenaikan harga barang lepas satu barangan kepada satu barangan yang lain menyebabkan golongan berpendapatan rendah dan pertengahan yang paling teruk terjejas sehinggakan mereka

merasakan tidak yakin dengan masa depan mereka dan bagaimana mereka mahu menyara kehidupan keluarga.

Jika ditanya apakah satu persamaan yang dihadapi oleh umat manusia sejagat pada masa kini, jawapannya ialah kenaikan harga barang makanan. Pada tahun 2007 hingga tahun 2008, menyaksikan kenaikan dramatik harga makanan yang mencetuskan ketidakstabilan politik dan ekonomi di seluruh dunia. Oleh itu tidak hairanlah pada setiap kali pilihan raya umum, maka isu ini amat popular dibahaskan.

Pertubuhan Pertanian dan Makanan Sedunia, agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyatakan bahawa 852 juta orang penduduk dunia hidup dalam kebuluran.

■1640

Manakala lebih 2 bilion penduduk dunia pula dalam keadaan kekurangan makanan kerana kemiskinan. Statistik menunjukkan penduduk negara membangun seperti Malaysia membelanjakan 30 peratus daripada pendapatan negara untuk makanan. Pelbagai pendapat dilontar mengenai sebab kenaikan harga makanan hari ini ialah antaranya kerana kenaikan harga minyak dunia. Ini memberi impak kepada keseluruhan rantai pengeluaran makanan dari ladang dan harga baja berasas nitrogen kepada pemprosesan hinggalah ke logistik.

Justeru itu, saya minta kerajaan membuat kajian kenapa perkara ini berlaku dan mencari kaedah bagaimana masalah ini boleh diatasi. Jika alasannya kerana permintaan melebihi pengeluaran maka kerajaan harus membuka dan menambahkan permit import barang-barang yang amat diperlukan. Saya merasakan bahawa ada pihak tertentu terlalu berkuasa hingga boleh menentukan harga barang mengikut sesuka hati mereka. Oleh itu, kerajaan mestilah mencari jalan terbaik bagaimana menghapuskan gejala ini. Pada pandangan saya kerajaan adalah lebih berkuasa di dalam perkara ini. Seperkara lagi yang membimbangkan saya ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba gulung Yang Berhormat.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya ialah apabila ada sahaja niat baik kerajaan memberikan bonus kepada kakitangan awam maka harga barang pun akan naik. Yang kasihannya bagi kumpulan bergaji rendah. Naiknya tidak seberapa tapi kadar kenaikan barangan melebihi nilai yang diberi. Namun yang paling merasakan keperitan kenaikan harga barang ini ialah golongan yang berpendapatan rendah yang bekerja sendiri seperti petani, nelayan, peniaga kecil dan pembawa teksis.

Justeru itu, saya menyeru kepada kerajaan menambahkan peruntukan di dalam bajet akan datang dan seterusnya bagi meningkatkan taraf hidup mereka kerana mereka inilah yang banyak memberi undi kepada Barisan Nasional pada PRU Ke-13

Di samping itu juga saya ingin membangkitkan Dasar Kabotaj yang telah beberapa kali dibincangkan di Parlimen. Rakyat Sabah dan Sarawak adalah golongan yang paling terjejas dan merasa perit berhubung dengan dasar ini di mana akibat dikenakan caj pengangkutan kapal yang keterlaluan, maka telah mendorong harga barang yang tinggi yang dijual di Sabah dan Sarawak dan jauh berbeza dengan harga barang di semenanjung Malaysia. Rakyat sangat berasa sengsara kerana selain dari kos tersebut, kos logistik darat, kos pelabuhan dan surcay yang dikenakan akibat kelewatan dalam proses operasi pelabuhan serta sikap orang tengah yang tamak dan sering mengambil kesempatan melonjakkan lagi harga barangan yang dipasarkan. Sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Justeru itu saya mencadangkan kepada kerajaan mencari jalan bagaimana kos-kos ini dapat dikurangkan dan menetapkan satu mekanisme yang terbaik bagaimana memantau dan mengawal harga barangan ini. Lanjutan dari itu saya juga memohon supaya kerajaan menambah lagi rangkaian Kedai Rakyat 1Malaysia, pasar tani, Klinik 1Malaysia dan kedai-kedai runcit TUKAR seperti mana yang termaktub dalam bidang keberhasilan utama negara perangai kos kehidupan.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada kawan-kawan yang seagama dengan saya dan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba. Maaf zahir dan batin.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Izinkan saya memberikan sedikit penjelasan di sini bahawa hari ini kita ada majlis berbuka puasa dan dijemput semua Ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini dan juga untuk makluman semua untuk menyenangkan saya memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat berucap tolong bagi kerjasama nama-nama dan bila hendak berucap. Itu untuk menyenangkan saya membuat satu tafsiran masa.

Lepas ini Datuk Haji Saat dan seterusnya Yang Berhormat Puan Roslin dan seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor. Kerana kita akan ada masa sehingga jam 6.30 kerana keadaan itu begini itu adalah budi bicara saya.

Kalau sekiranya Yang Berhormat boleh berucap dalam masa terlalu singkat nanti agaknya yang belakang itu mungkin tidak boleh bercakap lebih panjang. Oleh yang demikian, minta kerjasama sekiranya yang sudah bercakap tadi tapi kesuntukan masa dan kalau ada masa nanti saya akan bagi peluang untuk Yang Berhormat semua menambah ucapan di Dewan dalam membahaskan Titah Diraja ini.

Sekarang saya silakan Yang Berhormat Datuk Haji Saat. Silakan.

4.46 ptg.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum itu saya hendak maklumkan untuk makluman kita akan tamat hari ini pada jam 6.30 sebagaimana usul yang telah kita bentang tadi dan Yang Berhormat juga telah luluskan sebentar tadi. Okey, silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kerana saya diberi kesempatan berucap dalam membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Pertama Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas pada 25 Jun 2013 yang lalu. Rasanya belum terlambat untuk saya mengucapkan selamat melayari Ramadhan Al-Mubarak dan semoga hadirnya Ramadhan terus menjadi medan penyatuan rakyat, memupuk nilai mulia dan memperkukuhkan ikatan kasih-sayang tidak mengira bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada parti politik dalam demokrasi berparlimen yang terbuka yang boleh menggambarkan kejayaan seperti mana dicapai oleh Barisan Nasional kerana berjaya mempertahankan rekod kecemerlangan secara tidak putus dan sambung-menyambung setelah memenangi Pilihan Raya Umum Ke-13 baru-baru ini dan dalam demokrasi terbuka mustahil bagi kita mendapatkan sokongan 100 peratus tetapi kalau ada kesungguhan, keikhlasan dan berdiri atas kebenaran *insya-Allah* rakyat akan memberikan sokongan akhirnya.

Saya ucap syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan juga Pengerusi Barisan Nasional atas kemenangan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 yang lalu. Bila ada pihak yang ingin menjadi juara kepada suatu kaum menyebabkan kocakan terjadi. Memang ada suara ekstrem tetapi ia masih dalam pembendungan. Orang yang waras akal fikirannya membangkitkan konflik perkauman memang mudah tetapi membendung perasaan ini tidak mudah. Warga Malaysia harus insaf bahawa harga perpaduan adalah terlalu mahal untuk kita miliki dan kita pertahankan.

Sebagai sebuah masyarakat majmuk menjadi amanah untuk dijaga perpaduan ini dan jangan terjebak dengan permainan politik yang berkepentingan untuk merosakkan suasana ini. Kalau ada pun tokoh ini yang ingin menjadi Perdana Menteri lain kalilah. Pilihan Raya Umum Ke-14 masih ada. Kalau PAS merasakan DAP masih relevan dengan cita-cita negara Islamnya tunggu lima tahun lagi. Kalau DAP ingin meluaskan dominasinya ke Sabah dan Sarawak tunggulah bila sampai masanya.

Ia Tuan Yang di-Pertua, demokrasi di Malaysia harus dihormati bila MCA dan Gerakan tidak lagi mendapat sokongan daripada masyarakat Cina. MCA mengambil sikap tidak menyertai kerajaan bila PAS dan PKR mendapat banyak Kerusi atas bantuan DAP. Ia juga harus dilihat sebagai satu percaturan politik didukung timbal balik PAS, DAP, PKR tidak membayangkan fahaman dan ideologi perjuangan yang sama untuk dijadikan dasar negara apatah lagi berdepan dengan musuh bersama Barisan Nasional, UMNO dan lain-lain parti komponen. Ternyata secara demokratiknya UMNO memang banyak kerusi di samping dukungan Sabah dan Sarawak. Kalau takdirnya dalam tempoh lima tahun ini, PAS ingin bekerjasama dengan UMNO atas kepentingan umat Melayu dan umat Islam, *insya-Allah* kedudukan politik akan lebih stabil dan kuat. Kalau tidak, apa maksud politik untuk PAS bersama dengan DAP secara jangka panjang? UMNO dengan iklim politik yang ada akan menang lagi menjelang pilihan raya yang akan datang.

Kini, kita sama ada penyokong kerajaan ataupun pembangkang perlulah beriringan dan menyingsing lengan bersama memajukan negara bagi mencapai tahap negara maju pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan tidak bertanggungjawab seperti mempersendakan agama Islam ini semakin menjadi-jadi kebelakangan ini termasuk yang dilakukan oleh pasangan Alvin Tan dan Vivian Lee yang mempersendakan kesucian Ramadhan. Saya menggesa kerajaan supaya tidak lagi berlembut sebaliknya mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menghina kesucian agama Islam menerusi pelbagai cara. Saya yakin perbuatan mempersendakan agama Islam merupakan agenda terancang pihak-pihak tertentu yang mahu merosakkan kedamaian yang dinikmati masyarakat majmuk di negara ini sejak sekian lama. Kegagalan menghukum individu yang menghina agama Islam ini akan menyebabkan lebih banyak penghinaan dibuat selepas ini...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah?

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Ya, silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Apakah pandangan Yang Berhormat tentang NGO-NGO yang protes tentang *sentences* atas Alvivi? Ada beberapa NGO yang protes Alvivi.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Maksud Yang Berhormat tadi macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Buka *mike*, biar dengar sedikit.

Dato' Lim Nget Yoon: NGO-NGO protes atas hukuman kepada Alvivi.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Kalau begitu Yang Berhormat, kalau ada apa-apa tindakan yang dijatuhkan kepada Alvin dan Vivian Lee, maksudnya begitu? Pihak NGO menentang? Saya anggap pihak NGO itu adalah tidak bertamadun dan tidak sayang kepada keharmonian agama yang ada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin perbuatan mempersendakan agama Islam merupakan agenda terancang pihak tertentu yang mahu merosakkan kedamaian yang dinikmati masyarakat majmuk di negara sejak sekian lama. Kegagalan menghukum individu yang menghina agama Islam itu akan menyebabkan lebih banyak penghinaan yang dibuat sekali gus dikhuatiri mencetus kepada pergolakan antara kaum di dalam negara kita. Enakmen dan undang-undang sedia ada sudah cukup memberi pengajaran kepada individu dan penguatkuasaan perlu dilakukan secara tegas serta berterusan bermula dari sekarang. Kita tidak mahu perkara ini berlarutan kerana setiap agama mempunyai sensitiviti tertentu yang perlu kita hormati. Kita sudah ada enakmen dan undang-undang maka tuntutan itu perlu dilaksanakan dengan tegas dan berani.

Tuan Yang di-Pertua, agama Islam perlu dihormati semua pihak kerana ianya termaktub di dalam perlembagaan sebagai agama rasmi dan Agama Persekutuan yang turut memberi jaminan kepada kepentingan agama-agama lain dan toleransi antara rakyat pelbagai kaum di negara ini dituntut termasuk tidak mencampuri urusan dan menyentuh sensitiviti agama-agama lain menerusi pelbagai acara. Akidah Islam atau hal mengenai agama Islam tidak wajar disentuh melainkan hal-hal sosial dan hal-hal muamalat yang mana kita boleh bertukar-tukar pandangan. Apakah tindakan kerajaan setelah pasangan itu menghina agama Islam dengan memaparkan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada gambar mereka sedang menikmati '*bak kut teh*' atau sup tulang babi.

Saya melihat tindakan pasangan ini sebagai biadab dan mendesak kerajaan supaya mengenakan tindakan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada

tanpa melepaskan mereka dengan hanya permohonan maaf. Begitu juga dengan duta *Vatican City* di Malaysia, *Bishop* Joseph Marino yang memohon maaf selepas mengeluarkan kenyataan menyokong pendirian gereja Katolik di Malaysia berhubung isu kalimah Allah oleh penganut Kristian di negara ini.

Justeru itu, kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Peguam Negara kerana telah mendakwa Alvin dan Vivian mengikut seksyen 4(1) Akta Hasutan atau pertuduhan pilihan mengikut seksyen 298A, Kanun Keseksaan di bawah Akta Hasutan 1948. Mereka juga boleh disiasat serta didakwa menerusi undang-undang lain termasuk di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kegagalan kerajaan bertindak tegas akan mengakibatkan rakyat menganggap maruah agama Islam atau umat Islam boleh dipermainkan dan Perlembagaan Persekutuan tidak ada nilainya.

Malah imej dan maruah Malaysia sebagai negara Islam contoh serta disegani di dunia boleh tercemar sekiranya tidak ada penyelesaian konkrit dilakukan bagi menangani beberapa siri penghinaan melampau penganut agama lain terhadap kesucian agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan mencerooboh agama lain adalah perkara yang tidak baik dan boleh sampai ke peringkat mencetuskan rusuhan kaum. Jika dilihat di negara lain, banyak berlaku rusuhan disebabkan oleh agama namun *alhamdulillah* negara kita tidak berlaku rusuhan itu. Namun, apa yang kita nampak perbuatan ini adalah tidak bertanggungjawab dan menyakitkan hati orang lain yang mungkin orang lain akan balas lalu bermusuhan. Mereka ini adalah orang yang tidak ada akal, bodoh dan tidak boleh diajar.

Saya juga merasa terpenggil untuk menyanggah pihak yang mempolemikkan isu subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) untuk diajar di institut pengajian tinggi awam dan IPTS dan menganggap mereka sebagai anti perpaduan dan timbul deria sensitiviti kaum. Saya kesal dengan sikap sesetengah pihak yang cuba menjadi hero kelompok tertentu kerana gagal melihat keperluan subjek itu diwajibkan kepada pelajar universiti swasta bagi memperkasakan keharmonian kaum yang terdapat dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar Melayu tidak pernah bising apabila tamadun masyarakat Cina dan tamadun masyarakat India dan lain-lain tamadun yang berada di dalam negara ini turut diajar. Pelajar Melayu menerima dengan baik atas dasar menambah ilmu dan kepentingan memahami bangsa-bangsa lain. Apa yang dapat disimpulkan ialah tindakan-tindakan seumpama ini sengaja menguji kesabaran umat Islam dan melihat apa reaksi orang Islam terhadap tindakan mereka ini.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia serba maju hari ini menghina agama adalah tindakan yang tidak bertamadun. Agak malang bagi Malaysia kerana mempunyai mereka yang biadab dan tidak tahu menghormati agama lain, khususnya Islam yang menjadi agama rasmi negara ini yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Mereka sepatutnya mempunyai fikiran terbuka dan tahu sensitiviti orang Melayu terhadap agamanya. Individu yang hanya mementingkan kaum sendiri dan tidak tahu menghormati orang lain tidak sepatutnya diberi tempat di negara ini. Masyarakat Malaysia yang mengamalkan pelbagai agama perlu memiliki sikap toleransi dan tidak boleh sewenang-wenangnya menghina agama lain sesuka hati tanpa mengambil kira perasaan pengaut agama lain.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat inilah yang gagal difahami ramai pada hari ini, sehingga berlaku perbuatan jelik yang kian menjejaskan keharmonian kaum di negara ini dan kesamaran perundangan siber dan kelemahan penguatkuasaan memburukkan lagi keadaan yang ada. Ramai individu yang semakin berani menghina bukan sahaja sesama rakyat tetapi juga Ketua Negara. Kini kaum dan agama pula jadi sasaran kerana menyangka mereka tidak boleh dikenakan sebarang tindakan. Justeru, mereka perlu disedarkan akan kedaulatan undang-undang dengan pendakwaan tegas dan pengadilan yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Akta Hasutan yang saya sebutkan tadi ingin saya mengulas mengenai keputusan Kabinet untuk memansuhkan Ordinan Darurat (EO) 1969, dan Akta Hasutan 1948, dengan Akta Keharmonian Nasional yang kini dalam proses pengubalan bagi menggantikan akta berkenaan.

Pada 11 Julai tahun lalu, Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak mengumumkan Akta Hasutan 1948 yang antara lain bertujuan mencari mekanisme keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warga negara serta menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di negara ini.

Selain itu, kata Perdana Menteri turut dikuatkuasakan serta-merta ialah pindaan terhadap akta-akta sedia ada yang berkaitan termasuk Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak pemansuhan EO kadar jenayah berat yang berlaku dalam negara termasuk siri pembunuhan bersenjata, bersenjata api sejak kebelakangan ini dikatakan semakin tinggi dan berkemungkinan ada kaitan dengan pembebasan 2,600 tahanan EO dari Penjara Simpang Renggam. Keputusan tersebut adalah untuk melengkapkan fasa pertama Program Transformasi Politik (PTP).

Namun, saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini bahawa Akta Keharmonian Nasional yang mungkin menggantikan EO dan Akta Hasutan 1948 perlulah memberi penekanan dan batasan yang tidak dilanggar sesuka hati oleh rakyat, walaupun umum mungkin menganggap Akta Hasutan 1948 sebagai alat kerajaan untuk merencatkan tindakan dan pandangan yang tidak seialiran dengan kerajaan.

Sebagaimana negara-negara lain yang menjunjung prinsip kedaulatan rang undang-undang, *rule of law*, dengan izin, kebebasan bercakap dan bersuara bukanlah satu hak yang diberi secara mutlak, sebaliknya dibatasi dengan sekatan-sekatan yang sewajarnya. Begitu juga di Malaysia, kebebasan bersuara adalah tertakluk kepada sekatan-sekatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang dirasakan amat perlu apatah lagi dalam suasana kemajmukan masyarakat Malaysia yang unik dan rumit sifatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang merasakan Akta Keharmonian Nasional bagi menggantikan Akta Hasutan 1948 tidak menjejaskan kuasa-kuasa kerajaan menangani perbuatan mengganggu gugat perpaduan dan keharmonian masyarakat. Saya juga mengalu-alukan penegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mahu tiga prinsip utama dikekalkan iaitu bagi menangani perbuatan dan perlakuan yang mendatangkan kebencian, penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja-Raja Melayu.

Sementara prinsip ketiga yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah menangani perbuatan dan perlakuan yang mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf kedudukan, keistimewaan, kedaulatan, prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan Perkara 151, 153, dan 181 dalam Perlembagaan Persekutuan.

Saya juga menyambut baik usaha kerajaan akan berbincang dan meneliti pandangan mengenai keperluan adanya rang undang-undang baru yang menyamai Ordinan Darurat. Tuan Yang di-Pertua, selain akta ini saya ingin mengesyorkan bahawa beberapa seksyen peruntukan serta akta melibatkan undang-undang siber perlu dipinda kerana dilihat sudah lapuk dan tidak mampu untuk menangani cabaran serta ancaman siber yang lebih kompleks. Keperluan tersebut perlu difikirkan kerana saya melihat peningkatan jenayah siber semakin serius dan turut memberi kesan kepada perkembangan sosial kanak-kanak.

Pindaan ini bukan hanya menyentuh soal meningkatkan kadar denda atau hukuman, sebaliknya memastikan peruntukan undang-undang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, memandangkan kebanyakan akta berkenaan dibentangkan dan diluluskan sekitar tahun 1990-an. Undang-undang siber kita, contohnya Akta Jenayah Komputer 1997 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Keterangan, Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah perlu diperiksa kerana sudah tidak lagi mampu untuk berdepan dengan cabaran dan ancaman siber.

Selain daripada kekurangan jenayah, yang spesifik dan jenayah-jenayah lain, peruntukan keterangan dan penerimaan dalam Akta Keterangan 1950 perlu disesuaikan untuk menampung perkembangan teknologi yang sentiasa berubah. Dalam undang-undang berkaitan, kerjasama antarabangsa seperti Akta Ekstradisi 1992 dan Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 ia juga perlu dilaksanakan dengan cara yang saling membantu apabila berdepan dengan jenayah siber.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini perlu dilakukan bagi membolehkan peruntukan undang-undang berkaitan jenayah siber selari dengan Konvensyen Budapest. Kita tidak mahu melihat penjenayah hanya dipanggil memberi keterangan dan dilepaskan tanpa tindakan pendakwaan kerana kelemahan undang-undang sedia ada. Kita juga tidak

mahu menyaksikan mereka dijatuhkan hukuman ringan yang tidak setimpal dengan kelemahan peruntukan undang-undang perlakuan yang menunjukkan kelemahan pihak berkuasa hanya akan memperkasakan penjenayah.

Keadaan ini perlu ditangani sebelum ia merebak dan memamah ikatan kenegaraan kita. Malaysia tentunya tidak mahu melahirkan individu sakit yang mempersendakan lagu *Negaraku*, menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan agama Islam serta mengutuk orang Melayu.

Kewujudan mereka hanya menggugat dan mungkin memusnahkan keharmonian yang kita pupuk selama ini dan anasir ini perlu dilenyapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri perbincangan di Dewan yang mulia ini dengan mengingatkan isu perpaduan kaum di negara kita yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ke-13, pada Jun 2013 di Dewan yang mulia ini.

Isu perpaduan sepatutnya tidak timbul selepas menjangkau 56 tahun negara mencapai kemerdekaan. Pada masa yang sama, perpaduan juga merupakan satu *alignment* yang penting dalam menzahirkan cita-cita negara mencapai Wawasan 2020 Dalam hal ini pihak yang berkepentingan perlu memahami semangat perpaduan yang diterapkan dalam perlembagaan.

■1710

Isu perpaduan dalam negara ini timbul apabila terdapat puak-puak ekstrem yang mengungkit dan mempersoalkan apa yang terkandung di dalam Perlembagaan Negara. Apabila hak yang diiktiraf dalam perlembagaan dipersetujui, dipertikai, ia akan menimbulkan ketidakselesaan pihak majoriti terutama orang-orang Melayu. Persoalannya, kenapa kontrak sosial dan Fasal 152, dan 153 Perlembagaan Persekutuan dipertikai? Sedangkan itu adalah ramuan utama permuafakatan kaum di negara ini untuk mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Fasal 152 menyentuh mengenai kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan manakala 153 menyentuh perbezaan kuota, perkhidmatan, permit, biasiswa dan sebagainya di bawah tanggungjawab Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, memelihara kedudukan hak istimewa orang-orang Melayu, bumiputera dan Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan yang dicatatkan di dalam Perlembagaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, hak istimewa itu bukan lah bersifat menzalimi kaum-kaum lain tetapi ianya melindungi kepentingan kaum Melayu dan kaum-kaum bumiputera yang lain. Pemahaman konsep ini amat penting sedangkan Malaysia di tubuh atas prinsip sejarah maka penting kiranya parti politik baik komponen kerajaan ataupun pembangkang supaya tidak mempersoalkan serta tidak menghasut rakyat tentang apa yang diputuskan di dalam Perlembagaan Malaysia.

Semangat toleransi ini bukan saja penting tetapi diperlukan dalam mewujudkan perpaduan di dalam negara. Justeru kegagalan menyuburkan toleransi akan menghakis perpaduan dalam negara ini. Perkara menyentuh hak keistimewaan orang-orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak, Bahasa Kebangsaan dan agama Islam sebagai agama rasmi dan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan negara sepatutnya tidak dipolitikkan. Kita tidak perlu menjadi hero kaum kerana tindakan itu akan menjarakkan lagi hubungan antara kaum di negara ini. Tuntasnya dalam memapankan perpaduan pihak eksekutif dan legislatif serta kakitangan awam harus dan wajib bekerja sama dengan ikhlas tanpa prasangka. Gunakanlah segala undang-undang yang ada untuk menyekat dan mencegah mana-mana individu atau pihak yang cuba mengganggu gugat keharmonian kaum. Pemahaman yang penting menerusi isi perpaduan dan saling hormat-menghormati antara semua kaum di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita ada empat orang lagi yang ingin berucap. Maka kita akan tamat pada jam 6.30 petang ini dan sekali lagi saya minta yang tiga Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin PA Mohd Sultan dan Yang Berhormat Chiew Lian Keng ya, jangan balik, tentukan ada di Dewan ini sampai habis.

Di samping itu kalau sekiranya kadangkala itu ada juga yang bercakap pendek sahaja, sudah itu, saya mungkin buka kepada ahli-ahli yang tidak cukup masa tadi untuk bagi ruang sampai kita tamatkan majlis kita pada petang ini. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

5.14 ptg

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya turut serta berucap menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istiadat Pembukaan, Mesyuarat Pertama, Persidangan Penggal Pertama, Parlimen Ke-13, pada 25 Jun 2013 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tuanku dalam Titah Baginda ada menyebut berhubung dengan peranan sektor swasta dalam menjana pertumbuhan ekonomi. Sehubungan dengan itu saya ingin menyentuh langkah Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini yang telah memperkenalkan syarat tambahan bagi pinjaman peribadi, kediaman dan bukan kediaman dalam usaha mengelakkan hutang isi rumah berlebihan dan meningkatkan amalan pemberian pinjaman bertanggungjawab oleh pemberi pinjaman kredit utama.

Langkah ini membabitkan pinjaman oleh semua institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia serta koperasi kredit di bawah kawal selia Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan AEON Credit Service Malaysia Berhad. Syarat tambahan berkenaan ialah mengenakan tempoh maksimum sepuluh tahun bagi pembiayaan peribadi dan maksimum 35 tahun pembiayaan hartanah, kediaman dan bukan kediaman serta mengharamkan tawaran produk pembiayaan peribadi yang diluluskan lebih awal.

Langkah yang diambil oleh BNM adalah wajar kerana terdapat institusi kewangan yang memberi tempoh pembiayaan pinjaman perumahan sehingga 45 tahun dan pemberian peribadi sehingga 25 tahun. Walaupun bayaran balik rendah tetapi dari segi jangka panjang tidak memberi manfaat kepada peminjam. Malah meningkatkan beban keseluruhan isi rumah. Hutang isi rumah berbanding Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat purata 12 peratus semenjak lima tahun dan berada pada paras 82.9 peratus setakat akhir Mac 2013 yang lalu. Kadar pertumbuhan hutang 12 peratus ini telah meningkat tidak selaras dengan peningkatan pendapatan antara 4 peratus hingga 6 peratus setahun.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya kerajaan mengenakan syarat yang lebih ketat kepada skim peminjam peribadi dan kediaman ini. Pada ini telah ada syarat menetapkan kadar bayaran balik pinjaman terkumpul tidak melebihi 60 peratus daripada gaji bulanan. Akan tetapi hakikatnya ada di kalangan kakitangan kerajaan yang slip gajinya hampir kosong namun masih boleh memohon pinjaman. Keadaan ini bukan saja membebankan peminjam berkenaan tetapi boleh menyebabkan mereka terjebak dalam pinjaman tidak berlesen *Ah long* dan terlibat dengan salah guna kuasa dan juga rasuah.

Selain itu, terdapat pemberian pinjaman seperti Koperasi KOWAJA yang mengenakan pelbagai caj tambahan untuk mendapatkan pinjaman. Malah untuk mendapatkan penyata penyelesaian pinjaman pun perlu membayar sehingga RM60. Sehubungan dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bagi langkah mengurangkan kadar pinjaman dari 82.9 peratus ini. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Dalam Negeri dan Kepenggunaan dalam menggalakkan penubuhan koperasi di kalangan penjawat awam dan kakitangan swasta. Apakah insentif yang diberikan bagi membantu koperasi ini untuk terus beroperasi dengan lancar demi kepentingan adil.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda juga menyebut berhubung memartabatkan Islam. Sehubungan dengan itu saya ini ingin ucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah bertindak tegas dan segera bagi menangani tindakan menghina agama Islam dalam *facebook* khususnya pasangan Alvin Tan dan Vivian Lee yang mempersendakan bulan Ramadhan dengan memuat naik gambar yang menyentuh sensitiviti umat Islam dalam laman *facebook*. Saya ingin memuji tindakan segera dan serta-merta Suruhanjaya

Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dalam menangani isu seperti ini bagi mempertahankan kesucian Islam sebagai agama persekutuan.

■1720

Saya menyeru agar tindakan yang tegas diambil ke atas mana-mana individu yang cuba mencemarkan kesucian Islam sama ada melalui laman sosial dan sebagainya. Termasuk memberikan hukuman yang setimpal seperti penjara dan denda.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung langkah dan tindakan kerajaan, khususnya Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Bagi membendung jenayah siber, khususnya yang mencemarkan kemurnian Islam dan sensitiviti umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung dengan cadangan penggubalan Akta Keharmonian Nasional. Pada pandangan saya akta ini bukan sahaja perlu berasaskan Perlembagaan Persekutuan tetapi secara khusus perlu mempertahankan kedudukan Raja-Raja Melayu, bahasa kebangsaan dan bahasa lainnya. Islam sebagai agama rasmi Persekutuan manakala menjamin agama lain boleh diamalkan dengan bebas serta kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera, Sabah dan Sarawak selain kepentingan kaum lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong langkah kerajaan yang bakal memperkenalkan akta ini. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bahawa kerajaan akan memperkenalkan Akta Keharmonian Sosial bagi menggantikan Akta Hasutan yang telah dihapuskan. Langkah ini adalah penting bagi menangani perbuatan yang boleh mendatangkan kebencian dan penghinaan kepada institusi serta peruntukan perlembagaan seperti perbuatan dan perlakuan yang mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia kepada Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Raja. Menangani perbuatan dan perlakuan yang mengembangkan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau penduduk berlainan agama dan menangani perbuatan dan perlakuan mempersoalkan hak taraf kedudukan istimewa dan kedaulatan atau proaktif yang ditetapkan atau dilindungi. Itu bahagian dua Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 151, 153 dan 181, Perlembagaan Persekutuan, demi kepentingan negara dan bukan fahaman sempit kepartian.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan dari segi langkah kerajaan untuk mendapatkan pandangan rakyat mengenai rang undang-undang ini bagi memastikan ianya komprehensif dan menepati objektif dan prosedur.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda juga telah menyebut berhubung dengan kesihatan awam. Sehubungan dengan itu saya ingin membangkitkan tentang tahap kebersihan di premis-premis perniagaan. Hasil pemeriksaan Kementerian Kesihatan ke atas 804 premis makanan baru-baru ini mendapati 22 peratus diklasifikasikan tidak bersih dan 19.7 peratus dikenakan tindakan diarah tutup selama dua minggu. Sementara 19 buah premis diberikan notis mengarahkan mereka hadir di mahkamah mengikut seksyen 32(b), Akta Makanan kerana gagal mematuhi arahan peraturan-peraturan kebersihan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi langkah mengawal premis perniagaan bagi memastikan peniaga-peniaga ini mematuhi peraturan-peraturan kebersihan yang ditetapkan. Sejauh manakah langkah kerajaan mengaplikasikan premis perniagaan sebagai 'A', 'B' atau 'C' membantu dalam meningkatkan kebersihan premis perniagaan makanan di seluruh negara?

Sehubungan dengan kesihatan ini juga saya ingin menyentuh berhubung dengan penyakit berjangkit iaitu penyakit tibi yang menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Umpamanya, kes baru tibi telah meningkat daripada 10,873 pada tahun 1990 kepada 15,051 pada tahun 2000. Terbaru kes tibi ini telah meningkat kepada lebih 19,000 kes berbanding 16,000 kes tahun lalu. Peningkatan kes tibi adalah berpunca kerana pesakit gagal mendapatkan rawatan lebih awal menyebabkan kuman tibi merebak. Penyakit tibi khususnya, penyakit tibi dalam paru-paru masih boleh dirawat tanpa kesan sampingan. Kes tibi juga meningkat kerana disebarkan oleh pendatang asing. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan berhubung langkah kerajaan bagi membendung penyakit tibi ini dari terus merebak. Apakah langkah kerajaan bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai dari segi bahaya tibi serta langkah bagi mengatasi kes tibi yang disebarkan oleh warga asing?

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda juga menyebut tentang perlunya kemantapan institusi keluarga bagi kestabilan sosial. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan program 1Malaysia, utamakan keluarga bagi memperkukuhkan institusi keluarga.

Sehubungan dengan itu saya ingin membangkitkan tentang pengumuman kerajaan mengenai kadar baru kos pengambilan pembantu rumah Indonesia yang meningkat kepada RM8,000 daripada RM4,511 sebelum ini. Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing Malaysia (PAPA) menyatakan jumlah ini relevan dengan kos dan risiko yang ditanggung oleh pembantu rumah. Bagaimana pun Persatuan Majikan Amah Malaysia (MAMA) menyifatkan kenaikan kos itu tidak mengikut harga pasaran dan ia membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman wanita turut berkerjaya bagi meningkatkan prestasi diri dan membantu keluarga, tidak dapat dinafikan khidmat pembantu rumah amat diperlukan. Kesukaran untuk mendapat pembantu rumah tempatan menyebabkan kebanyakan wanita terpaksa mengharapkan pembantu rumah asing, khususnya dari Indonesia. Tinjauan umum mendapati kadar bayaran RM8,000 untuk mendapatkan khidmat pembantu rumah Indonesia adalah terlalu tinggi. MAMA hanya mencadangkan RM5,995 sahaja. Majikan juga terpaksa berhadapan dengan risiko pembantu rumah yang melarikan diri. Pengalaman rakan-rakan yang mengambil pembantu rumah dari Indonesia ini secara sendiri dan terus hanya memerlukan belanja lebih kurang RM3,000 sahaja. Malah pengambilan secara sendiri lebih terjamin kerana majikan ke Indonesia sendiri untuk mendapatkan pembantu rumah.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan, khususnya Kementerian Sumber Manusia berhubung kadar bayaran ini yang didapati amat tinggi dan membebankan majikan negara ini. Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi kadar bayaran yang tinggi ini dan adakah kerajaan bercadang untuk mendapatkan khidmat pembantu rumah warga asing selain Indonesia? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, khususnya daripada Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung cadangan untuk mewujudkan Institut Pembantu Rumah Malaysia yang pernah dicadangkan dahulu bagi mengatasi masalah kekurangan pembantu rumah dan kos pengambilan pembantu rumah yang tinggi. Saya ingin mencadangkan agar pusat latihan ini juga dibuka kepada warga asing yang berminat untuk bekerja sebagai pembantu rumah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga dalam Titah Baginda juga menyebut berhubung dengan kejayaan kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan kepada 1.7 peratus tahun lalu iaitu lebih awal dari sasaran awal pada tahun 2015. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan mengadakan pusat transformasi luar bandar dan usaha untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup rakyat. Namun hakikatnya, masih ramai rakyat penduduk luar bandar yang memerlukan perhatian, khususnya dari segi perumahan. Sebagai contoh, di Kuala Besut, Terengganu masih terdapat dua hingga tiga kelamin atau keluarga tinggal dalam sebuah rumah. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLWB) mengenai program-program yang telah dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup rakyat di luar bandar termasuklah juga Orang Asli.

■1730

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian, bilangan rumah yang telah berjaya dibina di bawah projek perumahan rakyat bagi tempoh lima tahun yang lalu dan jangkaan bagi lima tahun yang akan datang. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan Program Kampung Abad Ke-21 dari segi konsep perancangan dan pelaksanaannya.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sejauh manakah program ini mampu untuk merancakkan ekonomi luar bandar khususnya dari segi mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan bagi mengekang penghijrahan belia ke bandar.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin juga menyentuh berhubung dengan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Tuanku dalam Titah Baginda telah menyentuh berhubung dengan usaha berterusan untuk memperbetulkan jurang antar persepsi dan hakikat tahap keselamatan di negara ini.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh berhubung ancaman ugutan pengganas Sulu yang dikatakan mahu memasuki kawasan tambunan di Sabah. Sebagaimana maklum, Ops Daulat yang dilancarkan 5 Mac 2013 yang lalu susulan pencerobohan pengganas di Lahad Datu dan Semporna Sabah dan telah ditamatkan pada 29 Jun 2013 yang lalu. Sehubungan dengan itu, tanggungjawab melindungi kawasan terbabit telah diambil oleh Pusat Pemerintahan Kawasan Keselamatan Khas Sabah (ESCO).

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan tindakan dan langkah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara bersepadu bagi menghadapi gelombang kedua pengganas yang dijangkakan...

*Jangan di pagar kelapa yang condong,
Buahnya jatuh di laman orang,
Bumi dipijak langit dijunjung,
Tegak berdiri bukannya lalang.*

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Pau Chiong Ung.

5.32 ptg.

Datuk Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian Parlimen Malaysia pada 25 Jun 2013 yang lalu.

Titah Seri Paduka Baginda menunjukkan prihatin mendalam dan pelbagai polisi terhadap pembangunan negara, keselamatan masyarakat dan kepentingan rakyat. Beberapa perkara saya ingin bangkitkan dalam perbahasan seperti berikut.

Pertama, Jabatan Perdana Menteri. Dalam penggal Mesyuarat Parlimen yang lepas, saya diberitahu bahawa projek penjanaaan hidro elektrik Bakun telah pun siap sepenuhnya dan mula berfungsi sepenuhnya serta dijangka dapat menjanakan lebih kurang 2,400 megawatt. Saya terus difahamkan bahawa kesemua bekalan elektrik tersebut telah pun mempunyai pelanggan. Dengan adanya potensi penjanaaan elektrik yang begitu besar, sepatutnya bekalan elektrik di negeri Sarawak amat mencukupi. Namun, pada 27 Jun berlaku insiden keputusan bekalan elektrik seluruh negeri Sarawak. Pihak berkaitan telah pun mengambil masa enam jam memulihkan bekalan elektrik secara keseluruhan. Keadaan ini telah pun menyebabkan ramai peniaga mengalami kerugian dan mendatangkan banyak kesulitan kepada penduduk Sarawak.

Menurut penjelasan rasmi daripada Sarawak Energy Berhad (SEB), sebab utama berlakunya pemutusan bekalan elektrik seluruh negeri Sarawak tersebut adalah penurunan penjanaaan elektrik Bakun secara mendadak. SEB terus menjelaskan bahawa tiga *turbine* penjanaaan Bakun yang dapat menjanakan lebih kurang 650 megawatt telah pun gagal berfungsi secara serentak yang mengakibatkan pemutusan elektrik seluruh negeri Sarawak. Sebelum ini, kita difahamkan bahawa projek penjanaaan hidro elektrik mempunyai lapan *turbine* penjanaaan. Apakah sebab pada masa tersebut hanya tiga *turbine* sahaja yang beroperasi? Pada waktu tiga *turbine* gagal berfungsi, mengapakah pihak Bakun tidak memulakan lima *turbine* yang lain bagi menggantikan *turbine* yang gagal berfungsi?

Negeri Sarawak terkenal dengan projek penjanaaan hidro elektrik Bakun dan berjaya menarik banyak pelabur asing dengan keupayaan penjanaaan elektriknya terutamanya di kawasan industri Samalaju. Memandangkan projek Bakun telah pun berfungsi dengan sepenuhnya, SEB seharusnya mempunyai keupayaan untuk menghadapi pelbagai situasi luar jangka. Adakah projek penjanaaan hidro elektrik Bakun telah pun betul-betul berfungsi sepenuhnya? Sila nyatakan jumlah perbelanjaan pembinaan projek Bakun. Bolehkah pelanggan SEB yang mengalami kerugian dalam insiden pemutusan elektrik yang luar biasa

tersebut dapat menuntut ganti rugi? Bagaimanakah pula dengan kerugian yang dihadapi oleh kilang-kilang yang beroperasi di bawah SCORE projek termasuk kawasan industri Samalaju.

Perlukah kerajaan Sarawak atau Sarawak Energy Berhad membayar ganti rugi kepada mereka khususnya pelabur asing. Sila nyatakan kesan-kesan keyakinan pelabur asing selepas insiden ini.

Baru-baru ini, pihak kerajaan negeri Sarawak, Sarawak Energy Berhad dan Sarawak Hidro Berhad telah pun mohon bantuan Kerajaan Persekutuan untuk melantik perunding khas bagi menyasat perkara sebenar insiden tersebut. Sepatutnya Sarawak Energy Berhad dan Sarawak Hidro Berhad mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti punca kerosakan tanpa bantuan luaran. Mungkinkah masalah ini adalah disebabkan oleh koordinat antara satu sama lain yang kurang memuaskan. Tidak ada pihak ingin mengakui kesalahan bagi melepaskan tanggungjawab. Besar harapan supaya hasil siasatan dapat diumumkan kepada rakyat negeri Sarawak secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum projek penjanaan hidro elektrik dijalankan pihak berkaitan, terdapat rancangan untuk memindahkan semua penduduk asli kawasan terlibat ke Sungai Asap. Berapakah orang penduduk asli telah pun dipindah kepada kawasan baru dalam rancangan tersebut dan jumlah perbelanjaan yang telah pun digunakan dalam kerja perpindahan tersebut. Berapakah penduduk asli yang belum lagi dipindahkan? Bagaimanakah dengan penduduk asli yang enggan berpindah ke kawasan baru? Terdapat liputan apa yang menyatakan masih mempunyai 1,300 orang penduduk asli yang telah mengemukakan permohonan perpindahan belum lagi dipindahkan ke tempat baru. Apakah rancangan kerajaan yang akan dibuat untuk mereka? Apakah kemudahan dan infrastruktur telah pun akan disediakan untuk mereka di kawasan baru termasuk jalan raya, sekolah atau fasiliti perubatan dan lain-lainnya.

Seterusnya, Kementerian Dalam Negeri. Selama ini statistik berkaitan keselamatan awam yang diumumkan oleh kementerian amat bercanggah dengan persepsi orang awam. Benarkah statistik yang diumumkan oleh kementerian telah pun diubahsuai seperti mana yang disebar luas antara kalangan rakyat? Sekiranya tidak, apakah tindakan telah pun diambil untuk mengatasi masalah tersebut? Pergaduhan berkumpulan buruh asing sering berlaku di kawasan orang awam kebelakangan ini. Antaranya, terdapat kes-kes yang serius mengakibatkan kehilangan nyawa buruh asing, kerugian kewangan rakyat tempatan dan membahayakan keselamatan awam negara.

■1740

Berapakah bilangan buruh asing mendaftar dan tidak mendaftar yang berada di negara kita pada masa ini? Pada masa kini kita dapat mengesan kumpulan-kumpulan pekerja asing yang menjalankan pelbagai aktiviti di seluruh pelosok negara terutamanya sempena hari besar atau hari cuti. Kawasan tertentu telah pun menjadi pusat berkumpul pekerja asing dan mendatangkan pelbagai kesulitan kepada rakyat. Keadaan yang merisaukan adalah terdapat pendatang asing yang sama berkumpul di tempat yang sama tiap-tiap hari, berbual-bual sepanjang hari.

Di negeri Sarawak selalu kedengaran bahawa terdapat kumpulan pendatang asing memasuki sempadan kita melalui jalan tikus dan jalan tikus di sempadan telah pun dibesarkan menjadi jalan gajah. Kalau mengikut jawapan Timbalan Menteri pagi tadi, dia bilang jalan lori dan jalan gajah. Rakyat risau jalan gajah tersebut akan menjadi sumber aktiviti-aktiviti jenayah. Bagaimanakah jabatan berkaitan dapat memperkukuhkan pertahanan dan menetapkan pemantauan di sempadan. Sila jelaskan masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha menjaga, mengawal kemasukan pendatang asing secara haram. Adakah pihak kementerian akan menggunakan pendekatan diplomatik dengan kerajinan bagi bekerjasama mencegah aktiviti-aktiviti jenayah di sempadan masing-masing. Selain itu, bolehkah kajian dibuat supaya kita dapat mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing seperti menggalakkan penggunaan mesin dan mengurangkan pembangunan sektor penggunaan pekerja asing yang tinggi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih atas usaha kerajaan memperbaiki sistem pengangkutan awam dengan memperuntukkan sejumlah wang yang begitu banyak bagi melengkapkan lagi sistem MRT di kawasan Lembah Klang. Walau bagaimanapun, usaha tersebut tidak mendatangkan banyak faedah atau bantuan secara langsung kepada rakyat negeri Sarawak.

Kes-kes kemalangan jalan raya yang tinggi merisaukan pengguna jalan raya. Tiap-tiap tahun kerugian yang disebabkan oleh kemalangan jalan raya mencecah RM9 bilion dan lagi mengambil kira nyawa yang terkorban dalam kemalangan jalan raya. Adakah kemalangan-kemalangan jalan raya yang berlaku disebabkan oleh sikap pemandu kereta kita yang tidak baik ataupun adakah disebabkan oleh keadaan jalan raya yang kurang sempurna. Apakah usaha yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kes kemalangan jalan raya.

Setiap tahun kerajaan memperuntukkan sejumlah subsidi besar kepada syarikat penerbangan yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara kos rendah berkualiti dalam negeri Sarawak dan Sabah. Namun perkhidmatan tersebut disediakan oleh sebuah syarikat penerbangan sahaja melibatkan harga tiket semakin tinggi akibat tidak ada persaingan. Keadaan ini menyebabkan rakyat kita tidak menikmati sebarang faedah daripada subsidi kerajaan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih kepada kerajaan kerana bekerjasama dengan pihak swasta untuk mendirikan satu *million unit* rumah mampu milik untuk pembeli yang mematuhi syarat. Pada masa yang sama kerajaan juga memperkenalkan Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia untuk menjaga kebajikan kakitangan, pegawai kerajaan dan melonggarkan syarat-syarat permohonan pinjaman rumah pertama.

Kesan daripada pembangunan pesat di bandar utama negeri Sarawak dan Sabah, ramai penduduk luar bandar telah pun pindah masuk ke kawasan bandar. Ditambah lagi kemasukan pekerja asing yang semakin ramai, masalah rumah setinggan semakin serius.

Dalam lima tahun lepas, di bawah skim Rumah Mampu Milik, Rumah Mesra Rakyat, Rumah 1Malaysia, berapakah unit rumah kos rendah atau sederhana telah pun didirikan oleh Kementerian atas kerjasama dengan pihak swasta di negeri Sarawak dan Sabah. Apakah kerja susulan dibuat untuk memberi perhatian terhadap masalah suasana sekeliling kawasan perumahan mampu milik yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi?

Didapati banyak kawasan perumahan kos rendah menghadapi pelbagai masalah, suasana sekeliling perumahan yang teruk termasuk suasana perumahan yang kotor dan sempit, kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya juga tidak memuaskan dan lain-lain lagi. Pihak manakah yang dipertanggungjawabkan untuk menjalani kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya, *facility*, rekreasi dan lain-lain di kawasan sekeliling perumahan itu?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit masalah mengenai Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Kementerian telah pun memperkenalkan banyak skim penanaman dan penanaman semula untuk syarikat ladang kecil atau petani termasuklah menggalakkan penanaman getah. Sila nyatakan statistik panduan kepada industri penanaman kelapa sawit dalam lima tahun yang lepas termasuk jumlah bantuan, bilangan peladang, organisasi yang mendapat manfaat dan keluasan perladangan yang terlibat. Juga mohon dijelaskan keadaan pembayaran ansuran bantuan tersebut.

Selain itu berapakah bantuan telah pun diberikan kepada pengusaha penanam getah dan berapakah keluasan penanaman getah. Sila nyatakan jumlah peladang, organisasi yang mendapat manfaat daripada bantuan tersebut untuk negeri Sarawak dan Sabah. Sila berikan statistik terperinci sebagai rujukan sama ada bantuan tersebut akan diteruskan pada lima tahun yang akan datang. Adakah Kementerian menghadapi masalah-masalah pembayaran balik untuk bantuan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan Parlimen yang lepas, banyak kali saya bangkitkan masalah jalan raya utama negeri Sarawak dan Sabah yang kurang memuaskan. Dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 yang lepas baru-baru ini, isu ini juga merupakan salah satu isu hangat di kalangan rakyat negeri Sarawak dan Sabah. Terdapat juga pihak politik menjanjikan bahawa dapat meningkatkan jalan utama yang kini dua hala. Dua lorong tersebut kepada jalan dua hala empat lorong dalam masa lima tahun. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang baru juga telah pun membuat pengumuman bahawa akan meningkatkan jalan raya utama tersebut kepada lebuhraya.

Sila nyatakan kerja-kerja persediaan yang telah pun dibuat oleh kementerian bagi mencapai matlamat tersebut dan bagaimanakah kementerian dapat mencapai matlamat tersebut. Kawasan tertentu jalan raya utama di negeri Sarawak dan Sabah merupakan kawasan kemalangan. Punca berlakunya kemalangan jalan raya adalah pelbagai termasuklah keadaan jalan raya yang tidak memuaskan, sikap pemandu kenderaan, keadaan kenderaan yang tidak baik tetapi keadaan jalan raya yang tidak memuaskan adalah merupakan faktor utama kenderaan mengalami kerosakan.

■1750

Saya berharap sebelum jalan utama tersebut dipertingkatkan menjadi lebuh raya, kerja-kerja pencegahan perlu dilaksanakan di kawasan hitam kemalangan jalan raya seperti membesarkan jalan raya yang terlalu sempit. Meluruskan potongan jalan raya, jalan yang terlalu cerun atau membengkok dan memotong rumput di tepi jalan raya secara berkala bagi meningkatkan jarak penglihatan dan lain-lain lagi.

Selain itu program atau taklimat atau pameran pencegahan kemalangan jalan raya perlu dijalankan seperti menambahkan papan amaran juga dapat mengurangkan kemalangan jalan raya. Baru-baru ini dalam suatu lawatan kerja ke negeri Sabah, saya perhatikan bahawa keadaan jalan dari Pitas berlubang-lubang, amatlah teruk sekali. Saya berharap pihak berkaitan dapat memberi perhatian dan memperbaiki secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Projek SCORE Sarawak sedang dijalankan dengan lancarnya terutama di kawasan industri Samalaju, Bintulu. Dianggap bahawa separuh daripada lori besar di Sarawak telah pun terlibat dalam kerja-kerja pembinaan kawasan industri di Samalaju. Akan tetapi Bintulu selalu berlaku keadaan kekurangan bekalan minyak diesel. Kebelakangan ini keadaan tersebut semakin serius dan masalah tersebut telah menimbulkan banyak rungutan dan aduan pihak pengusaha pengangkutan lori kerana operasi harian mereka tertangguh kerana tidak ada minyak diesel. Adakah pihak berkaitan sedar akan keadaan tersebut? Sila bekalkan statistik kuota minyak diesel yang diberikan kepada Bintulu setiap bulan atau dalam tempoh tiga tahun yang lepas. Bagaimanakah kementerian akan menangani masalah ini sebelum ia bertambah lagi serius? Selain dari itu, saya juga minta statistik mengenai bilangan Kedai Rakyat 1Malaysia khususnya di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun kerajaan memberikan peruntukan besar untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat Malaysia. Dua tahun yang lepas kementerian telah pun membelanjakan RM20 million untuk memasang Sistem Maklumat Pelanggan iaitu *Client Information System* pertama di Hospital Bintulu, Sarawak. Namun, malangnya saya difahamkan bahawa sistem itu telah pun mengalami kerosakan dan gagal diperbaiki sehingga kini. Hakikatnya sistem tersebut bukan sahaja tidak dapat membantu operasi pengurusan hospital malah telah pun merumitkan lagi keadaan. Mohon penjelasan daripada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah satunya wakil daripada negeri Sarawak saya berterima kasih kerana rakan-rakan Ahli Dewan Negara membangkitkan hal tanah NCR di negeri Sarawak semalam. Isu tanah NCR bukan sahaja berada di negeri Sarawak tetapi berlaku di seluruh negeri di negara kita. Pada dua tiga tahun yang lalu dengan peruntukan RM20 million disalurkan oleh Kerajaan Pusat banyak sukatan perimeter dijalankan dan tanah NCR yang sah, yang mempunyai bukti menunjukkan mereka atau datuk nenek mereka betul-betul sudah pun berada di kawasan itu tidak lewat daripada tahun 1958 maka kerajaan negeri akan memberi surat gazet kepada mereka yang layak.

Saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Sri Mohd. Najib menjelang satu lawatan kerja ke negeri Sarawak yang baru-baru ini mengumumkan peruntukan tambahan RM30 million untuk menjalankan sukatan perimeter tanah NCR di negeri Sarawak. Dengan adanya, dijangka banyak hal tanah NCR yang akan diselesaikan tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga ambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakan-rakan warga Islam yang akan menyambut Hari Raya pada awal bulan Ogos. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya, nampaknya kita ada dua lagi Ahli-ahli yang hendak berbahas pada hari ini iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor dan Yang Berhormat Tuan Chiew Lian Keng.

Diharap Yang Berhormat Tuan Chiew Lian Keng dapat bersedia sebab selepas ini saya akan menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor. Silakan Yang Berhormat.

5.56 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin PA Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk turut sama bangun dan mengambil bahagian berucap dalam Titah Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas ini. Doa dan harapan saya semoga Tuanku agar dikurniakan kesihatan yang baik untuk terus menerajui negara yang tercinta ini.

Rasanya belum terlambat untuk saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seluruh anggota Barisan Nasional yang sekali lagi diberi kepercayaan dalam PRU Ke-13 lalu untuk terus mentadbir tanah air tercinta ini. Mandat yang kita terima perlulah disyukuri dengan penuh rasa tawaduk, tanggungjawab dan amanah besar yang perlu dipikul dan bukannya mengejar kemewahan duniawi yang hanya sementara ini. Ingatlah ini adalah amanah rakyat dan seterusnya kita bekerja keras untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan perasmian oleh Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh pelbagai perkara dalam isu semasa yang saya kira perlu diberi perhatian serius oleh semua rakan-rakan di Dewan yang mulia ini. Bagaimanapun kerana masa yang mencemburui saya, izinkan saya menyentuh beberapa isu penting yang saya kira perlu dijadikan iktibar dan dijadikan pedoman untuk kita meneruskan tugas amanah sebagai wakil rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu perpaduan nasional. Saya terpenggil untuk menyentuh isu yang semakin menjadi-jadi sekarang ini. Isu yang sensitif ini dan jika tidak dikawal boleh mencetus politik ketidaktenteraman kaum dan agama. Di sebalik penghinaan yang diterima walaupun telah didesak oleh NGO-NGO yang mahukan tindakan tegas diambil, saya hairan kenapa kita tidak bertindak secara agresif terhadap orang-orang yang secara jelas dan sengaja menghina Islam.

Hari ini nama seperti Melissa Gooi yang menghina Nabi Muhammad SAW dan pasangan Tan Jye Yee ataupun Alvin dan Vivian Lee yang sengaja memuat naik hidangan dan *caption* yang menyentuh sensitiviti di laman sosial *Facebook*. Kemasyhuran mereka umpama artis hari ini. Semua orang kenal atas sebab yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, pasangan ini telah memuat naik gambar sedang menikmati hidangan '*bak kut teh*' atau dikenali sebagai sup herba babi di *Facebook* dengan menulis *caption*, "*Selamat Berbuka Puasa dengan 'bak kut teh'. Wangi, enak dan menyelerakan*" serta meletakkan logo halal pada gambar berkenaan. Saya yakin mereka memang mempunyai niat menghina agama Islam.

■ 1800

Tuan Yang di-Pertua, penghinaan di alam siber ini bukan perkara baru. Selain daripada media sosial berbahasa Melayu dan bahasa Inggeris, banyak lagi penghinaan dilakukan terutama media sosial bukan Melayu. Jika tidak percaya cubalah masuk tengok pasti akan ada penghinaan terhadap Islam yang lebih buruk daripada itu. Ini tidak termasuk penghinaan terhadap kalimah Allah.

Ironinya apabila mereka minta maaf, kita pun kata tidak apalah. Mereka belum dewasa lagi, masa mereka masih panjang. Persoalan saya bagaimana pula nasib anak muda yang meringkuk dalam penjara atas dakwaan cuba membakar gereja tidak berapa lama dahulu. Produk yang lahir hari ini berkemungkinan adalah sebahagian daripada produk sistem pendidikan yang pelbagai. Walaupun dicanangkan ia berjaya tetapi hakikatnya selepas 56 tahun merdeka, kita masih gagal untuk melahirkan rakyat yang berjiwa Malaysia seperti yang dicanangkan oleh parti DAP yang kononnya mereka berjiwa sedemikian. Inilah akibatnya apabila subjek seperti Sejarah, subjek Kenegaraan, Tamadun Islam dan Tamadun Asia tidak dititikberatkan dalam sistem pendidikan kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada kita semua ini tidak penting. Paling penting adalah pembangunan ekonomi dan negara cepat membangun. Kita tidak mahu fikir soal produk yang lahir. Sejauh mana semangat patriotisme dan semangat cintakan negara itu wujud? Dalam

kepala kita mahu menunjukkan lagak pandai menguruskan ekonomi negara seolah-olah itulah segala-galanya. Tidak apalah mereka tidak faham, mereka bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bersama-sama di bulan yang penuh barakah ini menghayati sirah Nabi Muhammad SAW. Baginda Nabi amat tegas dalam melaksanakan agenda Islam tanpa menganiayai bukan Islam. Lagipun negara ini negara Islam. Sudah tentu kita ada hak di tanah sendiri. Apa yang perlu ditakutkan kecualilah umat Islam berada di negara bukan Islam. Cuba lihat negara-negara seperti China dan Korea Utara bagaimana mereka membina negara? Bagaimana negara mereka boleh *survive* dalam keadaan ditekan begitu hebat oleh Barat. Jiwa rakyat mereka begitu kental walaupun hidup serba sederhana, mereka tetap setia mempertahankan negara tercinta daripada diganggu gugat oleh kuasa asing. Mereka tetap kuat walaupun tidak berapa maju kononnya. Pada saya negara ini sebenarnya telah lama maju. Jika tidak mereka tidak akan mampu mengeluarkan senjata nuklear yang amat ditakuti Barat. Orang Cina Islam diberi pilihan tinggal di sana atau keluar atau dibunuh.

Suka atau tidak, mereka terpaksa menjunjung ideologi komunis. Soalan saya kenapa mereka begitu berjaya? Rakyat mereka celik sejarah dan kenegaraan. Setiap rakyat dipaksa untuk faham perkara ini suka atau tidak, mereka mesti ikut apa jua undang-undang dan peraturan negara ini. Kita pula bagaimana? Atas nama demokrasi, kita terus bermain dan membiarkan tindakan tidak pernah tegas. Kena pada orang Melayu bukan main lagi tegas kita tetapi bukan Melayu diugut sedikit sudah cair. Apa peranan SKMM, apa pula peranan *AG Office*? Kenapa SKMM hanya terlepas pandang bentuk penghinaan sebegini melalui laman web dan media sosial yang kebanyakan ditulis dalam bahasa lain dari bahasa Malaysia. Tidak cukupkah pegawai untuk memantau aktiviti ini? Juga mengapa setelah didesak barulah *AG Office* mengeluarkan kertas dakwaan? Jika kertas siasatan dari SKMM tidak lengkap, arahkan mereka untuk memperluangkannya, tidak perlu menjadi isu nasional. Desakan NGO baru hendak ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bawakan satu perkara yang berlaku baru-baru ini iaitu saya ingin mengemukakan soalan kepada Kementerian Dalam Negeri berkaitan kuasa-polis bantuan. Sejak kebelakangan ini, kereta polis bantuan berleluasa menggunakan lampu pandu arah dengan izin, *beacon light* dan siren semasa kesesakan lalu lintas terutama di Lebuhraya Sungai Besi. Apakah mereka ini berkuasa mengambil alih trafik jalan raya? Setahu saya Tuan Yang di-Pertua mereka hanya layak menggunakan kemudahan ini di premis mereka sahaja. Perbuatan mereka ini menimbulkan keresahan di kalangan pengguna jalan raya.

Baru-baru ini pada hari pertama puasa jam lebih kurang 10.30 malam, ada bos sebuah syarikat yang mempunyai khidmat polis bantuan dengan megah menggunakan polis bantuan mereka untuk eskot seolah-olah macam Perdana Menteri, gunakan lampu *beacon* dan siren yang mana di hadapan mereka ada *lead car Evo* dan belakang ada *closed escort*. Jadi saya ingin pohon penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Celah boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bolehkah polis bantuan gunakan siren, boleh?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Itu yang saya hendak tanya Kementerian Dalam Negeri ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya tanya balik, setahu saya tidak, tidak boleh.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Kalau tidak, jawabnya tidak boleh.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Menteri jawablah.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Menteri kena jawab.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Menteri.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Kita suruh menteri jawab.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri terhadap pelajar-pelajar berbangsa Cina di Taiwan yang bertindak menterbalikkan bendera Malaysia? Saya syorkan supaya pasport mereka dibatalkan sahaja memandangkan perbuatan mereka ini tidak boleh dimaafkan. Jika mereka benci sekalipun kepada Kerajaan Barisan Nasional, itu bukan caranya.

Para perajurit kita berjuang menegakkan kemerdekaan negara langsung tidak dihargai. Kita ambil contoh di Thailand. Jika seseorang itu tidak menghormati lagu kebangsaan negara itu maka mereka akan meringkuk di dalam penjara tetapi di negara kita, kita terlampau berlembut...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh celah lagi?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya syorkan lucut kerakyatan, setuju?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Setuju.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bagus.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Saya kira sudah sampai masanya kerajaan wajib mengambil tindakan tegas dan keras. Tuan Yang di-Pertua, ada masa?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Alhamdulillah*, amboi pertama kali Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa banyak lagi rasanya Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Saya ingat sepuluh minit lagi bolehlah agaknya.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa 10 minit, bolehlah. Sila teruskan.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Alhamdulillah* okey. Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua: Ini termasuk masa mencelah ya.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Celah, tidak apa kita bagi dia celah. Kini kemasukan pelajar ke matrikulasi dan IPTA dipertikaikan parti-parti bukan Melayu. Ingin saya bertanyakan pula berapa ramai pelajar Melayu ini dimasukkan di UTAR dan universiti yang dimiliki oleh parti politik bukan Melayu? Hak kita semua mereka mahu, hak mereka, mereka saja yang dapat. Cuba siasat berapa banyak biasiswa yang disediakan oleh UTAR untuk pelajar-pelajar mereka.

Kita perlu ingat bahawa sedikit pengurangan pelajar Cina dan India kerana mereka ada universiti masing-masing. Inilah akibatnya kita meluluskan universiti berasaskan parti politik dan universiti swasta. Umum mengetahui ramai kalangan bukan Melayu yang berada menghantar anak mereka ke IPTS atau ke luar negara. Pelajar miskin yang cemerlang sudah pasti mendapat tempat di IPTA. Ini tidak termasuk mereka yang awal-awal telah ditawarkan oleh universiti kaum masing-masing. Hak Islam ataupun Melayu sedikit itulah yang ingin direbut. Jika kita campur-campur nanti saya amat yakin pelajar bukan Melayu paling ramai mendapat tempat di institut pengajian tinggi. Ada kalangan bukan Melayu menarik diri apabila ditawarkan matrikulasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin alihkan kepada isu perjanjian TPPA. Saya terpenggil untuk membangkitkan isu perjanjian TPPA ini. Saya melihat secara umumnya kita perlu berhati-hati dengan sebarang perjanjian perdagangan dan ekonomi dengan kuasa-kuasa besar ini. Mungkin tidak ramai orang awam, golongan profesional ataupun golongan akademik mengetahui agenda *United State* melalui perdagangan perjanjian persahabatan *Trans-Pacific* atau *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) dan lebih membingungkan kerana ketiadaan ketelusan kerajaan dalam mendedahkan rundingan antara Putrajaya dan

Washington dan perkara yang berkaitan dengan perdagangan yang amat menyentuh persoalan kedaulatan negara.

■1810

Perjanjian TPPA dirunding di antara Australia, US, New Zealand, Kanada, Mexico, Chile, Brunei, Malaysia dan Vietnam. Seperti *North America Free Trade Agreement* (NAFTA) yang dianggotai oleh *United State, Canada* dan *Mexico*. Amerika ingin mewujudkan satu perjanjian ekonomi serantau dalam kalangan negara Asia Pasifik yang dipenuhi dengan tanggungjawab dan komitmen. Kegagalan Rundingan Perdagangan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di mana negara selatan telah mengukuhkan usaha mereka mempertahankan hak dan kedaulatan menyebabkan negara maju seperti US mencari jalan keluar melalui perundingan dua hala seperti Perjanjian Perdagangan Bebas dan FTA, terkini ialah perjanjian-perjanjian serantau seperti TPPA.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ianya adalah sebahagian usaha korporat gergasi Amerika yang mendesak kepada agenda memperluas dan mengukuhkan penguasaan mereka dengan mengetepikan hak warga dunia negara selatan. Apa yang kita bimbangkan, Kerajaan Malaysia akan menandatangani perundingan TPPA yang dijangka dimeterai pada 2013 di Brunei. Perjanjian ini antaranya akan melibatkan peraturan ubat generik tidak dibenarkan dijual di negara ini iaitu ubat tiruan seperti *Panadol* umpamanya yang lebih murah yang mempunyai kandungan dan kesan yang sama dengan ubat asli. Ini bermakna ubat hanya boleh dibeli secara langsung dari Amerika Syarikat, syarikat farmasi asal yang akan menyebabkan kos ubat sangat mahal. Ini berlaku kerana dalam perjanjian TPPA, hak harta intelektual ke atas ubat dikuatkuasakan untuk melindungi syarikat gergasi farmaseutikal antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, lebih merisaukan lagi ialah TPPA bakal memberi kesan buruk ke atas industri asas padi negara apabila beras dari USA yang menerima subsidi yang tinggi akan dipasarkan di negara ini. Ratusan ribu keluarga petani padi di negara ini akan terjejas jika TPPA dimeterai. Perkara ini pernah diusahakan Amerika Syarikat melalui FTA dahulu tetapi gagal. Termasuk dalam agenda rundingan TPPA ialah juga bidang pelaburan dan khidmat undang-undang dan pelbagai khidmat profesional tempatan yang lain akan berhadapan persaingan pasaran terbuka. Persoalannya, sejauh manakah industri perkhidmatan kita bersedia berhadapan dengan kemasukan syarikat gergasi ini? Keadaan ini akan bertambah buruk apabila syarikat tempatan dan negara akan terdedah kepada tindakan undang-undang antarabangsa jika ada layanan yang diberi kepada syarikat tempatan misalnya syarikat bumiputera tetapi mengetepikan syarikat asing. Melalui peruntukan dalam perjanjian TPPA, syarikat asing yang melabur di negara ini harus diberi layanan sama rata dengan syarikat tempatan.

Ini seolah-olah menyamai peraturan perdagangan yang termaktub di dalam Perjanjian Perdagangan Industri Perkhidmatan dan Rejim Pelaburan yang dilindungi oleh WTO. Tuan Yang di-Pertua, apa yang harus diketahui rakyat Malaysia ialah rundingan TPPA ini sangat berisiko tinggi untuk Malaysia kerana *clause* yang terkandung di dalamnya boleh merangkumi hampir semua industri dan mewujudkan persaingan yang akan merugikan ekonomi tempatan. Jika sesiapa masih ingat Malaysia hampir-hampir menandatangani perjanjian FTA dengan Amerika Syarikat beberapa tahun yang lalu tetapi apabila tekanan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi kepentingan orang awam maka perjanjian itu tidak dimeterai. Seperti FTA, kesan perjanjian TPPA akan berakhir dengan kerugian yang akan ditanggung oleh usaha tempatan serta membebankan kualiti hidup rakyat dan meningkatkan kos hidup rakyat secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikesalkan kenapakah Kerajaan Malaysia tidak mendedahkan perundingan ini kepada awam untuk mendapatkan maklum balas? Adakah kerana ia terlalu teknikal maka kerajaan merasakan rakyat tidak perlu mengetahui kerana rundingan di pihak kerajaan adalah mewakili kepentingan orang awam.

Apakah kumpulan profesional dan NGO seperti MTEM iaitu Majlis Tindakan Ekonomi Melayu tidak mempunyai kepakaran untuk memberikan maklum balas atau sekurang-kurangnya membantu kerajaan dalam menangkis agenda penjajahan baru halus Amerika dan negara Barat itu. Lebih menyedihkan, ia tidak diutarakan di Dewan Rakyat dan Ahli Parlimen termasuk kami daripada kalangan Senator yang juga tidak dimaklumkan untuk dibahaskan. Walhal, jika ia dimeterai akan memberi kesan yang sangat besar kepada seluruh kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, jika rundingan yang menyentuh aspek kedaulatan dan kos hidup rakyat, kenapa yang mengutamakan rakyat dengan semangat 1Malaysia perlu dirahsiakan dalam perjanjian seperti ini? Tidak sepatutnya dimeterai dan terlindung daripada pengetahuan orang awam. Saya berpandangan rakyat berhak tahu dan memberi pandangan apabila perjanjian seperti ini melibatkan kualiti hidup mereka sama ada jangka panjang mahupun jangka pendek. Banyak maklumat penting mengenai TPPA yang belum diperoleh oleh orang awam supaya satu proses maklum balas dan konsultasi antara masyarakat madani dan kerajaan dapat digerakkan. Malah penyertaan Malaysia melalui Kementerian Perdagangan dan Antarabangsa (MITI) dan rundingan TPPA bersama sebelas negara iaitu Australia, Brunei, Kanada, Chile, Malaysia, *Mexico*, New Zealand, Peru, *Singapore*, Amerika dan Vietnam itu tidak diketahui oleh Ahli Parlimen sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masih ada dua minit lagi Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Boleh, boleh, deraslah. Jangan mencelah ya.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sekarang sedang menyertai pusingan rundingan TPPA kali ke-17 yang diadakan di Peru pada 15 sehingga 24 Mei tetapi tidak diketahui oleh Ahli Parlimen apatah lagi orang awam namun pada 13 Jun 2011, bahagian-bahagian dalam perundingan pelaburan yang dicadangkan untuk TPPA telah dibocorkan dan dihantar *online* oleh pertubuhan bukan kerajaan, warga awam yang berpusat di Washington. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang meneliti dokumen yang dibocorkan itu memberikan perhatian yang serius mengenai bahagian-bahagian yang terkandung dalam dokumen tersebut yang ternyata merugikan negara-negara yang akan menandatangani.

Melalui dokumen dibocorkan, CAP juga mendapati bahawa seolah-olah Malaysia telah bersetuju dengan sesetengah perkara yang terdapat dalam dokumen tersebut dan memberikan hak-hak yang lebih besar dan keistimewaan kepada pelabur asing dan korporat-korporat bergasi membataskan kuasa kerajaan dalam mengawal selia bagaimana firma-firma harus beroperasi dalam negara kita. Ini seolah-olah meletakkan kepentingan korporat asing mengatasi kebajikan dan kepentingan rakyat kita. Sehubungan itu, kebimbangan ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Gulung.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Gulung? Allah, itu dia nak gulung, dekat dah itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Satu minit ya?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Okey. Tuan Yang di-Pertua, saya turut terpanggil untuk memetik gesaan CAP itu supaya rundingan TPPA ditangguhkan sehingga segala teks dan dokumen relevan mengenainya didedahkan kepada orang awam dan NGO dan analisa untung ruginya dijalankan bagi mengetahui kepentingan kepada rakyat, usahawan dan negara. Ini dia punya *caption* kenalah Tuan Yang di-Pertua.

Rundingan berhubung dengan pelaburan seperti status layanan tempatan yang merugikan itu harus dibuang daripada TPPA. Namun jika kerajaan ingin meneruskan rundingan dalam bahagian berkaitan dengan pelaburan, CAP menggesa kerajaan supaya perkara-perkara seperti penyelesaian pertikaian antara pelaburan dalam negara dikecualikan sebagaimana yang dilakukan oleh Australia. MITI harus memberi penerangan mengenai hal ini. Tuan Yang di-Pertua, saya juga di sini sebelum saya gulung...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah itu Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: ...Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan yang telah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri... [*Tepuk*] Menjaga...

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Celah, celah.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Duduk sebentar. ...Menjaga hal ehwal Parlimen daripada pagi sampai petang. Tahniah Dato' Seri.

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Celah, celah sikit.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Nak celah juga? Ha, celah. Saya bagi celah.

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat Shukor dan Tuan Yang di-Pertua. Sebab TPPA ini bagi saya cukup serius, cukup serius. Daripada maklumat Yang Berhormat telah beritahu tadi walaupun Yang Berhormat ini daripada parti kerajaan dan saya daripada pembangkang, kadang-kadang kita sehati juga walaupun tak sejiwa.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Tak apa, ini 1Malaysia ini.

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Lagi pula Perlis dengan Kedah ini. Cuma...

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Soalan, soalan.

■1820

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Saya ingin minta pernyataan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya. Sebelum perjanjian ini, kalau hendak ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan pihak yang berkenaan, Amerika khususnya. Dibawa dulu kepada sidang Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara supaya dapat diteliti dan dimaklumkan kepada kita seperti mana yang Yang Berhormat sebut tadi?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Tidak dengar apa saya cakap tadi.

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Dengar tadi.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Dengar, duduk. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Gulung, Yang Berhormat. Gulung. Cukuplah itu. Gulung.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, memandangkan kita masih ada sepuluh minit lagi, Yang Berhormat. Berapa panjangkah?

Tuan Chiew Lian Keng: Sepuluh minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Sepuluh minit? Okey, teruskan.

6.20 ptg.

Tuan Chiew Lian Keng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berucap menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa Pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas. Saya menjunjung Titah Seri Paduka Baginda yang menyentuh kepentingan memikul amanah rakyat yang inginkan kestabilan dan kemakmuran negara berkekalan. Kesejahteraan hidup terus meningkat serta perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Kestabilan dan keamanan inilah yang amat penting untuk memastikan pembangunan negara ini terus kukuh.

Namun demikian, saya berasa amat terkejut kerana akhbar *The Star* pada awal bulan ini telah mendedahkan bahawa daripada dua ribu orang tahanan Ordinan Darurat yang telah dibebaskan, sebanyak satu per tiga ataupun 800 orang telah kembali melakukan jenayah.

Menurut *The Star* juga, pihak polis percaya bahawa angka ini akan meningkat lagi. Maklumat juga mengatakan bahawa penjenayah yang sebelum ini ditahan di bawah Ordinan Darurat berada dalam kawalan dan berjauhan dengan komuniti. Akan tetapi keadaan ini telah bertukar selepas Ordinan Darurat dimansuhkan dan bekas penjenayah berat ini mungkin berada di sekeliling kita dan mungkin kembali melakukan jenayah termasuk...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Hendak tanya soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Ada yang hendak mencelah, Yang Berhormat.

Tuan Chiew Lian Keng: ...Penyeludupan senjata api yang digunakan kes jenayah. Silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Yang Berhormat, saya hendak tanya. Adakah sebarang bukti kajian atau sebarang data yang memberikan kita penjelasan bahawa peningkatan jenayah ini berlaku kerana masalah mereka seramai 2,600 orang yang kononnya dilepaskan di bawah Ordinan Darurat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Menurut laporan daripada *The Star*. Kalau tidak ada, saya bagi *The Star*.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tidak ada laporan polis?

Tuan Chiew Lian Keng: Laporan *The Star* yang dia wawancara dengan polis. So, polis yang memberikan maklumat ini. So, nanti saya bagi *newspaper The Star* ke tempat awaklah. Boleh baca sendiri.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Laporan akhbar itu akan dijadikan sebagai asas kepada pertimbangan dalam Dewan ini.

Tuan Chiew Lian Keng: Bukan asas. Itu sumber yang saya dapatlah.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih.

Tuan Chiew Lian Keng: Oleh yang demikian, saya ingin penjelasan daripada kerajaan sama ada Akta SOSMA yang diperkenalkan pada tahun lepas mencukupi untuk mencegah jenayah berat seperti di mana Ordinan Darurat yang telah digunakan. Kerajaan perlu meneliti semula keadaan sebelum dan selepas pemansuhan akta pencegahan ini kerana kes jenayah sememangnya telah bertambah terdedah di setiap tempat dengan bukti-bukti surat khabar dan media sosial. Ini telah sekali gus menjatuhkan imej negara secara amnya dan menjejaskan keyakinan terhadap Kerajaan Barisan Nasional secara khususnya.

Saya merasa bahawa pihak kerajaan perlu mengambil perhatian dan pertimbangan antara keselamatan awam dan hak asasi manusia di mana sebelum ini Ordinan Darurat digunakan untuk menahan penjenayah berat. Pihak pembangkang yang memperjuangkan hak asasi manusia telah lupa bahawa penjenayah-penjenayah berat yang telah dibebaskan adalah akibat mereka dalam menyeru kerajaan untuk mempertimbangkan pemansuhan EO. Maka, saya yakin pihak kerajaan akan memberi langkah penyelesaian yang baik sama ada memperkenalkan akta baru yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah jenayah berat ataupun memberi lebih kuasa kepada polis dan pendakwa raya untuk menangkap dan mengheret mereka ke mahkamah dengan hukuman yang lebih berat.

Menurut akhbar *The Star* juga, pegawai polis yang diwawancara menerangkan bahawa pendakwaan terhadap penjenayah berat yang berulang ini amat sukar kerana pihak pendakwaan perlu mengemukakan bukti yang kukuh sebelum mahkamah dapat membuat keputusan pengadilan. Oleh yang demikian, kita mesti bertindak adil terhadap PDRM, bertindak sebagai penguat kuasa dan bukannya memperlekehkan tindakan polis dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Maka, saya juga mencadangkan undang-undang sedemikian perlu dikaji semula supaya kuasa polis dapat ditambah dan penjenayah-penjenayah tidak mudah dilepaskan daripada mahkamah kerana tidak mempunyai bukti yang mencukupi atau hanya dihukum dengan ringan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja kerana baru-baru ini telah berjaya menangkap pemuda yang mengimport pistol daripada luar negara melalui Pos Malaysia dan juga menumpaskan kes penyeludupan pistol untuk disewa di Kelantan baru-baru ini. Namun demikian, saya berharap bahawa Kementerian Dalam Negeri dan PDRM dapat memberi perhatian yang khusus dan memikirkan cara penyelesaian terhadap kes jenayah yang menggunakan senjata api seperti membunuh dan merompak yang kerap berlaku di sekeliling kita. Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak Jabatan Kastam Diraja dan Unit Pencegahan Penyeludupan, Kementerian Dalam Negeri untuk mengetatkan lagi kawalan sempadan negara terhadap khabar angin yang mengatakan bahawa pelbagai kumpulan penjenayah telah menggunakan sempadan Malaysia-Thailand untuk menyeludup senjata api masuk ke Malaysia.

Khabar angin seperti ini adalah amat serius dan saya berharap bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri dapat menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah peningkatan kes jenayah dan senjata api haram ini di mana senjata api haram ini dikatakan mudah diperolehi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan bandar juga dikatakan salah satu faktor yang amat kritikal dan menyebabkan keluarga yang berpendapatan rendah di kawasan bandar cenderung untuk melakukan jenayah kerana tekanan hidup. Kemiskinan bandar telah memberikan kesan yang mengubah gaya hidup mereka apabila mereka tidak dapat mengatasinya. Mereka akan cenderung untuk melakukan jenayah seperti ragut dan juga mencuri barangan berharga bagi menampung kehidupan mereka. Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlu mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah jurang perbezaan pendapatan dan kemiskinan bandar serta memastikan golongan ini dibela dengan bantuan perumahan dan bantuan kos sara hidup di kota raya ini dan tidak melakukan jenayah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya terima aduan daripada orang ramai mengatakan pengutipan debit *credit card* di mana mereka telah mengupah ataupun mengambil *court injunction* dengan dua orang pegawai mahkamah, dua orang anggota polis, dua orang samseng, saya ingat samseng tetapi dia adalah pembuka mangga untuk memaksa bayaran dan membuka pintu. Sekiranya tidak dibuka pintu, mereka akan masuk rumah untuk mencatat apa barangan yang boleh dijual. Tindakan ini seolah-olah kejam terhadap peminjam dan difahamkan mereka hutang hanya RM4,000 pokok dan RM6,000 bunga. Saya berharap pihak Bank Negara boleh ambil tindakan terhadap bank ini iaitu UOB di mana tindakan ini tidak banyak duit. Hanya RM10,000 lebih sahaja, mereka telah membazirkan tenaga kerajaan dan polis serta mahkamah untuk mendapatkan balik duit pinjaman *credit card* itu.

Kami difahamkan *credit card* senang sahaja dapat, *apply* di mana, di *supermarket* dan di pasar malam. Mereka itu membuka kaunter untuk menarik pelanggan untuk mengadakan pelanggan untuk mengambil *credit card* itu. So, saya menyeru pihak Bank Negara mengambil tindakan ataupun memandang serius...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 6.30 petang.

Tuan Chiew Lian Keng: Saya terus gulung sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu gulung, atau Yang Berhormat perlu masa lagi? Tidak payah. Esok boleh sambung?

Tuan Chiew Lian Keng: Tidak payah, tidak payah. Akhir kata, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana diberi peluang untuk membawa isu-isu berbangkit untuk perhatian pihak kerajaan. Dengan ini saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda semasa pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Ke-13. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 24 Julai 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.]